

Bil. 75

**Khamis
30 November 2000**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2001

Jawatankuasa :

Jadual -

Maksud B.44

(Halaman 13)

Maksud B.45

(Halaman 39)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2001

Jawatankuasa :

Maksud P.44

(Halaman 13)

Maksud P.45

(Halaman 39)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S.
(Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P.,
(Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K.,
P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)

- Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)

- Yang Berhormat Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Rai ey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ram. bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Ten ku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert La. Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 30 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada pihaknya telah menerima laporan mengenai jerebu melanda negara pada tahun 1997 yang memberi kesan teruk kepada rakyat jelata. Jika ya, sebutkan kesan-kesan buruknya terhadap manusia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia telah menjalankan kajian kesan jerebu ke atas beberapa sektor utama meliputi sektor ekonomi, pertanian, perikanan dan kesihatan. Ekoran daripada masalah jerebu yang telah melanda negara ini pada tahun 1997. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa kejadian jerebu 1997 telah meningkatkan insiden penyakit berkaitan *respiratory* dan mengurangkan kesejahteraan ekonomi negara.

Kajian ini telah menganggarkan kos ekonomi terhadap kemusnahan akibat daripada insiden jerebu adalah berjumlah sekitar RM800 juta. Kemusnahan ini adalah dinilai dalam masa singkat meliputi kos kesihatan jangka pendek; kerugian pengeluaran; kerugian berkaitan pelancongan dan juga kos tindakan pengawalan yang juga meliputi kos bagi menjalankan pembenihan awan.

Selain dari itu, kajian awal ini mendapati bahawa sektor pertanian juga turut menerima kerugian akibat insiden jerebu tersebut. Ini adalah disebabkan kurangnya kadar fotosintesis yang telah menjejaskan kadar pertumbuhan dan juga hasil tanaman pertanian. Manakala kesan jerebu ke atas kesihatan pula adalah agak sukar dilaksanakan dan memerlukan kajian jangkamasa yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, di dalam kajian jangkamasa pendek, telah diperhatikan bahawa terdapat peningkatan insiden penyakit berkaitan *respiratory* semasa kejadian jerebu.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saintis terdiri daripada pihak universiti sedia mengkaji terhadap jerebu yang berlaku di negara kita ini. Sama ada pihak kerajaan sedar bahawa jerebu ini telah menjadikan rosak otak manusia dan sistem saraf manusia. Sama ada menerima laporan sedemikian atau tidak. Kalau ada, kenapa tidak mengambil tindakan selanjutnya terhadap kesihatan rakyat ini.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kajian yang telah dibuat adalah dalam bentuk kajian kesan jangka pendek seperti yang telah saya sebutkan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Terutamanya saya mengucapkan tahniah kepada penduduk Lunas yang telah berjaya menyingkirkan sandiwara Barisan Nasional. [Disampuk] Dan meningkatnya keyakinan kepada politik yang tanpa mengira ras. Soalan tambahan. [Disampuk] Sabar sekejap. Sepertimana yang kita ketahui bahawa isu jerebu ini merupakan isu yang bukan sahaja melibatkan negara Malaysia sahaja tetapi ia adalah akibat daripada rantau di Asia ini. Apakah langkah

yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam rangka bersama-sama dengan negara-negara ASEAN terutamanya melibatkan kawasan Kalimantan, Sumatera dan seumpamanya bagi memastikan bahawa perkara yang sama tidak akan berulang lagi. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini pun agak terkeluar daripada soalan asal. Bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, sebenarnya memang ada kerjasama yang telah diwujudkan di dalam beberapa penubuhan jawatankuasa bersama di antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN termasuklah Indonesia sendiri. Terima kasih.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal] tidak hadir].

3. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah benar pengumuman beliau baru-baru ini bahawa SOCSO mungkin tidak mampu membayar pampasan untuk kemalangan kepada pekerja dan keluarga mereka pada masa hadapan. Jika benar, apakah implikasinya kepada pencaerum SOCSO.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa caruman yang dipungut oleh PERKESO mungkin tidak dapat menampung bayaran faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah skim di masa-masa akan datang. Misalnya pada tahun 1999, pulangan pelaburan PERKESO adalah RM475.7 juta, manakala belanja tanggungannya adalah RM497 juta. Walau bagaimanapun, PERKESO sentiasa memastikan supaya caruman yang dipungut dan pulangan pelaburan yang diterima dapat menampung pembayaran pampasan kemalangan kepada pekerja dan keluarga mereka. Dan, implikasinya kepada pencaerum mungkin satu hari pencaerum akan terpaksa membayar caruman yang lebih sedikit daripada kadar biasa.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah benar sebab utama kenapa pampasan PERKESO meningkat kerana bilangan kemalangan tahun demi tahun terus naik. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata, caruman akan dinaikkan. Bilakah caruman ini akan dinaikkan dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya kita boleh mengurangkan bilangan kemalangan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu kerana prihatin tentang nasib pekerja dan mereka yang malang. Yang Berhormat bagi Batu ada dua soalan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, mengatakan bahawa caruman pampasan terpaksa dibayar oleh PERKESO meningkat ekoran daripada kemalangan. Sebenarnya itu tidak berapa tepat. Kalau kita lihat statistik yang dibekalkan, kes-kes kemalangan terus menurun daripada tahun 1994 umpamanya, jumlah kemalangan yang dilaporkan kepada PERKESO adalah 122,688. Dan, ia terus menurun pada tahun 1995 kepada 114,134 dan pada tahun 1999, peratusan ini menurun kepada setengah iaitu 63,879 tetapi yang menjadikan pampasan yang terpaksa ditanggung oleh PERKESO meningkat setiap tahun kerana bilangan yang menerima pampasan lebih ramai daripada mereka yang menerima kemalangan. Sebagai contoh pada tahun 1996 - 174,957; 1998 - 210,288 orang yang menerima pampasan. Ini adalah disebabkan mereka yang menerima pampasan ini adalah terdiri daripada mereka yang layak dalam skim yang kita panggil Skim Pencen Ilat iaitu mereka-mereka yang menerima penyakit-penyakit yang susah hendak sembuh seperti kencing manis, darah tinggi atau kena strok, yang melayakkan mereka menerima pencen berterusan sehingga mereka meninggal dunia. Ini yang mengakibatkan pampasan yang dibayar oleh PERKESO terus meningkat tahun demi tahun.

Untuk menjawab soalan kedua, bila caruman ini akan dipertingkatkan. Mengikut kajian sains *actuary*, jika kadar ini berterusan PERKESO akan menghadapi masalah kewangan pada tahun-tahun 2009 ke atas. Ini adalah kerana dalam – Yang

Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini teknikal sikit, saya kena cerita sikit supaya Yang Berhormat bagi Batu faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: PERKESO ada dua jenis caruman. Satu untuk Skim Bencana Kemalangan yang *fully funded*, dengan izin, sebanyak 1.25% yang dicarumkan oleh majikan. Satu lagi caruman adalah untuk Skim Pencen Ilat yang bentuk carumannya adalah 1%, 50% caruman daripada majikan dan 50% daripada pekerja. Ianya kongsi sama. Di negara-negara maju Skim Pencen Ilat ini adalah *fully funded*, maknanya ikut kajian sains *actuary*, ia 4% tetapi sejak dimulakan skim ini kita hanya mengenakan 1%. Maka untuk menampung implikasi kepada kadar bayaran pampasan yang terus meningkat untuk Skim Pencen Ilat maka peratusan ini terpaksa ditingkatkan sehingga 4% dan kita bercadang untuk meningkatkannya sedikit demi sedikit sehingga ia mencapai 4%. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak ucap tahniah kepada parti Keadilan yang berjaya di Lunas. [Tepuk] Ini menunjukkan bahawa demokrasi hidup subur di negara kita. Tidak seperti yang didakwa oleh parti pembangkang, demokrasi mati, ini menandakan negara kita demokrasi....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:...begitu subur.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masuk kepada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, demokrasi ini walaupun kita katakan demokrasi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang boleh tahan 12 bas. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Soalan. [Ketawa] Takziah kepada DAPlah. Saya mohon bertanya kepada Timbalan Menteri, ada kes-kes tertentu pampasan kepada yang ditimpa kemalangan, SOCSO ini begitu lambat. Apa yang menyebabkan dalam setengah-setengah kes, mangsa ini, pekerja ini lambat menerima pampasannya dan sejauhmana sebenarnya yang boleh selekas-lekasnya bayaran ini dibayar kepada mangsa. Kerana kadang-kadang hospital yang mereka berurusan untuk ubat itu ataupun menyembuhkan penyakitnya itu memerlukan wang pendahuluan dan sebagainya. Pihak-pihak yang tidak berada, pekerja-pekerja ini amat sukar, jadi saya mohon sedikit penjelasan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat kekanda bagi Sri Gading, dia prihatin kerana ramai di kawasan dia itu pekerja industri. Tuan Yang di-Pertua, bila orang menerima kemalangan, dia menderita, bila menderita biasanya bila dia hubungkan dengan masa mestilah lambat. Tetapi kalau kita gembira, masa berlalu dengan cepat. [Ketawa] Sebenarnya PERKESO sentiasa prihatin tentang isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Malah banyak keluar dalam surat-surat khabar bahawa lambatnya PERKESO memproses. Tetapi Yang Berhormat perlu sedar bahawa mereka-mereka yang menerima pampasan dengan cepat itu, tidak masuk dalam surat khabar. Ribuan yang menerima pampasan, apa juga bentuk faedah, dia terima kasih secara senyap.

Walau bagaimanapun, kita sudah pun mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi oleh PERKESO. Justeru itu, pertama sekali kita meningkatkan pentadbiran, permudahkan cara hendak *claim*, kita sudah juga meningkatkan keupayaan kita dalam *computerization* dan baru-baru ini, dahulu untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa semua *claim* yang diutarakan oleh mereka yang menerima kemalangan ini diproses pada peringkat pusat, *central processing*.

Jadi, ekoran pada itu, baru-baru ini kita sudah *decentralize*, maknanya kita permudahkan. Jika, mereka yang malang itu daripada Parit yakni, Sri Gading, mereka boleh terus berurusan dengan pejabat yang terdekat di Kluang dan bayaran ceknya itu keluar daripada ibu pejabat di Johor Baharu, tidak lagi daripada Kuala Lumpur. Dan, PERKESO sentiasa memperkemarkan piagam pelanggan dan untuk dua tahun berturut-turut PERKESO telah meraih anugerah perdana dalam piawaian yang dikendalikan oleh badan kerajaan dan agensi kerajaan dalam mengurus pembayaran kepada pelanggan-pelanggannya.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] tidak hadir].

5. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kenapa operasi antipenyeludupan beras dijalankan dengan sebegitu ketat akhir-akhir ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, tindakan bagi membanteras aktiviti penyeludupan beras bukanlah satu perkara yang baru. Ianya pernah dilaksanakan dengan ketatnya sebelum ini di mana sekatan-sekatan jalan raya dijalankan secara berterusan. Namun demikian, apabila sekatan-sekatan jalan raya ditarik balik pada tahun 1998, kegiatan penyeludupan beras daripada negara Thailand kian bertambah. Maka di atas sebab itu, kementerian mengambil keputusan untuk memperketatkan semula operasi mencegah beras sejak kebelakangan ini.

Tindakan membanteras penyeludupan beras ini dijalankan di semua negeri yang bersempadan dengan negara jiran tersebut dengan tumpuan pertama di negeri Kelantan yang dikenal pasti banyak berlaku penyeludupan beras. Bagi menentukan aktiviti mencegah penyeludupan ini dikawal dengan lebih berkesan, maka pihak kementerian saya mengenakan sekatan perpindahan beras daripada negeri Kelantan ke negeri-negeri lain. Pendekatan ini diambil memandangkan pasaran beras di negeri tersebut banyak bergantung kepada beras Thailand, sedangkan beras keluaran tempatan mengalir keluar untuk pasaran-pasaran di negeri-negeri lain.

Dengan menentukan bekalan beras dari Kelantan berada di pasaran negeri itu sendiri, maka permintaan bagi beras dari Thailand menjadi terhad. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 2000 ini kelonggaran telah pun diberikan kepada peniaga-peniaga di Kelantan untuk menjual beras kepada pemborong-pemborong di negeri lain. Untuk tujuan ini mereka perlu mendapatkan permit daripada kementerian saya. Buat masa ini kementerian saya belum bercadang untuk menarik balik sekatan tersebut memandangkan kelonggaran yang diberi itu memadai bagi, dengan izin, *genuine traders* untuk meneruskan operasi masing-masing.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengikuti jawapan tadi dengan teliti dan berterima kasih kepada pihak Menteri kerana telah sedikit-sebanyak melonggarkan perjalanan beras dari negeri Kelantan keluar dan ini menyenangkan terutamanya pengilang-pengilang beras di sana yang kesemuanya bumiputera berbeza dengan negeri-negeri yang lain yang menolong *genuine millers*, dengan izin, saya setuju. Yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah bahawa terdapat juga di Kelantan seperti negeri-negeri lain, *genuine consumers* iaitu pengguna yang tulen yang sudah puluhan tahun, kalau tidak ratusan tahun, menggunakan beras yang nampaknya lebih bermutu dari negara Thailand ini.

Jadi, apakah tindakan yang kementerian bercadang untuk melonggarkan lagi supaya pengguna-pengguna tulen ini yang memerlukan beras yang seolah-olah mungkin mengalami masalah jika beras yang mereka sudah puluhan tahun menggunakan itu tidak dapat mereka gunakan kerana sekatan yang terlalu ketat yang mana orang-orang yang membawa dengan motosikal walau cuma beberapa kilo sahaja beras ditahan dan dirampas beras mereka itu oleh pegawai-pegawai pencegah penyeludupan dan pegawai-pegawai penguat kuasa yang lain daripada berbagai-bagai

kementerian khususnya di kawasan-kawasan sempadan terutamanya di kawasan saya di Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak menghalang ataupun menyekat pihak pengguna untuk membeli ataupun menggunakan beras tulen yang mungkin sebahagian besar diimport daripada luar seperti Thailand. Yang kita hendak cegah ialah mereka menggunakan beras yang diseludup dan kebetulan kerana Tumpat, saya pun sudah pergi di situ melihat kawasan-kawasan di Rantau Panjang berhampiran sangat dengan negara jiran Thailand, dan di sebelah sungai kita lihat banyak kilang memproses beras diadakan, *tendency* untuk penyeludupan begitu besar. Jadi, sebab itu bukan tujuan kita untuk menghalang pengguna untuk menggunakan mungkin beras import, sebagaimana yang berlaku di negeri-negeri lain, tetapi mereka hendaklah melanggan daripada pembekal-pembekal yang rasmi yang berlesen seperti yang dibekalkan oleh BERNAS. Sebab itu untuk menampung keperluan penggunaan beras import seperti yang berlaku di negeri lain kita membenarkan BERNAS sebagai pengimport tunggal beras import untuk membawa sebahagian daripada beras-beras Thailand itu diniagakan secara sah di negeri Kelantan. Kerana Kelantan memang sudah sekian lama agaknya begitu mesra dengan beras Thailand ini sama ada diseludup ataupun tidak, kita kurang pasti, mungkin banyak diseludup. Jadi, kita mengambil langkah itu untuk menampung keperluan beras-beras import.

Jadi, apa kita harapkan ialah dengan langkah penyeludupan ini kegiatan pengimportan ataupun bawa masuk secara tidak sah itu dapat kita bendung. Tetapi kita juga tahu bahawa masih berlaku penyeludupan secara kecil-kecilan. Perniagaan beras Siam yang dijual di pasar-pasar Kota Bharu secara kecil-kecilan, yang itu kalau kita hendak mengambil tindakan, kita boleh ambil tindakan tetapi agak sukar kerana mereka mempunyai taktik ataupun teknik sendiri untuk mengelak daripada penguatkuasaan. Jadi, bermakna masih terdapat juga agaknya secara tidak rasmi penjualan beras-beras seperti itu. Tetapi kita sudah ambil kira tentang keperluan beberapa banyak beras import yang dikehendaki untuk Kelantan. Sekarang ini sudah pun ditampung dengan bekalan yang disediakan oleh pihak BERNAS sendiri. Jadi, kalau kawasan Yang Berhormat menghadapi masalah, tidak cukup beras Siam yang sah yang halal yang bukan dibawa masuk secara haram, boleh beritahu saya dan kita akan beritahu BERNAS untuk membekalkan secukup-cukup beras Siam di kawasan Tumpat.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong langkah kerajaan untuk mengetatkan kemasukan penyeludup beras yang dilakukan oleh kementerian, kerana maklumat yang saya perolehi lebih 13% daripada beras yang ada di negara ini merupakan beras yang diseludup dari Thailand. Sebahagian besar dari jumlah ini dimasukkan melalui negeri Kelantan. Saya ingin tahu, adakah kementerian bercadang untuk membuat pendekatan baru dalam usaha memberkas kemasukan beras seludup ini. Kerana apa yang berlaku sekarang Kelantan merupakan pintu masuk beras Siam ini, dari Thailand dan sebahagian besar daripada beras-beras yang dikeluarkan dari Kelantan itu merupakan beras-beras yang diseludup dari negeri Thailand. Jadi, adakah kementerian membuat satu langkah pendekatan yang baru. Kerana langkah sekarang ini menunjukkan bahawa beras Siam ini masih begitu banyak masuk melalui Kelantan. Bererti pendekatan yang ada sekarang tidak mampu menyekat kemasukan yang begini besar beras Siam dari Thailand.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat bahawa jumlah penguatkuasaan yang sedang kita lakukan untuk mencegah penyeludup ini adalah sesuai kerana tindakan itu nampaknya berkesan mengurangkan jumlah penyeludupan yang sebelum ini agak berleluasa. Kalau kita hendak mengambil langkah yang lain, saya tidak pasti apa langkah yang sebenarnya. Perkara ini berlaku ialah kerana satu, terdapat berbeza kualiti antara beras yang dikeluarkan di pasaran tempatan oleh pengeluar tempatan dengan beras Siam, iaitu kualitinya agak berbeza. Orang lebih mirip untuk menggunakan beras Siam kerana kualitinya lebih baik.

Keduanya, kerana kos ataupun harganya dikatakan lebih murah. Jadi, selagi ada elemen ini dibandingkan dengan pengeluaran beras tempatan, maka kita fikir *tendency* penyeludupan itu akan berterusan. Kalau kita berhenti, mungkin ada pihak yang mencadangkan janganlah ambil tindakan, saya fikir esok akan berlaku lagi penyeludupan secara berleluasa. Apa yang sedang kita fikirkan sekarang ini ialah untuk meningkatkan cara penguatkuasaan. Sekarang ini pelbagai agensi bekerjasama dengan pihak kementerian baik di sempadan atau di daratan untuk memastikan hal seperti ini dapat kita bendung. Yang perlu ialah kita memerlukan kerjasama daripada masyarakat dan pemimpin setempat. Jangan mereka bersubahat ataupun bersama-sama membantu kerana dia lihat ini sebagai peluang untuk mencari untung ataupun perniagaan. Maka kalau itu berlaku masalah akan berlarutan.

Sebab itu pandangan pihak kerajaan khas kementerian sayalah, usaha untuk mengadakan langkah pencegahan ini akan kita lakukan secara berterusan. Jangan ada pihak di sempadan kata tidak mengapalah ini enam bulan, buat sementara kita tidur dahulu, selepas itu kalau kerajaan tidak menguat kuasa kita mulakan semula gerakan penyeludup. Kalau ada anggapan begitu, itu cukup salah. Saya fikir kita akan berterusan untuk mengambil langkah ini sampai ke satu peringkat di mana kita rasa puas hati dan mungkin kerana rakyat di Kelantan lebih berdisiplin dan ikut undang-undang dan mematuhi segala arahan yang dibuat oleh pihak kerajaan, maka selagi itu penguatkuasaan akan kita jalankan.

6. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, keadaan pelaburan asing dan tempatan setiap tahun sejak 1995. Apakah sebab sesetengah pelabur memilih Malaysia dan sesetengahnya mengelakkannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan pelaburan dalam projek-projek perkilangan yang telah diluluskan setiap tahun dari tahun 1995 sehingga Oktober 2000 ialah;

Tahun	(RM) Bilion
1995	20.8
1996	34.3
1997	25.8
1998	26.4
1999	17.0
2000 (Jan-Okt)	<u>21.6</u>
Jumlah	<u>145.9</u>

Daripada jumlah tersebut, jumlah pelaburan asing ialah sebanyak RM73.4 bilion dan pelaburan tempatan ialah jumlah RM72.4 bilion. Angka yang lebih kecil dalam tahun 1999 ialah disebabkan oleh kurangnya pelaburan tempatan pada RM4.7 bilion ekoran krisis ekonomi dibandingkan dengan RM11.7 bilion pada tahun 1995 dan RM17.2 bilion pada tahun 1996 iaitu paras tertinggi. Pelaburan tempatan telah meningkat semula dengan ketara kepada RM11.2 bilion dalam tempoh Januari-Oktober 2000 dibandingkan dengan RM4.7 dalam tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terus menjadi pilihan pelabur asing bagi menempatkan projek-projek perkilangan berteknologi tinggi dan berkualiti didorong oleh yang pertama, wujudnya tenaga kerja yang produktif dan berkelayakan dengan kos yang kompetitif.

Kedua, dasar-dasar kerajaan yang menggalakkan pelabur berkualiti seperti deregularisasi, pemilikan ekuiti oleh warganegara asing, penggajian warganegara asing, serta penyelidikan skim galakan fiskal dan bukan fiskal yang komparatif.

Ketiga, keteguhan ekonomi yang berasaskan pasaran, kemudahan infrastruktur yang mantap dan bertaraf antarabangsa serta sektor perbankan dan kewangan yang maju.

Terdapat juga pelabur asing yang memilih negara lain bagi menempatkan projek perkilangan mereka. Antara faktor yang mempengaruhi pemilikan mereka ialah pertama, Malaysia tidak lagi menggalakkan projek-projek berintensifkan buruh, nilai tambah yang rendah serta berteknologi rendah. Ini menyebabkan Negara-negara Membangun lain seperti Indonesia, China, Vietnam, Cambodia dan Myanmar yang menyediakan tenaga kerja yang lebih murah menjadi pilihan pelabur bagi menempatkan projek-projek yang berintensifkan buruh.

Kedua, Malaysia kini menghadapi persaingan semakin meningkat untuk menarik pelaburan asing global, memandangkan Negara-negara Membangun yang lain dan juga negara-negara maju turut menyediakan skim galakan pelabur yang kompetitif.

Ketiga, negara-negara lain tertentu mempunyai kelebihan tersendiri bagi pelabur asing yang mementingkan pasaran seperti sektor penentu pemilihannya, mereka akan lebih tertarik kepada negara-negara seperti Republik Rakyat China yang mempunyai pasaran yang lebih besar.

Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat beberapa faktor termasuk faktor politik seperti yang ditunjukkan di Lunas dan faktor-faktor yang lain seperti jurang kemahiran iaitu golongan pakar di Malaysia kadangkala yang tinggalkan negara ini kerana tawaran yang lebih menarik di Singapura dan USA dan sebagainya dan jurang kemahiran ini memang satu perkara yang penting. Kita nampak juga rizab antarabangsa kita sudah turun sedikit setakat ini kalau berbanding dengan suku tahun yang kedua, kita turun RM14.2 bilion rizab antarabangsa kita dan juga kita nampak jumlah hutang kita sudah menambah kepada RM123.7 bilion iaitu 41.3% KDNK dan termasuklah faktor kawalan modal...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaannya Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang saya tanya, apakah sedar faktor-faktor yang telah saya sebutkan. Bila saya kata, adakah sedar ini merupakan satu soalan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terlampau panjang sangat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, macam ini, ada kawalan modal kita yang menetapkan ringgit kita kepada US\$3.8. Kita perlulah kaji semula mungkin meluaskan kepada satu 'bakul' mata wang asing juga supaya dapat menarik pelabur-pelabur asing secara langsung. Dan banyak lagi faktor yang menyebabkan. Bolehkah saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datuk Fu Ah Kiow Yang Berhormat bagi Kepong telah banyak soalan tetapi banyak yang salah tuju. Yang ada kaitan dengan kementerian saya cuma ada dua sahaja. Yang pertama tentang faktor politik, memang tak wujud. Yang saya sedar ialah usaha oleh pembangkang cuma mencemarkan negara, imej negara kita, itu faktor yang negatif.

Yang kedua, tentang kurang kemahiran memang kerajaan sentiasa berusaha cuba meningkatkan keupayaan teknologi dan kemahiran tenaga manusia di negara kita dengan memperbanyakkan kemudahan latihan pada tenaga-tenaga manusia dan juga mewujudkan lebih banyak institusi pendidikan supaya kita dapat membekalkan tenaga mahir yang bertaraf ijazah supaya kita dapat membekalkan sekurang-kurangnya 30%

belia dalam lingkungan 19 hingga 24 tahun adalah berpeluang untuk mengikuti kursus di peringkat ijazah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan, mengapa negara kita mengalami kehilangan daya saing global yang begitu cepat sejak pertengahan tahun 1990an. Mengikut World Competitiveness Report 2000, kedudukan Malaysia jatuh ke tangga 25 pada tahun 2000 daripada 17 pada tahun 1994. Begitu juga dengan *ranking* yang dikeluarkan oleh The Global Competitiveness Report 2000 yang menunjukkan penurunan daya saing ke tangga 30 pada tahun 2000 ini daripada 27 pada tahun lepas. Apa sebab kita menghadapi masalah ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya telah dijawab oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 19 Oktober 2000. Ada dua report mengenai dengan World Competitiveness, pertama World Economic Forum mengatakan kedudukan Malaysia telah merosot daripada kedudukan 9 pada tahun 1997 kepada kedudukan 5 pada tahun 2000 disebabkan oleh kesan krisis kewangan. Kemerosotan itu bukan hanya berlaku kepada negara Malaysia juga tetapi lain-lain negara di rantau Asia. Tetapi mengikut World Competitiveness Report yang lebih diterima oleh masyarakat antarabangsa yang telah menunjukkan kedudukan Malaysia sebenarnya telah bertambah baik di mana kedudukan daya saing negara telah kembali meningkat daripada kedudukan 27 pada tahun 1999 kepada kedudukan 25 pada tahun 2000.

[Soalan No. 7 - Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]

8. **Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah faktor sebenar yang menyebabkan Malaysia tidak lagi menduduki tangga yang selesa sebagai negara yang menarik untuk melabur di rantau ini; dan
- (b) apakah tindakan kerajaan untuk memulih semula iklim pelaburan yang tidak lagi menarik kepada pelabur asing.

Datuk Fu Ah Kiow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia masih lagi dianggap sebagai pusat pelaburan yang menarik di rantau Asia. Ini dapat dilihat dari segi jumlah dan nilai permohonan yang diterima oleh MITI, MIDA daripada pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di dalam sektor perkilangan.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini sebanyak 772 permohonan telah diterima melibatkan pelaburan sebanyak RM29.3 bilion berbanding dengan RM14 bilion pada tahun 1999, ini melebihi jumlah pelaburan bagi keseluruhan tahun 1999 sebanyak RM15.3 bilion. Daripada jumlah ini pelaburan asing menyumbang 54% iaitu RM15.9 bilion dan 6.6% adalah merupakan pelaburan tempatan atau sebanyak RM13.4 bilion.

Selain daripada projek baru, MITI juga telah menerima sebanyak 361 permohonan antara tempoh Januari hingga Oktober tahun ini daripada syarikat-syarikat yang sedia ada untuk membesarkan atau mempelbagaikan projek masing-masing, melibatkan pelaburan berjumlah RM9.3 bilion. Daripada jumlah pelaburan ini 97% adalah pelaburan asing, ini membuktikan tahap komitmen dan keyakinan yang kukuh di kalangan pelabur-pelabur asing sedia ada terhadap potensi pelaburan di negara ini.

Lima sumber pelaburan asing terbesar diterima bagi tempoh Januari hingga Oktober ini ialah Amerika Syarikat yang menyumbang sebanyak RM4.1 bilion, Cina

sebanyak RM2.7 bilion, Belanda - RM2 bilion, Germany – RM1.4 bilion dan Singapura – RM1.4 bilion. Pelaburan ini kebanyakan adalah untuk industrial elektronik dan elektrik, kertas, percetakan, penerbitan, barangan petroleum, gas asli, tekstil dan barangan tekstil.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memperbaiki iklim pelaburan yang memang sedia menarik untuk pelabur-pelabur asing. Ini termasuklah penyediaan kemudahan infrastruktur moden dan cekap, sumber tenaga yang terlatih, industri sokongan yang kukuh dan galakan cukai yang menarik.

Di samping itu, kerajaan juga giat menjalankan aktiviti penggalakan melalui misi perdagangan dan pelaburan ke seberang laut untuk menarik pelabur asing. MITI atau MIDA telah mengadakan lapan misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara terpilih di sepanjang tahun 2000 bertujuan untuk mendedahkan kepada pelabur asing tentang prestasi ekonomi negara sebenar, peluang-peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan galakan-galakan yang disediakan oleh kerajaan.

Kerajaan juga menganjurkan seminar-seminar tempatan dan dialog dengan syarikat-syarikat asing yang beroperasi di Malaysia untuk menggalakkan mereka menjalankan projek pembesaran dan kepelbagaian. Sekian, terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sejak akhir-akhir ini Malaysia selalu cuba menggambarkan ataupun mendakwa mereka merupakan negara contoh dalam bidang ini, dalam bidang itu dan pelbagai lagi dan ini menunjukkan bahawa Malaysia ini sebuah negara yang perasan, maknanya membanggakan diri sendiri, kalau dahulu Malaysia menjadi negara contoh apabila diberi pengiktirafan oleh dunia luar seperti Bank Dunia dan sebagainya, tetapi akhir-akhir ini kebanyakan menteri-menteri mendakwa negara ini contoh dalam bidang ini, contoh tetapi kebanyakan contoh-contoh yang diberi itu banyak tidak benarnya dan ini kadang-kadang kalanya memalukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay. Jadi, apakah Malaysia cuba mengubah dasarnya untuk memberitahu apa kebaikan-kebaikan Malaysia daripada menyatakan bahawa mereka ini contoh dalam pelbagai bidang yang tidak benar.

Yang keduanya, adakah ketidakpercayaan masyarakat antarabangsa kepada sistem kehakiman kita akhir-akhir ini yang menyebabkan pelabur tidak yakin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nombor dua itu tak bersangkutan dengan soal ini ya.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak cuba menggambarkan apa gambaran yang diberi oleh pemimpin-pemimpin kerajaan adalah berasaskan kepada faktor-faktor seperti permohonan projek-projek perkilangan yang diterima. Jadi, yang cuba mencemarkan nama baik adalah pihak parti pembangkang. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara faktor penting dalam menentukan kemasukan pelabur asing terutama di negara Asia adalah kos pengeluaran yang kompetitif. Berdasarkan kepada kajian kementerian, bagaimanakah kedudukan negara kita berbanding dengan negara Asia lain dari segi kos pengeluaran dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan kos pengeluaran yang kompetitif.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan komponen kos ada banyak, salah satu yang paling besar dalam komponen kos ialah kos tenaga manusia di mana kini kalau berbanding dengan negara-negara jiran seperti China, Vietnam dan sebagainya memang kita tidak dapat saingi, tetapi kita telah meminta supaya pengusaha-pengusaha dan pengilang-pengilang cuba mengalihkan kepada bidang di mana nilai tambah yang lebih tinggi supaya kita dapat bersaing dengan fokus yang berlainan daripada tradisional.

Untuk mengurangkan kos dalam segala barangan dan pengeluaran, ialah dengan cara mempertingkatkan lagi penggunaan teknologi supaya kita dapat mengurangkan kos dan memperbaiki lagi faktor persaingan lain seperti *supply chain management*, seperti perkhidmatan pasaran dan juga lain-lain faktor persaingan supaya kita dapat terus meningkatkan daya saing syarikat tempatan. Sekian, terima kasih.

9. **Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah dan tajuk karya agung sastera lama yang telah diterbitkan oleh DBP setakat ini, termasuk kriteria pemilihan serta matlamat penerbitannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini amat kena dan tepat pada tempatnya kerana sekarang kita sudah dilanda oleh satu budaya, budaya kasar yang telah dibawa oleh parti KeADILan. Jadi, jawapan saya untuk itu ialah bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan beberapa buah judul karya sastera lama iaitu seperti Hikayat Hang Tuah, Sulalatus Saladdin, Tuhfatun Nafis, Hikayat Aceh, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Hanafiah, Hikayat Merung Mahawangsa, Hikayat Misa Melayu, Hikayat Banjar, Hikayat Suratul Ambia, Hikayat Petani, Hikayat Zulkarnain dan lain-lain lagi, tetapi itu yang kita terbitkan tetapi karya ini yang tiga kita klasifikasikan sebagai karya agung diterbitkan semula.

Kriteria pemilihan karya-karya agung sastera berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

- (a) karya-karya agung sastera yang berjaya meninggalkan kesan seni, budaya dan pemikiran yang luar biasa dalam tamadun atau tradisi sesuatu bangsa;
- (b) karya-karya yang dianggap sebagai warisan bangsa dalam erti kata bahawa ia mewakili minda dan pengalaman bersama atau secara kolektif bangsa sepanjang zaman sebagaimana yang dipancarkan dalam sistem kepercayaan falsafah hidup, tradisi atau konsep ilmu, adat, bahasa, seni dan pekerti budaya dan sosial yang membentuk citra atau identiti ketamadunan bangsa itu.

Matlamat penerbitan karya-karya agung sastera ini ialah untuk memperkenalkan karya agung sastera Melayu kepada khalayak dalam bentuk penerbitan yang prestij untuk meningkatkan martabat karya tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak Yang Berhormat tadi menyapung, dan keadaannya hampir mepeh. *[Ketawa]* Adakah Yang Berhormat sedar Hikayat Hang Tuah itu sudah diterbitkan entah lebih 22 dekad dah, dan baru hari ini dia bangkitkan. Apakah terbitan yang terbaru mengenai sastera berteraskan kepada kriteria yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi, dengan kesan seni, warisan, tamadun, pekerti, budaya dan sebagainya. Adakah pihak DBP akan menerima tulisan daripada kaum-kaum selain daripada kaum Melayu dan sebagainya untuk memperkayakan warisan budaya Malaysia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, menunjukkan minatnya dalam bidang sastera. Pada saya ada dua perkara. Tadi Yang Berhormat kata apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Mepeh. Tuan Yang di-Pertua, memang sangat fasih dalam hal ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ha, inilah, itulah salah satu daripada contoh. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong ini sebab dia ini dok

rasa pelik diri dia hari ini sebab ADIL sudah berjaya, tak beri kerusi itu kepada DAP, dia DAP takut menghadapi Barisan Nasional

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab itu dia rasa membebeh-bebeh pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya hendak jelas di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kepong tadi ialah mengenai dengan sastera tadi. Ada dua perkara di sini, Tuan Yang di-Pertua. Sastera dan muzik biasanya adalah dianggap sebagai *therapeutic* kepada jiwa seseorang manusia itu. Sebab itu saya sebut tadi kerana semalam kita lihat satu budaya kasar telah lahir di Lunas.

Saya tidak kisah ini, menang kalah tidak kisah punya, itu memang adat dalam pertandingan, ini negara demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, sastera ini sekurang-kurangnya menjadi *therapeutic* kepada kita, sebab itu kita perkenal kembali karya-karya ini supaya dibaca oleh generasi muda ini. Malah dalam zaman ICT ini kita memerlukan satu bacaan yang baik.

Sekali lagi kepada Yang Berhormat Kepong, saya ingin nyatakan bahawa kita hasilkan karya kebangsaan kita iaitu Hang Tuah ini, ia tidak akan luput bila-bila masa sekali pun. Maksud saya, ia telah dihasilkan dalam bentuk yang lebih menarik lagi dan juga kita ada sekarang juga dalam bentuk untuk sebagai, dengan izin, *collectors item* - itu juga. Memang saya akui dan saya bersetuju seperti mana kata Yang Berhormat tadi bahawa karya-karya agung yang lain juga daripada bangsa-bangsa lain juga harus kita terbitkan, tetapi ini fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka tadi, harus kita lihat ke arah itu. Jangan kita kata, kita tidak mengambil berat karya-karya agung seperti karya-karya William Shakespeare misalnya, itu harus juga kita lihat. Ataupun karya-karya agung seperti Al-Fullaila Walaila misalnya, sepatutnya ia dihasilkan, itu memang syarikat-syarikat yang lain ataupun syarikat penerbitan yang lain menghasilkannya.

Jadi, di sini tugas, fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka harus kita lihat dari segi untuk menghasilkan dahulu karya-karya kebangsaan kita. Walau bagaimanapun, kalau itu menjadi saranan Yang Berhormat, kita terima dan saya akan saran ini kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka supaya juga jangan lupa menerbit karya-karya agung dunia yang lain. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik hati dengan penjelasan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen sebab soalan karya-karya agung zaman dahulu. Saya sebenarnya membaca semua buku-buku yang disebut oleh Yang Berhormat tadi termasuk Raja Merung Mahawangsa, Muhamad Ali Hanafiah dan sebagainya.

Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sendiri pernah baca Muhamad Ali Hanafiah, buku setebal itu dan tahukah ciri-ciri yang ditunjuk dalam Hikayat Muhamad Ali Hanafiah itu menunjukkan kepercayaan Syiah yang menunjuk kepada ketuhanan keturunan Saiyidina Ali iaitu Hussin dan Hassan dikatakan kalau Saiyidina Ali itu diberi kalau dunia ini diberi pakau, boleh dipegang oleh Saiyidina Ali sebagai cawan minum kopi. Adakah ciri-ciri ini diterima pada zaman ini sebagai soalan ciri-ciri agama yang tepat ataupun kalau dibiarkan kepada masyarakat untuk membacanya menjadi satu petunjuk ataupun ajaran, mungkin ini akan menyesatkan kalau tidak ada komentar daripada pihak kementerian.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Soalan pertama, sama ada saya telah baca ataupun tidak. Saya sudah baca masa sekolah tetapi kadangkala selepas kita tamat

persekolahan, saya percaya Tuan Yang di-Pertua telah pun banyak menghasilkan karya-karya sastera lisan, sila Ahli-ahli Yang Berhormat baca segala hasil karya Tuan Yang di-Pertua kita. Banyak karya yang telah dihasilkan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri. Sebab itu dia dapat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak minta dia buat publisiti buku-buku saya. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebab, supaya lain kali saya boleh jawab panjang-panjang sedikit dalam Dewan ini. Dan juga karya-karya yang lain, kadangkala saya pohon, sebab itu saya minta juga di pihak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, membaca karya-karya teks ini supaya sekurang-kurangnya macam saya katakan tadi, *therapeutic* kepada kita, misalnya macam saya sekarang sedang membaca Sejarah Melayu ini *[Sambil menunjukkan buku itu]* dok baca lagi, walaupun saya sudah lama dah tak baca, saya baca.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dan keduanya ialah kita juga untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah perkenalkan komponen sastera dalam bahasa Melayu, ia bermula tahun ini iaitu kita mulakan dengan Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat, tahun 2001 nanti kita teruskan Tingkatan Dua dan Tingkatan Lima dan tahun 2002 nanti PMR kita akan adakan komponen sastera. Tujuannya ialah untuk memperkukuhkan kemahiran bahasa tadi dan juga memperluaskan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang kemanusiaan.

Di samping itu juga, kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada akhbar-akhbar tempatan kita yang telah menggunakan satu ruang dalam setiap penerbitan mereka mengenai dengan sastera, ini termasuk *Utusan Malaysia, Utusan Melayu, The New Straits Times, Star* dan sebagainya. Ruang-ruang mengenai dengan sastera tidak macam *Harakah*, Tuan Yang di-Pertua, ia tidak ada ruang sastera, ia hanya banyak mengutuk orang sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

[Soalan No. 10 – Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] tidak hadir].

11. **Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan akibat daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara mulai 1997 hingga sekarang berapa banyak projek perumahan di seluruh negara yang terbengkalai dan dari jumlah tersebut berapakah jumlah yang dapat digerakkan semula.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah projek terbengkalai tahun 1997 sehingga sekarang ialah sebanyak 26 projek. Secara accumulative jumlah projek terbengkalai yang dikenal pasti sejak tahun 1989 hingga tahun 1999 adalah sebanyak 493 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 317 projek telah dapat digerak atau dipulihkan, 19 projek telah diambil alih oleh pemaju lain dan 157 projek masih terbengkalai. Sekian.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Daripada angka itu kita dapat lihat bahawa masih terdapat projek-projek yang terbengkalai. Pembeli menanggung sengsara daripada keadaan ini kerana mereka terpaksa membayar pinjaman bank dan sekali gus terpaksa membayar sewa rumah yang mereka diami sekarang.

Jadi soalan saya, kalaulah misalnya pihak kerajaan dapat memperuntukkan kepada Perwaja pada tahun ini sahaja sebanyak RM2.3 bilion dan kepada e-village sebanyak RM3 bilion. Apakah langkah kerajaan untuk menangani mangsa-mangsa

projek terbengkalai ini termasuk pembeli-pembeli yang menanggung sengsara dan bebanan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin baru saya jawab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi jawapan ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan Persekutuan 2001 di dalam Dewan yang mulia ini telah mengumumkan kita akan mengadakan satu tabung supaya kita boleh membantu projek-projek yang berdaya maju itu untuk dipulihkan supaya pembeli itu boleh menikmati bantuan-bantuan daripada projek yang kita akan pulihkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua. Ya, masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 7, 10 dan 12 hingga 21 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan Anggaran Pembangunan 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kesembilan]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud B.44 [Jadual] –

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan 2001] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Ya, Baram.

11.03 pagi.

Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam perbahasan Maksud Bekalan 44, Kementerian Penerangan. Saya ingin sentuh beberapa perkara di bawah Butiran 010000 Perkhidmatan Sokongan dan 010100 Pentadbiran dan Kewangan dengan sekaligusnya.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Penerangan kerana dengan usaha yang cemerlang sentiasa bertindak untuk menyalurkan maklumat mengenai falsafah, dasar dan program kerajaan melalui media elektronik, media cetak, komunikasi bersemuka dan perfileman kepada rakyat jelata kita di seluruh negara termasuk kawasan Parlimen saya di Baram.

Di Baram, Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh Jabatan Penerangan kita ialah kekurangan pegawai-pegawai serta kakitangan untuk melaksanakan program-program kerajaan. Saya memperhatikan bahawa Jabatan Penerangan di Baram hanya mempunyai satu Pegawai Penerangan Daerah, dua orang Pembantu Penerangan, dua orang Pembantu Luar, dua orang Juru Audio Visual, dengan izin, dan satu orang driver enjin sangkut atau out-boat driver, dengan izin. Bilangan pegawai yang sedia ada di Baram ini memang tidak mampu untuk meliputi kawasan tersebut dalam masa yang dikehendaki bagi melaksanakan program-program kerajaan dengan penuh kesannya.

Seperti mana yang saya selalu sebut di dalam Dewan yang mulia ini, kawasan Baram ini adalah satu kawasan yang sangat luas sekali jika dibanding dengan kebanyakan kawasan-kawasan Parlimen yang lain di Malaysia ini. Oleh kerana kekurangan jalan raya di antara satu pekan ke satu pekan dan di antara satu kampung ataupun rumah panjang dengan satu kampung rumah panjang, maka pegawai-pegawai kerajaan menggunakan perahu panjang sebagai pengangkutan utama mereka.

Ini bermakna liputan lawatan yang dibuat oleh pegawai yang sedia ada bagi setiap bulan memang sangat terhad kerana perjalanan yang menggunakan perahu panjang ini sentiasa memakan masa yang panjang juga. Selain daripada itu, perjalanan di sungai Baram ini adalah sangat teruk sekali kerana sepanjang perjalanan itu melintasi banyak jeram-jeram yang merbahaya di mana banyak perahu telah karam yang merugikan kerajaan dan membahayakan nyawa pegawai yang berkenaan.

Oleh sebab itu, saya minta kepada kementerian supaya mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya dan daripada kajian kasar yang saya buat, bilangan pegawai dan kakitangan di Baram perlu ditambah untuk memperhebatkan lagi prestasi mereka. Pada hemat saya Jabatan Penerangan di Baram perlu ditambahkan dengan dua lagi Pegawai Pembantu, satu lagi driver enjin sangkut dan satu 'jagalan'.

Tuan Pengerusi, rekrut 'jagalan' ini pun sangat penting sekali kerana tugas beliau akan menjamin bahawa perahu dan enjin sangkut yang diguna semasa perjalanan sungai akan sentiasa selamat daripada perlanggaran kayu atau batu ataupun bot-bot yang lain yang boleh membawa maut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh sedikit berkenaan perkara pengangkutan dan perjalanan ataupun vot T&T, dengan izin, yang diperuntukkan kepada Jabatan Penerangan di seluruh negara termasuk kawasan saya di Baram. Dari maklum balas yang saya ada, peruntukan yang diberi bagi T&T ini kepada Jabatan Penerangan Negeri Sarawak adalah sentiasa tidak memuaskan. Misalnya di kawasan Baram, saya faham bahawa Pegawai Penerangan di situ hanya boleh membuat lawatan rasmi mereka tiga hari sahaja dalam sebulan dan pada suku tahun terakhir mereka langsung tidak dapat membuat lawatan kerana kekurangan peruntukan.

Pada hemat saya, keadaan ini langsung tidak memuaskan kerana tugas-tugas dan tanggungjawab penting Pegawai Penerangan ini ialah untuk menjalankan tugas komunikasi bersemuka dengan rakyat jelata di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang. Jika peruntukan T&T ini, dengan izin, tidak mencukupi, bagaimanakah mereka ini boleh menjalankan tugas mereka dengan efektif.

Oleh sebab itu, saya mintalah supaya kementerian mengkaji masalah kekurangan peruntukan T&T ini dengan serius khususnya bagi kawasan Baram kerana keberkesanan tugas-tugas yang dijalankan oleh Pegawai Penerangan bergantung sangat kepada lawatan-lawatan komunikasi bersemuka dengan rakyat jelata.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin sentuh Butiran 01200, Liputan TV. Saya ingin tanya apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian bagi memastikan penduduk-penduduk kita di kawasan pedalaman di seluruh negara berpeluang untuk menerima liputan TV serupa dengan penduduk-penduduk kita di bandar. Perkara ini perlu diberi perhatian yang berat oleh kementerian kerana penyokong-penyokong kita kebanyakan mereka ini bermastautin di luar bandar.

Dengan ucapan demikian saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Baling.

11.08 pagi.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum w.b.t. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Penerangan yang akan menyentuh Butiran di bawah 020000 Perkhidmatan Penyiaran yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM427 juta lebih. Melihat kepada objektif rancangan atau perkhidmatan

penyiaran ini ialah objektif rancangan menyiarkan maklumat terkini dari dalam dan luar negeri dengan cepat dan betul di samping mendidik, menghibur serta memupuk nilai-nilai murni dan positif kepada seluruh rakyat.

Tuan Pengerusi, media TV dan umumnya media elektronik adalah media yang digunakan untuk menghubungkan audience yang begitu besar dan berselerak dengan pantas pada satu ketika dan masa. Media elektronik seperti radio, televisyen, internet dan filem-filem memainkan peranan ini. Justeru itu kebarangkalian masyarakat Malaysia terpengaruh dengan unsur-unsur negatif adalah tinggi dan merupakan antara penyumbang kepada gejala sosial hari ini. Walaupun tidak dinafikan kalau sekiranya media elektronik ini digunakan secara yang betul dan sesuai maka gejala-gejala yang seperti ini atau setidak-tidaknya kebarangkalian masyarakat yang terpengaruh dengan unsur-unsur negatif akan dapat dikurangkan.

Kebanjiran unsur-unsur seks, lucah dan ganas dalam media-media elektronik khususnya TV adalah juga merupakan penyumbang kepada tingkah laku sumbang kepada sebahagian masyarakat. Kita tidak nafikan walaupun Kementerian Penerangan telah mengklasifikasikan program-program untuk individu 18 tahun kepada beberapa bahagian, 18 SG untuk tontonan 18 tahun ke atas mengandungi unsur ganas atau seram yang keterlaluan. 18 SX untuk 18 tahun ke atas mengandungi unsur seks yang tidak keterlaluan.

Tuan Pengerusi, unsur seks yang tidak keterlaluan sebenarnya masih boleh dipertikaikan. Ini bererti unsur-unsur seks masih wujud. Apakah unsur seks seperti bercium dan berpelukan dalam filem yang ditayangkan di TV misalnya dianggap tidak keterlaluan sedangkan unsur seks sebegitu adalah keterlaluan mengikut hukum-hukum Islam dan juga adat susila orang-orang Timur. Keadaan ini menyebabkan anak-anak muda kita hilang idealisme mereka, mereka diselubungi oleh identiti yang celaru dan berubah-ubah. Mungkin perubahan dan kebanjiran maklumat atau informasi yang dengan izin, overloading yang diterima melalui media elektronik dan alat komunikasi canggih yang bukan lagi menjadi alat keilmuan bagi mereka malah menjadi sumber stress yang kronik dan penyebab penyakit adaptasi atau dengan izin, disease of adaptation.

Kecelaru ini menyebabkan anak-anak muda berada dalam kebingungan untuk memilih arus dan gaya hidup yang sesuai misalnya kalau disebut di sini, gaya rambut ala Michael Jackson atau ala gaya Ronaldo. Kefahaman ini akan mengheret mereka kepada usaha mendapat keseronokan yang maksimum yang pada tanggapan mereka ada pada dadah, arak, rokok, seks rambang dan sebagainya. Jadi semuanya ini seharusnya difahami. Semua masalah sosial ini adalah berkait terhadap satu sama lain. Bermula dari kehilangan identiti dan nilai-nilai agama, nilai-nilai ketimuran dalam jiwa mereka dan diganti dengan kepercayaan yang lain seperti individualism, materialisme dan kepercayaan egotism, maka gaya hidup mereka akan menjurus kepada keseronokan seperti alkohol. Alkohol pula penyebab kepada segala punca penyakit sosial yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Penerangan adalah diminta lebih bertanggungjawab dalam menapis unsur-unsur seks dan tidak bermoral dari terus ditayangkan di semua rangkaian-rangkaian TV dalam negara ini termasuklah juga Astro. Kementerian Penerangan perlu lebih bertanggungjawab memastikan pihak penyiaran dan penerbitan mengikut etika agama dan budaya timur dalam penyiaran mereka kerana kita bimbang kalau keadaan ini tidak dikawal segera, sesuatu yang tidak diingini yang akan menjejaskan kebaikan dan kesusilaan masyarakat kita.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Batang Lupar, hendak bagi jalan?

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Masa Dato'.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Saya minta maaf pasal masa. Kalau Dato' bagi masa, boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa serupa biasa.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Serupa biasa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sepuluh minit seorang.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Kita tidak mahu misalnya masyarakat kita menjadi seperti masyarakat Barat pada satu ketika nanti di mana statistik menunjukkan lebih satu pertiga kaum lelaki dan wanita, kelahiran tahun 1983 di New York misalnya merupakan kelahiran anak luar nikah. Bilangan mereka menjangkau ke angka 112,353 orang iaitu sejumlah 37% dari jumlah kelahiran New York pada tahun tersebut. Kebanyakan mereka dilahirkan oleh remaja-remaja wanita atau remaja-remaja perempuan yang berumur 19 tahun ke bawah. Dengan itu kita ingin melihat pihak Kementerian Penerangan memantau media elektronik ini khususnya TV dan penyiaran agar ianya selaras dengan tuntutan agama dan tidak mencampuradukkan rancangan-rancangan yang baik dengan rancangan-rancangan yang dianggap tidak baik.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh mengenai dengan B.44 di bawah butiran 050000, 061300 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas yang melibatkan perbelanjaan sebanyak hampir RM20 juta. Saya ingin tahu, apakah sebenarnya prestasi aktiviti yang dilaksanakan di bawah butiran ini yang menggunakan wang yang begitu banyak sedangkan dalam huraian prestasi di dalam buku Belanjawan Persekutuan 2001 tidak dinyatakan langsung, di dalam buku anggaran ini kita tidak nampak apa itu huraian dan juga butiran-butiran aktiviti yang digunakan di dalam hampir RM20 juta wang rakyat. Jadi kita ingin memastikan bahawa apa yang digunakan oleh perkhidmatan hal ehwal khas ini sebenarnya memberi manfaat kepada masyarakat dan negara dan tidak disalahgunakan kepada maksud-maksud tertentu dengan kepentingan-kepentingan tertentu sehingga wang rakyat ini disalahgunakan.

Jadi saya mencadangkan dan meminta kepada pihak Kementerian Penerangan supaya pada Belanjawan yang akan datang, pada Belanjawan 2002 ini, prestasi aktiviti di bawah butiran ini juga diperincikan sepertimana perincian yang ditunjuk di dalam prestasi aktiviti di dalam maksud-maksud butiran yang lain supaya Dewan yang mulia ini dapat memahami secara lebih terperinci dan dapat lebih bertanggungjawab terhadap setiap sen wang rakyat yang dibelanjakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Larut.

11.20 pagi.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut sama membahaskan berhubung dengan peruntukan Kementerian Penerangan, B.44 yang ada kaitan dengan 02000 – Perkhidmatan Penyiaran dan 030200 – Perkhidmatan Komunikasi. Saya ingin mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan mengenai Kementerian Penerangan ini.

Pertama, peranan sebenar kementerian ini nampaknya kini menjadi samar-samar. Jabatan Penyiaran tidak berlagak seperti suara kerajaan dalam keadaan-keadaan tertentu sementara Jabatan Penerangan pula juga seolah-olah hilang fungsinya. Saya sebutkan begini kerana TV1 dan TV2 seperti kehilangan arah dan mungkin kerana ini, ada suara-suara supaya ianya diswastakan. Soal pokok di sini ialah apakah kelemahan-

kelemahan ini disebabkan oleh faktor manusia atau pekerja atau kerana tiadanya dasar yang jelas daripada kerajaan.

Oleh itu pada dua stesen ini, berita dan rancangan terbitan hal ehwal semasa sangat penting. Walau bagaimanapun berita TV1 masih di takuk lama dan rancangan terbitan Hal Ehwal Semasa seperti Jendela Pagi, setiap pagi kadang kala tidak memenuhi matlamat. Ruangan Gemilang Malaysia di bawah Jabatan Berita banyak kali tidak menepati tajuknya. Sebagai contoh, apa gemilangnya jika diperkatakan mengenai kenaikan harga minyak atau cakap-cakap politik. Sewajarnya Gemilang Malaysia memaparkan berita-berita kejayaan dan penemuan penyelidikan, perkembangan semasa negara dalam teknologi IT dan sebagainya. Begitu juga dengan Jendela Pagi. Dalam segmen Bicara Semasa, banyak kadang kala promosi percuma untuk syarikat-syarikat. Bicara Semasa sewajarnya membicarakan perkembangan isu semasa. RTM perlu menentukan arah yang bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan semasa.

Mengenai berita, saya mencadangkan lebih banyak live, di tempat kejadian supaya ia bersaing dengan TV Antarabangsa bukan dengan TV3 atau NTV7. Pemikiran pembuat dasar di Jabatan Berita jangan di takuk lama, pelajarilah apa yang telah dilakukan oleh CNN, ABC, BBC dan banyak lagi yang menekankan kepada perkembangan semasa.

Kedua program bulan Ramadan. Saya ingin mencadangkan supaya slot antara 7.30 malam hingga 10.00 malam dinilai semula. Prime time atau waktu perdana dalam tempoh sebulan ini patut dikaji semula. Penyiaran drama atau filem yang tidak memenuhi tuntutan Islam sepatutnya tidak disiarkan. Perbanyakkan dokumentari pada waktu tersebut.

Begitu juga untuk 4 atau 5 minggu dalam bulan puasa. Talk Show seperti Wawancara, Diskusi, Gemilang Malaysia dan sebagainya wajarlah sekali disiarkan lambat sedikit. Perancangan untuk Ramadan lebih awal.

Ketiga, beberapa rancangan berbentuk agama yang diterbitkan dengan kerjasama JAKIM perlu lebih bertenaga dan tidak berkisar pada orang-orang-orang yang sama dan tidak terbatas kepada soal amalan agama semata-mata. Penerbit perlu lebih luas kerana Islam tidak terikat kepada amal ibadat semata-mata. Soal-soal kenegaraan, hubungan dengan negara Islam yang lain serta sistem kewangan dan bank juga menjadi sesuatu yang penting. Keempat, ...

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak habiskan sikit lagi Yang Berhormat, saya pun ini pertama kali saya bercakap dalam bulan puasa.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Janji bagi ya, insya-Allah

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak sebab sudah hendak habis. Saya pun tidak pernah bercakap dalam puasa ini, ini pertama kali.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak hendak terlanjur. Keempat, rancangan berbentuk penerangan hendaklah jelas. Dalam kita membicarakan mengenai k-ekonomi, saya tidak melihat rancangan-rancangan yang bersesuaian agenda baru ekonomi negara. Kalau ada pun perbincangan sekali lalu melalui Wawancara atau Jendela Pagi. Namun mahu dikatakan secara khusus untuk penerangan kepada rakyat tidak ada.

Akhir sekali saya ingin menyentuh soal penswastan. Ada pihak cuba mendapatkan penswastan RTM. Lebih khusus TV1 dan TV2. Saya mohon kerajaan mengkaji perkara plus dan minus dengan izin secara berhati-hati. Penswastan memang baik dan berkesan kalau dilakukan dengan penuh perancangan dan cekap.

Saya bimbang jika dilakukan hanya kerana sebab-sebab keuntungan, TV1 khususnya akan hilang peranan utamanya sebagai penyebar maklumat kepada rakyat. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020100 Rancangan dan 050000 Perkhidmatan Hal Ehwal Khas.

Mengenai rancangan Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada nilai-nilai rancangan. Yang saya maksudkan dengan nilai rancangan apabila kita melihat terbitan-terbitan tempatan khususnya drama ataupun siri-siri rancangan bersiri drama yang di sebelah petang dan sebelah malam. Saya melihat seolah-olah bahasa Malaysia telah menjadi bahasa rojak. Dua, tiga tahun yang lalu saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini melalui rancangan-rancangan siri drama Astro yang merojakkan bahasa Malaysia yang juga memporak-perandakan bahasa Malaysia. Hari ini telah pun menjalar kepada RTM.

Kalau kita mendengar rancangan-rancangan di mana pendengar menelefon, *phone in program*, bercampur aduk bahasanya. Kementerian Penerangan yang menjaga RTM1, RTM2 dan banyak saluran radio harus tegas dalam hal ini. Kita jangan terbawa-bawa dengan stesen radio swasta. Kalau stesen radio swasta mahu menyeleweng, itu sekarang telah terkeluar daripada tanggungjawab RTM, kerana soal *content* sekarang ini jatuh ke tangan Kementerian Multimedia. Tetapi soal *contents* yang ada di dalam rancangan RTM seharusnya dikawal mutunya oleh pihak RTM sendiri.

Dua, tiga tahun yang lalu, sewaktu saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini apabila saya menyebut mengenai mutu, cadangan drama-drama, sebelum difilemkan, seharusnya ada satu panel yang mengkajinya, RTM menjawab ada. Kalau ada, apa sudah jadi. Kalau ada panel penilai skrip sebelum skrip itu difilemkan, apa sudah jadi kepada panel penilai skrip itu. Adakah mereka sudah jadi *mediocre*. Kita tidak mahu, khususnya orang Melayu yang melihat majoriti rancangan-rancangan itu akan merendahkan pemikiran mereka dan menjadi masyarakat yang *mediocre*, itu yang saya takut. Bagaimana cerita budak-budak kerja kilang umpamanya, pemikirannya terlalu *simplistic*. Kadang-kadang penerbitan dalam cerita itu kata dia hendak balik berhari raya tetapi di dalam perjalanan dia boleh singgah makan.

Ini satu contoh kesilapan-kesilapan yang besar. Ceritanya mengenai dua orang, seorang pemuda, seorang wanita bekerja di kilang. Mereka naik bas hendak balik berhari raya ke Jelilah katakan. Selepas itu mereka singgah di Dungun dan minum air. Saya pernah melihat sendiri perkara ini mungkin satu *slip short* di mana-mana yang saya rasa tidak boleh diampunkan. Ini yang dikatakan merendahkan mutu, bukan sahaja tema, bukan sahaja perbincangan malahan cara bergaya, dia punya *grooming* manusia itu sendiri dan sebagainya. Kita boleh menunjukkan siri, umpamanya mengenai pekerja kilang dengan *grooming* yang baik ini akan memartabatkan pekerja kilang kepada satu *respectability* atau darjah orang menghormati mereka. Tetapi kalau sudah TV Malaysia sendiri mahu menunjukkan masyarakat yang *mediocre* bagaimana orang lain mahu menilai masyarakat Malaysia menerusi kaca TV.

Yang keduanya adalah berkaitan dengan rancangan dan juga iklan penajaan. Setengah-tengah rancangan, saya takut, adalah didorong oleh pihak penaja. Bermakna RTM tunduk kepada pengiklan. Seharusnya dalam konteks televisyen Malaysia, kita menentukan dasar iklan itu bagaimana. Ini kita tunjukkan iklan-iklan masyarakat *cool planet*. Itulah yang sekarang iklan ini menjadi igauan dan ikutan dan idola kepada orang-orang muda. Apa dia punya tajuk bebas, *be free*, atau *push the limit*. Memang perkataan-perkataan itu tidak ada makna. Tetapi untuk orang yang sedang membesar, sedang mencari-cari arah perkataan ini penuh bermakna, *push the limit* – langgar emak bapak umpamanya, atau langgar tatasusila masyarakat umpamanya.

Perkara ini kita harus kaji. Mungkin ini diselindungi oleh pihak-pihak yang mahu meruntuhkan generasi muda Malaysia, kita tidak tahu. Saya amat prihatin, saya selalu dengan isteri saya apabila, *you see that* iklan, tengok iklan itu *Mild Seven* kata *push the limit*, ya orang naik basikal lompat satu jurang yang *impossible*. *Pushing the limit* tetapi dalam hakikat anak muda belasan tahun, *pushing the limit* bererti bermacam-macam. Boleh tinggalkan rumah waktu maghrib, tidak payah sembahyang dan sebagainya., *pushing the limit*, ini hakikat. Saya pernah berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri umpamanya iklan-iklan rokok *Benson, easy and free*, selepas itu adalah *peace and war* ada nilai yang baik, *free and easy*, apa? Jadi saya minta televisyen Malaysia kaji balik perkara-perkara ini. Saya harap janganlah rancangan-rancangan itu terlalu sangat dikongkong oleh pengiklan, supaya kita bebaskan daripada pengiklan. Kalau boleh subsidi, subsidikan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai RTM2. Sebulan ataupun lebih kurang dua bulan yang lalu, saya membaca surat khabar yang mengatakan RTM2 mahu diswastakan. Kalau RTM2 diswastakan, bermakna kerajaan tinggal satu saluran. Itulah yang menjadi propaganda, itulah yang menjadi hiburan kepada orang kampung. Saya harap perkara ini dikaji semula.

Seterusnya Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Tuan Pengerusi, mulai zaman gawat di akhir tahun 1997 kami pemimpin-pemimpin masyarakat akar umbi mendapati bahawa gerakan Hal Ehwal Khas, Penerangan Khas di kawasan-kawasan, lumpuh. Sebab itulah pada pilihan raya tahun 1999 kita berhadapan dengan seribu satu isu yang sukar untuk kami jawab kerana kelongsong atau *vacuum* itu telah pun diisi oleh pihak pembangkang dan tidak diisi oleh media penerangan kerajaan. Amat sukar untuk kami menangkis kerana kewujudan satu *vacuum* selama lebih kurang 1 tahun dengan isu-isu yang serius, kegawatan ekonomi, kegawatan kepimpinan negara dan sebagainya yang tidak ditangani oleh penerangan khas, gawatlah kita seluruhnya.

Mungkin itulah juga di antara sebab maka undi orang Melayu terhadap kerajaan yang memimpin pada hari ini merosot. Saya tidak tahu, kajilah sendiri. Janganlah kita tidak mahu menerima hakikat bahawa kelumpuhan penerangan khas di akar umbi dirasai sehingga hari ini. Contohnya, apabila kerajaan sibuk untuk menerapkan k-ekonomi untuk menjadikan ICT satu perkara yang utama, apakah peranan penerangan khas. Sebab itu di dalam ucapan saya peringkat dasar saya menegaskan supaya penerangan khas ini memainkan peranan menyedarkan rakyat terhadap ICT dan juga menyusun keutamaan rakyat, bagaimanakah mereka mahu menyesuaikan diri, bagaimanakah mereka mahu menyimpan duit untuk membeli komputer dan sebagainya.

Tetapi malangnya, kerana mungkin dalam konteks ini kakitangan kerajaan terleka terhadap kenyataan saya, maka menterinya pun mengatakan tidak mahu menjawab di dalam Dewan kerana tidak ada perkara yang mahu dibangkitkan di dalam Dewan. Hal ini kakanda saya, saya maafkan. Tetapi mungkin kakanda harus mencari jalan mengapa kakitangan kerajaan terlepas daripada kenyataan itu dan sehingga Kementerian Penerangan tidak menjawab langsung perkara-perkara yang dibangkitkan oleh dua, tiga orang sahabat saya sewaktu perbincangan peringkat dasar.

Contohnya Yang Berhormat bagi Bagan Datoh bercakap, Sri Gading bercakap, saya sendiri bercakap. Walaupun banyak perkara berlainan tetapi khusus dijelaskan kepada Kementerian Penerangan. Kita tidak mahu memanjang-manjangkan hal ini. Tetapi diharap jangan berulang lagi.

Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Halaman 1143 Butiran 040000 Perkhidmatan Filem Negara.

Tuan Pengerusi, saya memang dapat tahu bahawa pihak kementerian sedang berusaha untuk memajukan filem tempatan. Tetapi yang diharapkan misalnya filem tempatan sekurang-kurangnya 12 filem setahun tidak dapat dipenuhi. Matlamat ini memang sukar bagi pengusaha filem tempatan untuk memenuhi hasrat ini. Saya pun tidak tahu apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan di dalam industri tersebut. Walau bagaimanapun, saya pun melihat di negara-negara yang lain termasuk di Australia, filem tempatan pun kurang, walaupun pihak kerajaan mengadakan dasar untuk perfileman tempatan tetapi mereka tidak dapat bersaing dengan industri filem seperti daripada United State, Amerika Syarikat. Ini memang satu hakikat dan kenyataannya.

Saya nampak pihak kementerian terutamanya melalui Timbalan Menteri yang menyarankan supaya kita adakan Lembaga Perfileman Nasional. Ini bila kita dengar itu sedaplah, apakah usaha pihak kementerian untuk mengadakan lembaga seumpamanya ini. Dengan adanya lembaga ini, adakah perfileman tempatan akan bertambah baik, ini memang satu perkara, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Halaman 1141 Butiran 030000 Perkhidmatan Penerangan dengan meminta peruntukan lebih RM61 juta. Objektif program ini ialah untuk membentuk satu rupa bangsa Malaysia bermaklumat dan bermaruah tinggi untuk mencapai kestabilan politik, ekonomi, sosial selaras dengan cita-cita Rukun Negara bagi mewujudkan negara maju.

Memang objektif ini murni, bukan kepalang baiknya, tetapi saya nampak sebelah yang lain ialah objektif itu untuk menentukan kegiatan rasmi kerajaan diberi liputan dan publisiti secara meluas. Kalau kita hendak tahu, apakah secara meluasnya kita tengok TV1, TV2 dan termasuk TV3 juga dan semua penyiaran seperti radio. Kita juga nampak hampir semua akhbar ataupun penerangan mengenai kegiatan-kegiatan rasmi. Seolah-olahnya 100% rakyat Malaysia hanya perlu tahu apa yang dirasmikan sahaja. Walhal kalau kita tengok peratusan yang mengundi pihak Kerajaan Barisan Nasional hanya lebih 50% sahaja. Ini bermakna lebih daripada 45% itu tidak menyokong kegiatan-kegiatan rasmi.

Kalau itulah kita hendak menentukan satu bentuk rupa bangsa Malaysia yang bermaklumat dan bermaruah tinggi, ini bermakna kita mestilah memberi liputan kepada pihak yang lain juga, seperti saya dan rakan-rakan saya berucap di sini. Berilah pendedahan sedikit di dalam semua bentuk penyiaran. Ini memang satu perkara yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, memang kita perlukan kebebasan akhbar. Saya bersetuju bahawa dengan masyarakat majmuk dan kita mesti peka kepada semua kaum, semua etnik, semua suku dan sebagainya, supaya kita jangan keluarkan berita yang boleh menyinggung sesuatu kaum, sesuatu agama.

Ini memang satu perkara yang baik, kita memang hendak mempertimbangkan bila isu-isu yang boleh menjejaskan keseimbangan di antara komuniti

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Mengetuk-ngetuk pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah ketuk Yang Berhormat saya tahu. Ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa, macam mana.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpulanglah saya tanya hendak beri atau tidak beri.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia daripada Sarawak, nanti dia kata kita tidak beri Sarawak langsung.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia beri, dia beri Yang Berhormat .

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih. Saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat bagi Kepong. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat. Kita di Sarawak sana tidak ada, bukan tidak ada, mungkin tidak sampai 2,000 orang dari keturunan India di sana. Tetapi ada slot untuk Berita bahasa Tamil. Setujukah tidak Yang Berhormat menyokong saya kalau kita gunakan slot itu untuk Sarawak untuk menyiarkan Berita bahasa Iban semasa bahasa Tamil itu disiarkan di Semenanjung sini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang saya ada dengar keluhan dan aduan daripada Yang Berhormat dan rakan-rakannya kerana mereka itu kata kita tidak begitu mementingkan Iban dan Dayak. Kita mesti pentingkan mereka juga dan kalau itu hasrat majoriti orang Iban di Sarawak, kita mestilah memberi izin untuk menyiarkan program-program yang dikehendaki. Bukan sahaja di dalam bahasa Iban, Tamil dan sebagainya, isi kandungan itu penting. Isi kandungan Berita itu lebih penting.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menekankan bahawa pihak kementerian mesti mengkaji dasar kebebasan akhbar. Bukan untuk kegiatan rasmi sahaja kerana kita minta misalnya melalui program Perkhidmatan Penerangan lebih RM64 juta ringgit itu wang rakyat. Wang rakyat, bukan wang Barisan Nasional sahaja. Sebab itulah, kita mesti mempertimbangkan apakah kebebasan akhbar yang diperlukan supaya kita tidak menjejaskan keseimbangan di antara kaum dan komuniti di negara ini.

Yang pertama, apakah kebebasan akhbar? Ini bermakna kita mestilah memberi liputan apa yang dianggap penting oleh rakyat jelata.

Yang kedua, kebolehan kita untuk menyoal pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab secara kritis dan liputan ini memang kita mestilah tekankan kepada liputan, laporan yang kritis, yang adil. Bukan berita yang buruk, berita yang baik sahaja. Sebab kalau kita dengar berita kita di dalam televisyen kita, semua itu baik, tidak ada yang tidak baik. Mungkin adalah banjir, adalah kebakaran dan adalah itu malapetaka dan sebagainya yang berbentuk berita yang tidak baik, tetapi semua itu rasmi semua itu baik takkan seluruh dunia kita termasuk tanah yang kita cintai itu semuanya baik belaka. Tidak ada yang buruk. Insan yang "kamil" belaka. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, cakap Arab Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak. Baik-baik buruk selagi laporan dan berita itu dilaporkan secara kritis dan secara adil, itu cukup dan terserah kepada rakyat untuk mentafsirkannya sama ada ini betul ataupun tidak, sama ada berita ini penting ataupun tidak kerana tugas Kementerian Penerangan ialah memaparkan apa yang berlaku di negara ini, bukannya memaparkan setakat yang baik untuk Barisan Nasional yang kadang kala kurang rasional itu. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, apa lagi cerita Yang Berhormat? Teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak gulung.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekali lagi saya hendak menekankan bahawa kita mestilah mentafsirkan liputan ataupun laporan di dalam semua bentuk penerangan di Malaysia ini yang di bawah Kementerian Penerangan untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan segolongan orang sahaja sama ada Barisan Nasional ataupun Barisan Alternatif.

Di sini saya hendak mengulangi bahawa selain daripada pihak kementerian mesti menimbangkan laporan yang dianggap penting oleh rakyat dan juga laporan yang

menyoal pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab kita yang *accountable* sebab kita tidak boleh melaporkan siaran berita itu dan kemudian kita tidak tahu apakah jawapan yang sebenarnya oleh pihak Menteri dan Timbalan Menteri misalnya, apakah yang sebenarnya berlaku.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah habis dah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Macam itulah, saya setuju. Saya bagi Tambun dulu.

11.46 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil masa ringkas sahaja, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah Butiran Perancangan Pembangunan dan Penyelidikan serta Perkhidmatan Penerangan. Saya menyentuh perkara ini kerana melihat kepada dunia sekarang, kita mesti mempunyai kaedah pendekatan atau *approach* yang profesional dalam menjalankan tugas dan perancangan yang hendak dijalankan.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan adalah begitu penting untuk mengenal pasti dan menentukan asas-asas yang betul dalam sesuatu perancangan. Saya hendak mengaitkan perkara ini dengan keadaan dunia yang cukup tinggi persaingannya, di mana kita perlu melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai minda yang cukup tinggi dan minda yang tinggi ini dikaitkan dengan banyak mana maklumat yang kita perolehi.

Jika kita lihat dari segi sejarah tamadun dalam tempoh 2,500 tahun lalu daripada bangsa Greek, bangsa Rom, bangsa Arab dan sekarang Anglo Amerika, setiap bangsa yang menguasai dunia adalah bangsa yang mempunyai minda yang tinggi, yang mempunyai maklumat yang cukup banyak. Sehubungan dengan itu, saya ingin melihat kementerian menggunakan bahagian penyelidikan untuk membuat kajian sistematik.

Kita bercita-cita untuk menjadi sebuah negara maju di mana pernah kita nyatakan negara maju ini bukan sekadar untuk kita melahirkan sebuah negara yang mempunyai kekuatan daya saing ekonomi. Daya saing datang dari rakyat yang berminda tinggi. Jadi, untuk kita memasuki dunia negara maju di mana sekarang ada lebih kurang 17 negara, kita perlu membuat kajian dari segi tahap minda kita dengan tahap minda rakyat negara maju. Bagaimanakah luasnya jurang yang ada dan kemudian kita membuat rancangan bagaimana untuk kita meningkatkan jurang minda yang terdapat di antara rakyat negara kita dengan negara maju.

Kemudian kita perlu mengadakan *survey*. Ini untuk melihat dari segi keberkesanan program yang kita jalankan yang berkaitan dengan program-program penerangan. Berapa ramaikah dari segi rakyat kita yang mengikuti program penerangan dalam satu tempoh waktu dan dari segi menyebarkan dasar-dasar kerajaan umpamanya, sejauh manakah keberkesanan program tersebut? Jika kita tidak buat *survey* secara rambang, kita akan mengatakan baik.

Perlu kita mengadakan *survey*, mengadakan satu sistem bagaimana kita hendak buat *survey*. Kita lihat di negara-negara lain ada sistem *polling*, macam-macam caralah. Ini amat penting dilakukan oleh kementerian supaya seperti mana yang saya katakan tadi jika ia melibatkan dasar-dasar kerajaan, kita dapat membuat *survey* dan hasil daripada itu kita dapat mengetahui sejauh mana rakyat kita memahami dasar-dasar kerajaan yang telah disebar oleh kementerian

Setelah kita mendapat maklumat ini, barulah kita boleh membina asas yang kukuh. Kita tahu di mana *deficiency*, di mana kekuatan, barulah kita boleh membuat perancangan yang baik. Seperti mana yang saya lihat sekarang seolah-olah perancangan kita berbentuk *ad hoc* dan ini tidak mendatangkan keberkesanan dan ini merugikan kita. Ada orang mengatakan bahawa rakyat negara kita mempunyai minda yang *under develop*, dengan izin, *under develop mind*.

Jika ini benar, saya menyatakan salah satu sebabnya berpunca daripada Kementerian ini tidak menjalankan kerja secara sistematik dan penyebaran maklumat ini tidak sampai ataupun tidak difahami oleh rakyat di negara kita. Minda yang kuat ini akan melahirkan manusia yang positif, yang berwawasan dan mempunyai daya fikir yang tinggi. Bangsa macam inilah yang mempunyai daya saing dalam dunia hari ini.

Saya berharap Kementerian akan membuat kajian dari segi berapa ramai rakyat kita yang mengikuti program-program penerangan Jabatan Penerangan. Kemudian dari segi bilangan program tersebut dan keberkesanan seperti mana yang saya nyatakan tadi sama ada ia memberi kefahaman atau tidak kepada rakyat.

Kemudian perlu dilihat dari segi bahan-bahan penerbitan. Sekarang ini terdapat ucapan pemimpin-pemimpin, dasar-dasar kerajaan dan laporan-laporan ekonomi, statistik-statistik pembangunan dan apabila kita kaji bahan-bahan penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan ini, kita nampak dia bukan satu yang kita ingin membaca. Tebal, tidak menarik dan nampak macam *very dry*, dengan izin, dan saya rasa dari segi rakyat kita yang membaca, saya rasa tidak ramai. Mereka menerima bahan-bahan tersebut dan disimpan di rumah.

Kita mesti ada satu kaedah baru macam mana kita harus menerbitkan sesuatu dalam bentuk yang disukai oleh orang ramai. Kalau kita lihat dari segi apa yang dibuat oleh orang lain, kadang-kadang dia mengambil hanya bahagian-bahagian kecil sahaja daripada ucapan tersebut dan dibentangkan dalam bentuk yang cukup menarik dan ini boleh menarik perhatian dan lebih difahami oleh rakyat daripada kita mengeluarkan satu ucapan ataupun satu laporan yang begitu tebal, letak gambar itu ini, akhirnya orang tidak membaca.

Jadi, perlu dilakukan satu *study* bukan sahaja dari segi bahan tersebut tetapi juga mengkaji dari segi kehendak rakyat, *taste* dengan izin, rakyat. Bagaimanakah kehendak rakyat dari segi penerbitan yang hendak dikeluarkan supaya apabila kita menghasilkan sesuatu penerbitan, penerbitan ini memenuhi keperluan dan kehendak rakyat, macam mana daya fikir rakyat. Kajian-kajian ini perlu dibuat supaya program-program yang dijalankan mendapat keberkesanan.

Kemudian dari segi penceramah. Kita lihat dalam program-program Jabatan Penerangan, penceramah-penceramahnya tidak ada *standard*. Orang yang menyampaikan, saya tidak percaya seseorang manusia mempunyai kepakaran dalam semua bidang. Tetapi kalau yang berceramah, yang itulah. Yang Islam pun dia cakap, yang IT dia cakap, Wawasan 2020, Ekonomi dia, segala-galanya. Akhirnya dia bukan, kalau dalam bahasa Inggeris dia ada *jack of all trade*, dia tidak sampai kepada peringkat itu. Yang saya dengarlah tidak memenuhi keperluan, nampak ketidakbolehan penceramah-penceramah. Bukan sahaja kita harus memberi latihan kepada penceramah tetapi kita harus mencari penceramah yang betul, yang mempunyai latar belakang yang baik dari segi ilmu pengetahuan serta juga kredibiliti yang tinggi.

Orang yang memberi ceramah ini mesti ditukar-tukarkan. Jangan negeri Perak kalau dua, tiga orang itu dia pusing satu negeri Perak. Sepuluh tahun muka itu, cara cakap, kita sudah tahu rupa, tidak datang minat langsung kepada orang mendengar dan akhirnya kita kerugian wang daripada satu tahun ke satu tahun kita membelanjakan wang yang banyak tetapi ia tidak mendatangkan keberkesanan.

Jadi, saya berharap dari segi Kementerian kita *study*, kita buat kajian penceramah-penceramah. Dalam negara kita ada 22 juta orang. Saya rasa ramai yang boleh bercakap. Di Parlimen ini sahaja saya rasa ramai yang mampu untuk membantu

Jabatan Penerangan dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat. Jadi, pemilihan ini mesti dibuat dengan cara yang betul dan cukup baik, baru kita dapat penceramah yang baik, barulah program-program penerangan akan mendatangkan kesan. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Batang Lupar.

11.44 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengalu-alukan percakapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Yang Berhormat bagi Tambun yang banyak mengandungi perkara-perkara yang amat penting untuk dilihat oleh pihak kementerian. Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara-perkara yang lebih *mundane* ataupun lebih asas di bawah kementerian ini iaitu, di bawah tajuk 050000 - Perkhidmatan Hal Ehwal Khas.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong menyentuh persoalan tuju hala pegawai-pegawai Hal Ehwal khas ini. Saya kalau tidak salah gaji mereka ini ialah RM1,000 dan dilantik secara kontrak dua tahun sekali dan Tuan Pengerusi, pada masa sekarang kalau kita lihat di Sarawak, jangan *refer* perkara ini berhubung dengan pegawai dalam kawasan saya, saya sebut seluruh Malaysia. Kalau di Sarawak Tuan Pengerusi, kalau kita lihat, banyak pegawai ini dilantik pada tahun 70-an mempunyai kelulusan kemungkinan di bawah Form Tiga.

Jadi kalau orang yang bertahap Form Tiga ini saya minta maaf kalau ada orang lain Form Tiga yang lulus boleh bagi tahu ilmu IT, ilmu komunikasi dan sebagainya. Mungkin orang itu lebih membaca daripada sayalah. Tetapi saya tidak mempunyai kepercayaan kalau asas pendidikan orang yang dilantik ini tidak mencukupi boleh menjalankan tugas di zaman 2000 ini memberi penjelasan kepada rakyat yang lebih cerdas daripada mereka. Jadi pegawai ini pegawai kontrak, kita mesti berpindah kepada satu arah yang lebih moden dan lebih tinggi lagi. Banyak kelulusan pelajar-pelajar daripada UiTM umpamanya mempunyai kelulusan-kelulusan yang boleh dilantik menjadi pegawai ini. Gantikan pegawai ini dan pegawai tidak boleh lagi memberi penjelasan kepada penghulu, ketua kampung dan masyarakat-masyarakat di kampung.

Jadi saya hendak bertanya benarkah jabatan ini telah ditubuhkan dan apakah perancangan jabatan ini untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan mereka kepada masyarakat terutama sekali yang di luar bandar yang perlu maklumat-maklumat daripada kerajaan sebagaimana yang telah disebutkan tadi, maklumat berhubung dengan prestasi kerajaan, soalan ekonomi, soalan IT dan apa yang akan dituju ke arah mana kerajaan akan tujukan, apakah prestasi kerajaan dalam membangunkan negara ini dan sebagainya. Dan pegawai khas ini sepatutnya mempunyai semua yang patut diberitahu kepada masyarakat di luar bandar. Jadi inilah objektifnya dulu, kalau tidak salah saya. Jadi kalau pegawai ini tidak mempunyai kemampuan sebagai penyebar maklumat, jadi semua tindakan kerajaan itu akan menjumpai jalan buntu.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya lagi satu perkara, berpindah satu perkara lain, persoalan membangunkan masyarakat yang berbudaya. Dahulu banyak diperkatakan yang kita ini mestilah membangunkan masyarakat Malaysia yang bertamadun. Masyarakat bertamadun itu bukanlah bermakna kita boleh membangun bangunan yang besar semacam Petronas Tower, Sepang Circuit ataupun KLIA. Ini memang kita hargai dan kita sokong kerajaan membina bangunan-bangunan indah. Tetapi bangunan ini akan hilang dan lenyap pada satu ketika nanti ditelan zaman. Piramid pun, Tuan Pengerusi, selepas beribu tahun juga hilang ditelan oleh pasir di gurun di negara Egypt. Tetapi banyak benda lain kita boleh bagi sebagai umpama benda yang hilang ditelan zaman tetapi kebudayaan itu tetap wujud selama-lamanya, akan tetap bersama manusia selagi manusia itu wujud di dalam dunia ini. Jadi saya berharap pihak kementerian melihat benda ini.

Dulu kita hendak merancang mengadakan teater ataupun auditorium di tiap-tiap negeri terutamanya di Sabah dan Sarawak. Kalau orang Sabah dan Sarawak umpamanya hendak membangunkan daripada budaya ini di peringkat negeri mereka hanya dengan satu jalan sahaja ia berpindah ke Kuala Lumpur. Kalau inilah caranya kita hendak membangunkan orang daripada Sabah dan Sarawak berkemungkinan ini tidak akan tercapai. Jadi hajat kerajaan untuk membangun pada lima, enam tahun dahulu mengadakan satu auditorium di Kuching untuk Sabah dan Sarawak kenapa perkara ini telah lenyap juga ditelan zaman. Kalau begitulah keadaannya bermakna bakat-bakat yang ada di Sabah dan Sarawak tidak akan tercongkil dalam kita membangunkan masyarakat yang berbudaya kerana budaya ini banyak, bukan sahaja dikata orang berilmu pada zaman kegemilangan ilmuan Arab dahulu pada abad yang ke-8 hingga abad ke-14 dulu bukanlah semuanya, ahli pemikir agama Islam dan sebagainya, bukan sahaja perkara-perkara keislaman tetapi juga penyair dan penyanyi-nya ada juga menjadi pemikir daripada kegemilangan zaman itu. Kalau kegemilangan ini tidak dibuat secara total atau secara completenya, dengan sendirinya kita tidak mewujudkan satu masyarakat manusia yang complete atau total.

Tuan Pengerusi, jadi dengan itu saya bermohonlah pihak kementerian untuk melihat semula perancangan kerajaan untuk membangunkan auditorium kalau dapat di tiap-tiap kawasan, kalau tidak boleh dibuat di Sabah dan Sarawak satu, buatlah di Kuching untuk dilaksanakan untuk kemudahan orang di Sabah dan Sarawak dan begitulah juga macam di Kelantan, di Johor [*Tepuk*] supaya orang Kelantan sedar sedikit janganlah sahaja melihat soalan-soalan hasut-menghasut, maki-memaki terutamanya ahli politik di Kelantan. Biarlah mereka melihat tamadun itu bukan terletaknya kepada ilmu yang sempit dan agama yang sempit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga satu perkara lain iaitu soalan program di RTM.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tadi hendak bertanya banyak persoalan saya tanya tidak dapat, jadi saya tidak boleh bagilah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak bagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini bukan soalan hendak balas dendam.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Itu bukan balas dendam. Hendak tanya penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak payah Yang Berhormat, saya hendak teruskan nanti Tuan Pengerusi suruh saya berhenti bercakap.

Jadi persoalannya satu lagi, Tuan Pengerusi, yang pernah saya sebutkan dua, tiga tahun lepas yang masih saya lihat dalam televisyen kita sekarang budaya yang kita wujudkan dalam televisyen, skrip yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi kadang-kadang skrip ini tidak ditapisikan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kadang-kadang ada juga pandangan orang kita masih tidak menentu, tidak memahami budaya apa yang kita hendak wujudkan di Malaysia. Umpamanya dalam

skrip di televisyen masih menggunakan terminologi “boss” - b-o-s-s, Yang Berhormat. Ini adalah budaya gengster, budaya mafia, budaya penipu dalam cerita Fantasy Island. Budaya ini masih diwujudkan. Kalau saya dapat, kalau saya jadi Menteri Penerangan, kalau saya jadi Pengarah Penerangan, saya sudah lama filem-filem yang mengandungi perkataan “boss” ini dalam Bahasa Malaysia saya sudah campak ke Laut China Selatan. Kerana ini adalah budaya gengster yang panggil orang tua “boss” ini.

Jadi semalam saya bercakap oleh kerana saya berjumpa dengan seorang kawan daripada Terengganu. Dia tidak hendak berdiam di Kuala Terengganu kerana Terengganu di bawah PAS kata dia. Sekarang sudah pindah duduk di Kuala Lumpur. Dia kata dia benci dengan perkataan “boss” ini. Dia kata bolehkah Yang Berhormat bawa perkara ini ke Dewan. Saya kata saya sudah bawa. Bawa sekali lagi kata dia. Perkara ini wujud dalam televisyen kita. Orang dalam mana-mana tempat di gerai kita jumpa boss apa macam, di kedai buku cakap boss apa macam, di hotel panggil boss, di sana-sini boss. Bermakna budaya masyarakat Malaysia ini sudah diwujudkan oleh pihak televisyen oleh Mr. Os mengatakan boss kiri, boss kanan. Saya harap Mr. Os itu jangan suruh masuk dalam televisyen lagi kalau dia gunakan perkataan boss. Sebab benda ini, Tuan Pengerusi, kalau kita mewujudkan satu budaya di negara kita mesti guna perkataan yang baik, perkataan kita sendiri, perkataan macam abangkah, pak cikah, kalau orang Sarawak wan ini dipanggil 'amikah' atau kepada orang-orang lain, kalau kepada orang Iban dipanggil pokkah, ngankah. Semua boleh digunakan tetapi ini bahasa kita. Janganlah guna boss.

Boss ini diwujudkan di Amerika pada tahun 1900 semasa mafia rule the street. Masa itu banyak mafia-mafia umpamanya. Kita sekarang dimasukkan pula perkataan boss ini dalam televisyen kita, skrip kita digunakan. Kalau panel scripts write ini sudah dihantar kepada kementerian, selidikkan benda ini. Kalau ada perkataan “boss” reject secara automatik perkataan boss itu keluar kerana ini kita akan membudayakan boss ini dalam masyarakat kita. Kalau Yang Berhormat Tuan Pengerusi sendiri pergi ke mana-mana negeri di kawasan kita ini di Indonesia kah, di Phillipinekah, di mana-mana sahaja tidak ada orang pun panggil kita boss. Sebab dia menunjukkan budaya mereka lebih kuat, pendirian mereka lebih kuat, semangat nasionalisme mereka lebih kuat daripada kita. Kita sikit sahaja dihantar oleh Mr. Rock dalam Fantasy Island kata “boss”, everybody panggil boss. Jadi, Tuan Pengerusi, saya haraplah perkataan “boss” ini diharamkan. Kasut pun boleh jual lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulunglah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi terima kasih, Tuan Pengerusi, saya memohonlah kepada kementerian apabila mendengar perkataan “boss” ini keluar dalam satu skrip, *rejectkan* skrip, kalau filem itu dihantar kepada kementerian ataupun RTM *rejectkan* perkara ini kerana kita tidak hendak membudayakan masyarakat kita ini menggunakan perkataan-perkataan yang mungkin kita sendiri tidak faham latar belakang di sebalik perkataan yang kita gunakan yang bukan aslinya di Malaysia ini. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerlun.

12.04 pagi.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi laluan kepada saya untuk ikut membahaskan tentang B.44 dan P.44 ini. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada KeADILan dan kebetulan dalam doa permulaan setiap kita hendak bersidang pun ada sebut tentang keadilan ini. Sri Gading yang mewakili backbencher mengucapkan tahniah kepada KeADILan yang menang di Lunas itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan butiran.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Lunas itu mesej daripada pengundi-pengundi Lunas - Lupuskan UMNO Negara Aman Sejahtera. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tentang Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran, Program 020100. Rancangan penghapusan siaran Nidahtul Islam dalam Bahasa Malaysia dari Makkatul Mukarramah amat tidak wajar kerana rakyat negara ini terutama kaum muslimin perlu kepada berita-berita daripada Timur Tengah mengikut persepsi dan perspektif Islam.

Kemudian, Butiran 030000 Perkhidmatan Penerangan, Program 030200 Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat. Dasar 3T – Terang, Tapis dan Terap hanya menjadi alat propaganda kerana RTM menjadi monopoli parti pemerintah. Kalau kita tengok dalam pilihan raya kecil di Lunas pun jelas sekali walaupun ia juga adalah hak rakyat dibiayai dari wang rakyat, maka sudah tiba masanya pemimpin-pemimpin daripada Barisan Alternatif juga diberi peluang dan ruang untuk menyatakan pendapat dan pandangan mereka mengenai pelbagai isu dari semasa ke semasa.

Butiran 040000 Perkhidmatan Filem Negara, Kod 10000 Emolumen. Sudah tiba masanya Filem Negara bekerjasama dengan FINAS untuk melahirkan filem drama atau cereka yang bermutu yang mampu memenangi award Pesta Filem Antarabangsa sebagaimana yang dilakukan oleh Iran di mana baru-baru ini memenangi award antarabangsa di peringkat dunia. Di antara filem dramanya yang begitu menarik yang menceritakan kisah keluarga miskin yang berjuang untuk menegakkan nilai-nilai kebenaran Islam dan keadilan sejagat. Tayangan cerita-cerita purba oleh RTM seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupa tadi oleh RTM yang lazimnya penuh dengan lagenda khayalan dan khurafat tidak wajar diteruskan oleh RTM. Kemudian monopoli HVD dengan filem-filem yang menonjolkan budaya asing adalah juga tidak wajar diteruskan.

Kemudian, Butiran 050000 - Perkhidmatan Hal Ehwal Khas, Kod 10000 Emolumen. Perlantikan orang yang kalah dalam pilihan raya seumpama bekas Adun Melor asalnya adalah Ketua Pengarah Pusat Islam memimpin Perkhidmatan Hal Ehwal Khas dikira adalah membazirkan wang rakyat. RTM dan Pusat Islam tidak wajar dijadikan sebagai sarang pintu belakang untuk tempat cari makan dari wang rakyat untuk mereka yang kalah dalam pilihan raya sama ada atas nama senator ataupun pegawai khas.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, tentang Lembaga Penapis Filem saya ingin tahu apa sudah jadi kerana akhir-akhir ini kelihatan banyak filem-filem yang ditayangkan terutama di TV-TV swasta bagaimana boleh lolos dan menayangkan filem-filem porno apa lagi bila mana menjelang dan larut malam. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau dan selepas ini Timbalan Menteri menjawab.

12.10 tgh.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bulan puasa ini mata mengantuk, jadi tidak boleh cakap banyak, hanya beberapa perkara untuk dibangkitkan.

Pertamanya, saya hendak bangkitkan dalam Butiran 020100 dan 060300, berhubung dengan Forum Perdana. Saya ingat Tuan Pengerusi, pada masa ini, orang ramai – tua, muda, ibu bapa dan anak minat dalam rancangan Forum Perdana. Tetapi Forum Perdana ini disiarkan seminggu sekali sahaja. Pada saya, kalau rancangan ini adalah baik kepada rakyat yang beragama Islam, sudah sampailah masanya Kementerian Penerangan melihat kembali perkara ini supaya boleh rancangan Forum Perdana ini disiarkan seminggu dua kali atau tiga kali. Tidak rugi kerana ia memberikan satu pendidikan agama yang baik kepada rakyat daripada kita banyakk drama-drama yang lain yang saya tidak hendak sentuh. Walaupun drama itu ada minatnya, tetapi dalam bidang agama juga, kementerian harus memberikan perhatian yang serius kerana ia mempunyai nilai yang baik – nasihat, pengajaran, pendidikan dari segi hukum dan sebagainya, dapat diterangkan dalam Forum Perdana tersebut. Jadi, saya ingat kementerian membelanja besar dalam perkara ini tidak rugi daripada

membanyakan belanja kepada hiburan. Jadi, sudah tentulah saya minta kementerian memberikan perhatian yang serius dalam perkara yang saya sebutkan itu tadi.

Yang keduanya, berhubung dengan masalah pakaian di rancangan TV semasa diadakan hiburan dan tarian-tarian. Saya agak ada yang keterlaluan. Mungkin tidak kepada TV1 tetapi di TV lain yang di bawah pengawalan Kementerian Penerangan. Saya ingat kenakan syaratlah. Kadangkala sampai nampak aurat. Saya ingat tidak elok ini. Jadi, saya harap kementerian mengkaji semula peraturan dan undang-undang dalam perkara yang saya sebutkan itu tadi. Apa salah, kalau hendak joget, jogetlah, pakailah pakaian yang menutup aurat seperti seluar panjangkah, baju Melayu dan macam-macamlah yang boleh dilihat perkara ini supaya tidak menjolokkan mata kerana hiburan ini dilihat oleh semua orang termasuk anak-anak kita juga. Jadi, sewajarnya kementerian melihat balik perkara yang saya sebutkan itu tadi supaya tidak keterlaluan.

Dan yang ketiganya, berhubung dengan pengesan siaran. Saya hendak tahulah dalam perkara ini, berapa banyak agaknya pengesanan siaran yang diperolehi oleh kementerian melalui radio yang agak-agak siaran itu dikesan mencampuri hal-ehwal politik negara kita? Kalau ada, apakah tindakan yang perlu diambil dan kalau boleh, kalau ada pengesanan yang diperolehi itu merosakkan negara dan sebagainya, boleh atau tidak diumumkan kepada orang ramai daripada pengesanan-pengesanan yang dibuat dalam siaran yang tersebut.

Sekarang ini kita tidak tahulah. Cuma, barangkali itu rahsia atau tidak, saya tidak mengetahui. Tetapi kalau betul boleh memberikan satu pelajaran ataupun pendidikan kepada rakyat, saya ingat boleh disiarkan kalau pengesanan itu yang saya katakan tadi, yang boleh mencampuri hal ehwal negara dan juga merosakkan keselamatan dan sebagainya. Saya tidak tahu macam mana, umpamanya radio siaran dikesan semasa Abu Sayyaf, radio dia boleh hubung dengan radio. Jadi, ini kita dapat kesan juga perkara seperti ini. Jadi, itu sahajalah tiga perkara yang hendak disebutkan dalam bulan Ramadan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.15 tgh.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Kementerian Penerangan pada peringkat Jawatankuasa ini. Saya nampak ada lima perkara pokok yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhubung dengan soal seperti kandungan rancangan, kesesuaian rancangan, penswastaaan TV2 dan juga soal khidmat sokongan dan Jabatan Hal Ehwal Khas.

Tuan Pengerusi, saya mula dengan memberikan sedikit penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman yang menimbulkan soal logistik dan juga pegawai serta kakitangan siaran bahasa Iban di RTM Sarawak. Kita ucap berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai perkara ini dan Kementerian Penerangan sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan kakitangan dan pegawai-pegawai, begitu juga kemudahan-kemudahan yang disediakan tetapi semuanya itu banyak juga bergantung kepada kemampuan kewangannya dan dilaksanakan mengikut keutamaan kita.

Kemudian, Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkitkan soal kesesuaian masa siaran terutama sekali Berita Perdana dan juga soal azan ini. Jadi, sebenarnya kita pun sentiasa cuba memenuhi kehendak semua pihak dalam mana-mana siaran ataupun rancangan yang kita sediakan. Begitu juga dengan masa siaran Berita Perdana ini, memang selalu ditimbulkan di Dewan ini. Cuma ianya telah difikirkan dengan cermat dan untuk menampung keperluan banyak di kalangan pihak. Setakat

ini, masa yang sedia ada itu, kita fikir belum dapat lagi kita ubah ataupun buat penyesuaian.

Begitu juga dengan soal azan ini, saya hendak tegaskan satu benda sahaja. Jadi, kita semua orang Melayu beragama Islam dan kita tahu menghormati waktu masuknya tiap-tiap waktu sembahyang ini, jadi kita tidak payah sebutlah ya. Langkah yang RTM buat itu pun, dulu tidak ada. Saya ingat waktu mula-mula RTV mula di Jalan Ampang, azan ini tidak ada disiarkan. Jadi, setelah sampai satu ketika, baru azan itu disiarkan apabila sampai waktunya dan ini bukan waktu Maghrib sahaja. Tiap-tiap kali masuk waktu, kita siarkan waktu azan ini sebagai tanda ingatan kepada umat Islam tentang peranan mereka untuk menunaikan tanggungjawab mereka kepada Allah S.W.T.

Yang Berhormat bagi Sri Aman juga ada bangkitkan mengenai mutu bahasa Iban yang tidak memuaskan ini. Pasal saya tengok Yang Berhormat ini tiap-tiap kali dia bangkit, dia mesti sebut soal bahasa Iban ini. Jadi, saya suka hendak jelaskan bahawa dia tidak dapat menerima dengan jelas siaran ini, maksudnya. Jadi, saya hendak jelaskan, buat masa ini siaran radio bahasa Iban ini disiarkan dengan menggunakan pemancar gelombang pendek yang lebih sesuai untuk meliputi kawasan-kawasan pedalaman dan pemancar gelombang sederhana di kawasan-kawasan bandar. Jadi, untuk mempertingkatkan mutu siaran radio tempatan di Sarawak dan juga Sabah, termasuk siaran bahasa Iban, maka peruntukan telah kita pohon di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk mengadakan pemancaran Radio FM bagi menggantikan pemancar gelombang sederhana sekarang ini.

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kita juga sedar...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sri Aman bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:...seperti yang saya katakan tadi. Tidak apa, nanti sekejap. Sekejap ya. Kita akan menampung apa juga masalah dan kekurangan baik dari segi siaran, baik dari segi kakitangan, baik dari segi peralatan dan lain-lain. Ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sangat prihatin terhadap masalah penyiaran bahasa Iban di Sarawak. Dua perkara Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya hendak kemukakan. Yang pertama, di stesen Sri Aman hanya dua orang sahaja pegawai bahasa Iban yang bertugas. Kalau seorang *off*, seorang mesti bertugas. Jadi, tidak dapat pergi turun ke padang untuk membantu menerangkan ataupun merakamkan apa yang disebut oleh menteri-menteri ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, saya minta tambah pegawai.

Yang kedua, bukan sahaja mutu pendengaran tetapi mutu penyampaian, oleh kerana saya nampak terlalu banyak masa *prime time* yang digunakan untuk berita keluarga ataupun lagu permintaan. Oleh kerana itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengolah sesuatu supaya lebih banyak lagi polisi kerajaan dan ilmu-ilmu semasa dan juga soal-soal semasa dapat disebarkan kepada masyarakat kita ini oleh kerana kita tidak mahu satu kawasan pun menjadi kawasan Lunas di Sarawak. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasihlah. Kita ambil perhatian di atas perkara-perkara yang Yang Berhormat bangkitkan ini. Saya hendak menekankan dari segi mutu kandungan siaran kita memang kita sentiasa mengingatkan pegawai-pegawai, kakitangan dan penerbit yang ada di RTM supaya cuba mempertingkatkannya dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Baram telah menimbulkan soal perlunya usaha untuk mempertingkatkan soal penerimaan siaran TV. Saya suka

menerangkan bahawa usaha mempertingkatkan penerimaan siaran TV merupakan aktiviti-aktiviti berterusan. Pemancar-pemancar lama perlu diganti dan stesen-stesen pemancar TV yang baru dibina untuk mempertingkatkan mutu siaran di kawasan-kawasan terlindung ataupun dengan izin, *pocket areas*. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, hampir RM20 juta telah dibelanjakan untuk membina stesen-stesen pemancar TV di seluruh negara terutama di Sarawak dan Sabah. Enam stesen pemancar TV dengan kos sebanyak RM8.3 juta sedang dibina dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2001.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan telah pun dipohon untuk menggantikan pemancar lama di seluruh negara yang kebanyakannya di Sarawak dan Sabah bagi memastikan pemancaran di stesen-stesen yang sedia ada berfungsi dengan lebih efektif dan memberi liputan TV yang sebaik mungkin kepada rakyat.

Yang Berhormat bagi Baram juga telah meminta supaya Kementerian Penerangan mengkaji untuk menambah anggota di Pejabat Penerangan Daerah Baram dan saya suka menyatakan bahawa kekosongan jawatan di Jabatan Penerangan sememangnya berlaku dari satu masa ke satu masa. Walau bagaimanapun, tindakan telah dan sedang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut. Begitu juga tentang elaun perjalanan bagi pegawai, saya berterima kasih banyakkah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal kebajikan dan kemudahan bagi pegawai-pegawai kita ini dan kita memang memahami masalah kekurangan peruntukan elaun perjalanan bagi pegawai-pegawai dan kita akan cuba mendapatkannya daripada Perbendaharaan - kita minta sebenarnya tetapi ini urusan yang melibatkan banyak agensi kerajaan juga dan setakat yang diberi itulah yang dapat kita salurkan kepada pegawai-pegawai kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut dan Parit Sulong telah membangkitkan soal sama ada RTM ini khususnya TV2 hendak diswastakan ataupun tidak? Saya suka hendak tegaskan, sebenar soal hendak menswastakan RTM ini tidak timbul langsung, yang sudah diputuskan oleh kerajaan ialah untuk mengkorporatkan RTM. Itu sahaja yang dimuktamadkan dan kalau sekiranya ada cerita-cerita yang lain timbul itu, saya fikir sesuatu yang belum dimuktamadkan oleh pihak kerajaan. Tetapi setakat ini dan saya yakin untuk masa hadapan kerajaan tidak ada rancangan untuk hendak menswastakan RTM ataupun mana-mana saluran radio ataupun TV di negara kita ini.

Saya juga ingin hendak menjelaskan di sini

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebagaimana Jalaluddin Hassan selalu bertanya, adakah keputusan muktamad bahawa RTM tidak akan diswastakan pada bila-bila masa akan datang? Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, adakah itu keputusan muktamad? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Kalau tanya saya seorang itulah keputusan muktamad. [Ketawa] Tetapi dari segi kerajaan setakat yang saya maklum, keputusan kerajaan ini ialah mengkorporatkan sahaja RTM.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya, kesan ataupun manfaat hasil daripada TV ini diperbadankan, kesannya dan manfaat yang boleh diperolehi oleh rakyat keseluruhannya. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Terima kasih Yang Berhormat. Kesan pertamanya sekali nanti ialah tenaga yang ada di RTM mempunyai ruang dan peluang yang lebih luas untuk merencanakan apa sahaja perkara yang difikirkan baik

tanpa kerehnan birokrasi seperti juga kita ambil langkah untuk mengkorporatkan universiti-universiti, bukan menswastakan, saya tidak tahu pasal apa orang selalu putar belit antara korporat dengan swasta. Kita hanya setakat hendak mengkorporatkan universiti, hendak mengkorporatkan RTM sahaja. Apabila pengkorporatan itu dilaksanakan, jadi soal dengan izin, *administrative hazard* ini, halangan-halangan pentadbiran ini, jadi banyak boleh dipercepatkan keputusan-keputusan dan dalam masa yang sama juga walaupun sekarang ini orientasi RTM bukan untuk hendak membuat keuntungan seperti stesen-stesen swasta tetapi apabila ianya dikorporatkan ianya akan ada jentera seperti bila kita buat di universiti ada Lembaga Pengarahnya dan lain-lain yang boleh memikirkan, merencanakan perkara-perkara yang difikirkan baik untuk mempertingkatkan mutu-mutu dan mungkin mendatangkan kewangan yang lebih baik bagi menampung keperluan-keperluan RTM itu sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua Ahli Yang Berhormat bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Saya terpulang kepada siapa hendak cakap?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Larut ya. Yang Berhormat, saya hendak bertanya apabila diperbadankan sama sebagaimana SBC (Singapore) sama ada kita telah pun mengkaji *detail* perkara ini sebelum dilaksanakan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Kita tidak tiru Singapore. Kita fikir kita orang Malaysia lebih cerdik daripada orang Singapore. Dan kita

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Tidak habis lagi bab Singapore ini. Singapore bukan sebuah negara contoh kepada kita.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri *corporatization exercise* ini dengan izin, adakah hanya menumpu kepada RTM 2 ataupun termasuk RTM 1 dan seluruh *channel* radio yang dikendalikan oleh RTM. Itu saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia melibatkan keseluruhan RTM, stesen-stesen radio dan juga saluran TV1 dan TV2.

Jadi, kalau boleh saya sambung Tuan Pengerusi. Tadi saya hendak menyebut tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga tentang Jabatan Hal Ehwal Khas ini. Jadi saya hendak jelaskan, sebelum daripada ini jabatan ini dikenali sebagai Cawangan Hal Ehwal Khas di Kementerian Penerangan. Tidak lama dahulu kita telah membuat keputusan untuk menaikkan tarafnya kepada sebuah jabatan kerajaan. Ianya makan masa untuk disempurnakan dan sekarang sudah selesai. Kalau hendak dikatakan Cawangan Hal Ehwal Khas mendapat sedikit ianya banyak bergantung kepada cara kita mentafsirkan tetapi kalau hendak katakan langsung tidak buat kerja itu, saya fikir takut terlajak cakap kita, ia ada tetapi mungkin cara mereka buat kerja itu dan gaya mereka buat kerja mungkin tidak berapa hendak memenuhi selera sesetengah pihak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak berapa setuju Yang Berhormat Dato' hendak dikorporatkan ataupun diperbadankan RTM ini. Pasal takut

lawan tauke besok. *[Ketawa]* Macam sesetengah yang diperbadankan ini. Jadi, apa jaminan supaya jangan melawan taukelah, yang merugikan rakyat ramai.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mudah sahaja Yang Berhormat, kita belajar daripada pengalaman kita, insya-Allah. Tetapi saya fikir bila kerajaan buat keputusan itu, kerajaan telah memberikan tumpuan yang mendalam tentang perkara tersebut. Insya-Allah, kita akan ambil perhatian setiap pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita dalam membuat sebarang keputusan.

Jadi, saya kata tadi tentang soal keberkesanan cawangan atau sekarang ini Jabatan Hal Ehwal Khas, saya menerima baik pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang peranan dan tanggungjawab jabatan ini sekarang dan kita akan cuba untuk memperbaiki lagi dan mempertingkatkan lagi keberkesanan tenaga yang mengendalikan beberapa perkara melalui jabatan yang telah kita wujudkan ini.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berhubung dengan Hal Ehwal Khas, kerana saya dahulu pun bekerja dengan Hal Ehwal Khas lebih kurang tiga tahun. Daripada pengalaman yang kita lalui bukan agensi ini tidak berfungsi tetapi banyak kelemahan dari segi prasarana dan kemudahan-kemudahan daripada kementerian itu sendiri.

Soalan saya, adakah kementerian ini bercadang untuk menambah peruntukan bagi cawangan Hal Ehwal Khas ini untuk memastikan mereka berfungsi, untuk memastikan bahawa dakyah-dakyah daripada parti pembangkang dapat ditangkis kerana sebetulnya biasalah dalam pilihan raya pembangkang selalu menyatakan bahawa demokrasi di negara kita sudah mati. Tetapi bukti mereka telah menang di Lunas dan ini bermakna demokrasi di Malaysia masih hidup, masih subur, segar dan bugar sehingga mereka menang, tetapi pilihan raya kecil sahaja. Insya-Allah, pilihan raya umum akan datang Barisan juga menang. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Kita akan cuba mendapatkan satu peruntukan yang semunasabah mungkin bagi membolehkan jabatan ini digerakkan dengan sebaik mungkin. Dan, saya katakan tadi, kita akan cuba dengan seberapa daya-upaya untuk mempertingkatkan keberkesanannya dan baru-baru ini pun kita telah mengambil 50 orang tenaga yang baru yang mempunyai latar belakang yang kita fikirkan sesuai untuk mencapai maksud mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan itu tadi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupar berdiri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ini pukul berapa hendak habis ni?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pukul 1.00.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minta juga dijelaskan persoalan saya, tiga perkara tadi Yang Berhormat. Satu, persoalan membinakan pentas di Sarawak, lepas itu yang kedua, perkhidmatan

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat, saya belum sampai. Saya akan sampailah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya takut Yang Berhormat berhenti dekat sana sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Insya-Allah, saya cuba, cuba sampai ya. Jadi, saya hendak beralih kepada satu lagi perkara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sebelum dia

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hendak soalan satu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa pulak ni, tadi tidak cakap. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak tanya soalan. Penjelasan. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang paling kanan sekali. Saya pun kesianlah pasal duduk di kementerian Yang Berhormat ini memang sukar sekali, dalam keadaan agak sukar. Tetapi saya hendak tanya satu soalan ya. Sekarang ini kalau dilihat kepada semua perbincangan-perbincangan yang dibawa oleh pembentang-pembentang, wakil-wakil rakyat sebentar tadi, kebanyakan difokuskan kepada program penyiaran atau penerangan itu sendiri. Jadi, saya hendak lanjutkan daripada situ sedikit kerana berdasarkan kepada Firman Allah S.W.T. yang berbunyi, *[membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud: "Ajaklah, serulah mereka kepada kebenaran dengan cara bijaksana dan contoh-contoh yang terbaik". Dalam kes kita program-program yang terbaik.

Jadi, semua soalan daripada Parit Sulong, Larut semua ini, kita fokuskan kepada mereka tidak berpuas hati dengan program-program yang disiarkan oleh Kementerian Penerangan dan kita lihat umpamanya komen-komen yang diberikan kebanyakan program-program ini bukannya membina generasi masa depan tetapi lebih banyak kepada melalaikan generasi masa depan.

Jadi, kita hendak tanya apakah pendekatan ataupun apakah *approach* Kementerian Penerangan, apakah ianya lebih kepada bersifat *business oriented* ataupun sekadar hendak mengisi program ataupun dalam bentuk hendak membina generasi masa depan. Kerana umpamanya kalau kita tengok komen-komen yang diberikan program-program iklan sendiri, sepatutnya iklan-iklan rokok yang

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sudah berceramah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Satu, sikit sahaja. Sepatutnya iklan-iklan rokok, walaupun dalam bentuk tidak tunjuk rokok pun kita tidak patutlah saya rasa.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okaylah tu, saya fahamlah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okay, terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Duduklah. Jadi, saya kata tadi antara perkara-perkara pokok yang dibangkitkan oleh ramai rakan-rakan Ahli Yang Berhormat ini banyak menjurus kepada soal content, kandungan, mutu, nilai. Jadi, kalau tanya saya, saya tidak ada apa-apa masalah di kementerian ini. Saya tidak tahu apa maksud Yang Berhormat, sukar hendak bekerja di sini, tidak ada apa bendalah, biasa. Mana pun saya kerja, tidak ada masalah.

Jadi, kalau tanya saya apa dia peranan, tanggungjawab RTM, memang nombor satu kita bukan berniaga. Orientasi kita di RTM bukan pada berniaga macam stesen-stesen swasta. Kita bertanggungjawab untuk mencapai maksud-maksud seperti yang Yang Berhormat cakap itu tadi. Saya tidak nafilah, ini cara manusia menilai, apa benda pun mesti adalah, kurang sana, cacat sini, tidak betul sana, saya terima bab itu. Tetapi kadang-kadang, kita siar yang betul pun, diputarbelitkan kata tidak betul, itu payah sikitlah. Macam selalu dok buat inilah, putar sana, putar sini, belit sana, belit siniha, itu kita cerita yang betul, pun kena putar hendak buat macam mana.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Hey, diamlah lu, apa campur-campur. *[Ketawa]* Kita cakap tidak apa, dia campur apa pasal. Baik, jadi Tuan Pengerusi, saya tadi hendak menyambung apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Yalah, hidup kita ini tidak sunyi daripada kesilapan, saya minta maaf bagi pihak kawan-kawan saya, pegawai-pegawai yang ada di RTM. Namun

demikian, saya hendak tegaskan juga bahawa apa juga perkara yang dibangkitkan senantiasanya kita ambil perhatian. Misalnya, peranan yang dimainkan oleh RTM untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai terutama sekali generasi muda kita mengenai perkembangan teknologi maklumat di negara kita ini.

Ini kita buat satu melalui Jabatan Penerangan ada kursus-kursus, latihan-latihan yang kita sediakan untuk pegawai-pegawai dan juga dalam banyak ceramah kita memberikan penekanan yang cukup tinggi tentang betapa perlunya rakyat, masyarakat terutama sekali generasi muda mengikuti pelbagai perkembangan pantas, cepat yang berlaku di bidang teknologi maklumat sekarang ini.

Begitu juga untuk masyarakat kita di kampung-kampung pun, kita mempunyai program untuk bukan sahaja memberikan kesedaran tetapi mengajak rakyat masyarakat di kampung mendekati, mendampingi diri mereka dengan teknologi maklumat dan kita ada program yang khusus di bawah Kementerian Penerangan yang kita panggil sebagai K3P untuk memberikan pendedahan dan menggalakkan, membimbing masyarakat di luar bandar mengikuti pelbagai perkembangan melalui teknologi maklumat. Setakat ini untuk makluman, kita akan bekalkan setiap K3P kita 200 buah itu dengan sebuah komputer. Kita sudah sediakan peruntukan RM1.2 juta dan tahun depan kita akan tambah 100 buah lagi dengan membekalkan juga komputer. Itu contoh-contoh bagaimana kita memainkan peranan untuk meniupkan kesedaran dan amalan dan pentingnya teknologi maklumat dalam kehidupan kita sekarang dan akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, sedikit penjelasan. Saya dengar tadi setiap K3P Yang Berhormat akan bekalkan 200 buah komputer, adakah itu yang dimaksudkan. Saya hendak dapat penjelasan dari hal itu sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya ingat Yang Berhormat salah dengar itu. Kita sekarang ada 200 buah K3P. Setiap K3P kita bekalkan sebuah ya. Jauh benar itu. [Ketawa] Kalau satu K3P 200, itu lebih dari pejabat kerajaan, okaylah, tak apalah satu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Baling. Yalah, bunyi cakap itu sedap tentang menimbulkan soal kandungan TV yang memberi kesan tak baik kepada masyarakat terutama sekali anak-anak muda. Pokoknya begini sahajalah, dari segi TV semua program yang kita siarkan melalui dua penapisan. Satu, di Lembaga Penapis Filem, Kementerian Dalam Negeri. Kita di RTM juga mempunyai Lembaga Penapisan Filem kita sendiri. Prinsipnya kita meneliti perkara-perkara yang difikirkan tak sesuai disiarkan, kita tak siar. Jadi, memang benarlah ada juga perkara-perkara yang boleh ditafsir dengan pelbagai sudut, terutama dari sudut keagamaan. Jadi, kita kena ingat kita ini masyarakat berbilang kaum. Kalau kita silap buat keputusan ianya boleh memberi kesan kepada kaum-kaum yang lain.

Begitu jugalah dalam segi pengeluaran dan penerbitan filem-filem ataupun program-program melalui rancangan-rancangan radio ataupun TV kita terutama sekali kita faham tentang sensitiviti setiap agama terutama sekali agama Islam. Dalam masa yang sama kita juga kena fikirkan banyak perkara lain. Pokoknya kita pun bersetuju, kita bukan sengaja ataupun tidak mahu faham akan kesan-kesan yang timbul dari setiap program yang kita pancarkan. Namun demikian, pokoknya saya kata pada peringkat awal tadi kita bertanggungjawab untuk melentur pemikiran masyarakat, membentuk budaya bangsa dan negara kita ini. Tinggal lagi cara mana orang tafsir, itu saya tak dapat kawal, tak ada daya upaya saya pasal setiap manusia mempunyai penilaian masing-masing. Dari segi kerajaan, kita bertanggungjawab untuk melentur pemikiran, melentur sikap dan lain-lain. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan iklan seperti yang telah dibangkitkan oleh Parit Sulong dan kawan-kawan yang lain. Adakah iklan-iklan yang telah dipaparkan dalam RTM

dan juga TV3 yang ditaja oleh syarikat-syarikat rokok terutama sekali yang disebut oleh Parit Sulong, Cool Planet umpamanya, ini telah menepati budaya bangsa Yang Berhormat sebutkan hendak kita binakan.

Yang kedua, saya kepastian siapakah yang sebenarnya mempunyai kuasa untuk menilai ataupun meluluskan iklan-iklan ini. Adakah di bawah kementerian ini ataupun di bawah kementerian yang lain dan garis panduan yang digunakan sebab saya berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat Parit Sulong, iklan inilah sebenarnya yang destructive, yang merosakkan semua nilai yang cuba dibina oleh RTM dalam masa berpuluh-puluh jam satu hari telah dirosakkan dengan sekelip mata oleh iklan-iklan ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dan juga sebenarnya saya akan sampai kepada soalan ini. Jadi, oleh kerana Yang Berhormat sudah sebut...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Banyak tak banyaklah tetapi ada lagilah. *[Ketawa]* Difficult for me to say, Tuan Pengerusi. Tetapi tinggal lagi kalau Tuan Pengerusi kata berhenti, saya berhentilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cubalah. Kita cuba habiskan dalam masa yang ditentukan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyatakan di sini bahawa pokoknya rancangan yang disiarkan di TV1 dan TV2 ditentukan oleh RTM, itu pokoknya, kita yang menentu, bukan orang yang menentu. Pihak penaja terutama sekali penaja iklan hanya diberi peluang menyiarkan iklan-iklan di dalam rancangan yang disiarkan. Sekiranya pengiklan-pengiklan tersebut berminat untuk menaja, pihak penaja tidak dibenarkan meminda atau mengongkong siaran rancangan TV1 ataupun TV2. Saya ambil perhatian berat terhadap perkara-perkara yang disebutkan tadi sebagai iklan-iklan ini ada yang membawa mesej yang, dengan izin, double mining. Ini kita akan cuba teliti. Dengan cara itu kita harap dapat dilenyapkan apa juga perkara-perkara yang kita fikirkan tidak mendatangkan manfaat bagi pembinaan bangsa kita.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Tambun yang telah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada seorang lagi dari kawasan Hulu Terengganu bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okey.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin memanjangkan sedikit apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Baling berkenaan dengan adegan-adegan yang dianggap lucah seperti peluk cium dan sebagainya. Pihak kementerian memberitahu akan sentiasa menjaga. Apakah kerajaan bercadang untuk mengetatkan lebih lagi terutamanya di bulan-bulan yang istimewa seperti bulan Ramadan ini dan juga bulan Syawal, bulan perayaan yang mana kita sekeluarga menonton filem-filem ataupun rancangan-rancangan televisyen yang mana ini sangat tidak menyenangkan apabila tiba-tiba dipaparkan adegan-adegan seperti itu. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat. Soal lucuh ini pun bergantung kepada penilaian masing-masing. Lucah pada setengah orang, tak lucah pada setengah orang lain. Jadi, payah saya hendak beri satu jawapan yang tepat. Tetapi saya fahamlah apa maksud Yang Berhormat ini. Semua pemimpin-pemimpin Islam, setiap kali dia bercakap kita faham betul apa

maksud setiap Yang Berhormat bagi pemimpin-pemimpin Islam yang berbudaya tinggi, jadi kita faham. Tinggal lagi seberapa yang boleh kita cuba mengawal dan memastikan apa juga yang kita buat ini kita fikirkan munasabah dan dapat menampung keperluan dan kehendak masyarakat kita keseluruhannya di negara Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, saya kata tadi Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan soal perlunya kita berikan perhatian kepada soal mutu penyelidikan dan juga kajian terhadap program-program kita. Saya berterima kasih kepada pandangan ini kerana Kementerian Penerangan sememangnya menjalankan kajian-kajian ke atas program-programnya. Kajian ini dijalankan oleh Cawangan Penyelidikan di bawah Kementerian Penerangan dan hasil kajian ini sememangnya digunakan untuk membaiki mutu program yang dilaksanakan oleh kementerian. Di samping itu juga, kementerian menggunakan kajian-kajian yang dijalankan oleh pihak swasta sebagai panduan dan juga perbandingan di dalam merencanakan program-program yang kita olah dan dapat disiarkan dengan lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Pilah dan Sri Gading bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kuala Pilah. *[Ketawa]* Pasal satu negeri.

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi, penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri telah menyebut berkenaan dengan kajian, berkenaan program-program dalam kementerian, saya ingin mendapat penjelasan, apakah kedudukan hari ini Kelab Setia yang pernah satu ketika dahulu kita adakan di kalangan kanak-kanak di sekolah. Sebab saya pandangkan ini adalah satu program yang saya rasa amat baik yang perlu diwujudkan dan dipupukkan dan diberi sedikit lagi peruntukan supaya dapat kita sebagai Ahli Parlimen menjalankan tugas kita supaya melalui Kelab Setia ini dapat kita memupuk taat setia di kalangan remaja dan supaya mereka itu diberi penerangan yang tidak akan mengelirukan mereka, seperti mana kita dapat hari ini banyak maklumat yang mengelirukan terutamanya anak-anak remaja kita. Jadi, apakah kedudukannya Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat, kedudukannya masih ada kelab itu dan kita akan cuba 'rebakkan' dari satu masa ke satu masa. Kita memang ada program-program yang khusus yang kita kelolakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dari kaji selidik kementerian, apakah kesan filem Bollywood itu kepada masyarakat. Kerana saya tengok oleh sebab terlalu sangat mewah filem ini ditayangkan di mana-mana, TV, pawagam dan sebagainya. Budak-budak Melayu kita sudah tertarik pula dengan budak Bangladesh ini. *[Ketawa]* Pasal dia punya mirip muka itu macam hero yang Jeli suka, Shah Rukh Khan. *[Ketawa]* Jadi sudah terbawa-bawa. Saya balik daripada Pulau Pinang hari itu, bukan main bangga dia mengepit Bangladesh, ya Allah, saya kata, engkau tengoklah aku ini pun handsome juga, kan? Tak ada dia pedulikannya, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Jadi, apa kesannya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat, ini satu proses biasa. Kalau kita tengok satu masa dahulu filem-filem yang dikatakan itu pernah naik, pernah turun, sekarang ini dia naik balik. Pokoknya masyarakat, kalau masyarakat tengok dia seronok, jadilah seronok. Kalau esok pagi orang ramai kata ini tak baik, dia tak akan ikuti lagi. Tinggal lagi memanglah ada kesan-kesan sedikit. Itu kita terima. Bagi saya, yang betul itu betul jugalah, kalau tak betul, tak betullah. Kita mengawasi perkembangan yang begini supaya tidak terhindar matlamat kita. Jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Baling.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Dato' Timbalan Menteri. Sedikit sahaja untuk respons kepada pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Tambun. Bagi saya, selain daripada program-program lain

oleh pihak TV dan RTM maka kita akui juga program-program agama khususnya yang dikendalikan oleh JAKIM. Kita tak nafikan sedikit-sebanyak pencapaian yang kita telah perolehi setakat ini. Cuma peningkatan perlu ada. Dengan sebab itu, di samping kita buat kajian-kajian ini maka pihak RTM juga khususnya untuk mengkaji bagaimana cara persembahan yang agak boleh menarik dengan program agama ini. Kerana saya rasa kepakaran dalam hal-hal yang begini mungkin lebih banyak berada di pihak Angkasapuri berbanding di Unit Penerbitan, Penyiaran yang ada di JAKIM itu sendiri. Jadi, di samping kita menggalakkan masyarakat mendapat maklumat daripada saluran ini maka kita hendak juga program-program agama ini menjadi suatu perkara yang dapat lebih menarik minat, dia tak jadi kaku. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung nanti.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Boleh sambung?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kalau tidak, boleh selesai, tak ada masalah. *[Ketawa]*

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung. Hendak habiskah dah?

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Dekat-dekat hendak habis.

Tuan Pengerusi: Tolonglah, kerana kita terpaksa jalan mengikut jadual ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Insya-Allah. Tuan Pengerusi, saya hendak respons kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Baling sebelum kita menangguhkan Majlis ini pada tengah hari tadi dan saya harap sikap begitu patut diamalkan oleh semua orang yang ada di sebelah sana, yang betul itu kata betullah, yang tidak betul itu kata tidak betul dan memang apabila Yang Berhormat dari Baling mengatakan dan Kementerian Penerangan. Angkasapuri yang mempunyai segala kemahiran dan kepakaran ini, itu satu benda yang betul dan yang tidak betul itu saya pun boleh terima dan kita cari jalan untuk memperbaiki benda-benda yang tidak betul.

Saya harap semangat itu akan bersemarak teruslah, ya Tuan Pengerusi. Kemudian Yang Berhormat Tambun juga saya hendak jelaskan sedikit tentang penerbitan-penerbitan yang tidak berapa menarik minat orang membaca dan juga tentang penceramah-penceramah ini, memang kita berhasrat sepanjang masa sebenarnya dan banyak kali benda ini dibincang di peringkat jabatan, kita harap dapat mengetengahkan, meyajikan bahan-bahan yang lebih baik betuk persembahannya, *make-upnya* dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan penerbitan ini, begitu juga tentang penceramah-penceramah kita, kita cuba pertingkatkan kebolehan dan keupayaan mereka itu melalui kursus-kursus, latihan-latihan yang sentiasa kita adakan

dari satu masa ke satu masa dengan harapan mereka ini dapat menjadi tenaga yang lebih berkesan lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batang Lumar telah menimbulkan soal pembinaan auditorium di setiap negeri. Suka saya nyatakan bahawa di dalam perancangan Kementerian, kita sememangnya berhasrat untuk menyediakan kemudahan auditorium di setiap negeri. Sekarang ini kita telah mempunyai auditorium di RTM Alor Setar dan Johor Bahru sahaja.

Walau bagaimanapun, program perancangan ini terpaksa dibuat secara berperingkat-peringkat memandangkan peruntukan kerajaan yang terhad. Untuk makluman perkara ini memang dipohon oleh Kementerian di dalam setiap projek pembangunan lima tahun kerajaan dan pelaksanaannya bergantunglah kepada banyak mana duit yang diberi ataupun diluluskan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kepong telah menimbulkan soal pengeluaran filem ini. Memang Kementerian berhasrat untuk cuba mencari jalan untuk mempertingkatkan lagi, memajukan lagi industri perfileman di negara kita ini dan hasrat kita untuk melihat sekurang-kurangnya dapat dikeluarkan, diterbitkan 12 judul filem setahun dan kita buat ini dengan mengenal pasti beberapa syarikat yang ada sekarang, yang terlibat dengan RTM membekalkan dengan bahan-bahan siaran dan mereka ini kita bantu melalui skim kemudahan produksi FINAS, kalau dahulu peruntukannya itu sebanyak RM200,000, sekarang ini kita telah pertingkatkan kepada RM300,000 setiap judul yang kita beri dan kita juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan ini tentang bagaimana dan cara mana dapat diuruskan pencapaian matlamat tersebut dan kita juga fikirkan kalau boleh Filem Negara sendiri dengan kerjasama dengan FINAS patut menerbitkan sekurang-kurangnya dua judul filem untuk setahun.

Dan program latihan untuk meningkatkan kemahiran di kalangan tenaga yang terlibat itu akan diteruskan dan dipertingkatkan dari satu tahun ke satu tahun.

Selain dari itu, yang berkaitan dengan Institut Industri Perfileman ini juga, kita memang dalam proses memuktamadkan dasar filem nasional ini di mana di bawah strukturnya nanti akan diwujudkan sebuah lembaga yang kita panggil dengan Lembaga Perfileman Nasional dan kita harap melalui langkah ini, pentadbiran industri filem dapat lebih berbentuk serenti ataupun dapat diberikan pengkhususan dan penumpuan yang lebih besar lagi dan usaha-usaha galakan dan promosi produk tempatan keluar negara akan menjadi usaha penting Lembaga Perfileman Nasional dan tertakluk kepada dasar filem nasional, Lembaga Perfileman Nasional lebih terarah dari segi aktiviti terutama berkaitan dengan nilai-nilai tempatan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Jerlun telah membangkitkan soal perantikan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas dari kalangan mereka yang kalah dalam pilihan raya yang dikatakan tidak wajar. Begitu ya?

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, saya hendak jelaskan, perantikan pegawai ke jawatan tertentu adalah didasarkan kepada kesesuaian, kelulusan, kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh pegawai berkenaan. Dan lantikan ini tiada kaitan dengan perkara selain dari yang disebutkan di atas tinggal lagi macam mana hendak ditafsirkan oleh Yang Berhormat dari Jerlun, itu atas budi bicara dan kebijaksanaan dialah.

Kesimpulannya Tuan Pengerusi, Kementerian Penerangan mengambil berat pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat khususnya mengenai aspek kandungan di dalam program RTM terutamanya yang menyentuh unsur-unsur yang negatif dan adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk memastikan semua kandungan sesuai untuk ditonton oleh semua lapisan masyarakat. Ke arah ini, Kementerian telah mengambil langkah tertentu dari segi pengawalan dan tapisan di mana RTM mempunyai mekanismenya sendiri berasaskan garis-garis panduan siaran yang diluluskan.

Kementerian bertanggung keseluruhan programnya mempunyai nilai positif yang mendorong ke arah perkembangan minda dan penyebaran maklumat yang berkesan. Aspek ini nampaknya tidak diberikan perhatian oleh sesetengah Ahli Yang Berhormat dari pembangkang, yang lebih menumpu kepada aspek negatif terutama yang berunsur lucah, ganas dan lain-lain.

Dari segi pembangunan keseluruhan kerajaan melalui Kementerian Penerangan sememangnya peka terhadap apa jua teguran dan pembaharuan yang boleh menjadikan kementerian ini sebagai agensi penyampai maklumat yang berkesan.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Penerangan mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran dan kalau sekiranya ada juga perkara-perkara yang tidak saya sebut, insya-Allah perkara-perkara itu sentiasa diberikan penelitian dan kita cuba ambil tindakan sekiranya didapati munasabah dan sesuai. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM665,160,000 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM665,160,000 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM24,458,060 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM24,458,060 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Maksud B.45 [Jadual] –
Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Cheras.

2.42 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh kepada Butiran 010000 di bawah Program 010200 – Perancangan dan Penyelidikan Dasar.

Tuan Pengerusi, pada minggu yang lepas saya ada menerima satu jawapan bertulis daripada Kementerian Sumber Manusia. Soalannya saya yang bertanya ialah mengenai sepuluh jenis pekerjaan berpendapatan tertinggi dan berpendapatan terendah sekali di negara ini. Dan jawapan yang diberikan kepada saya oleh kementerian menghairankan saya kerana saya menelitikan jawapannya dan saya mendapati sepuluh jenis pekerjaan berpendapatan terendah itu melainkan terendah nombor satu iaitu jenis pekerjaan ialah Operator Separuh Mahir di sektor pembuatan mesin kecuali terendah kedua hingga kesepuluh adalah kesemuanya daripada satu sektor industri sahaja iaitu dari bidang hotel dan resort.

Misalnya, saya membacakan, nombor dua terendah ialah Pelayan Hotel, nombor tiga Kerani Belian, nombor empat Tukang Kebun, lima Waiter/Waitress, enam Penyambut Tetamu (Operator Telefon), tujuh, Pembantu Dapur, lapan Tukang Cuci Pejabat, sembilan Tukang Dobi dan sepuluh Juruteknik Am.

Tuan Pengerusi, saya menimbulkan perkara ini, persoalan ini kerana jika laporan ini adalah membayangkan kedudukan yang sebenarnya, ini bermakna pekerja-

pekerja di industri hotel dan resort adalah pekerja-pekerja yang paling hampa dan kecewa dari segi pendapatan gaji dan saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada jika hakikat ini betul, laporan ini betul, adakah ini bermakna pekerja-pekerja di industri hotel dan resort produktiviti mereka adalah rendah menyebabkan gaji mereka pun rendah ataupun pekerja-pekerja itu dieksploitasikan oleh majikan mereka kerana pelancongan merupakan satu sumber pendapatan negara yang besar, nombor dua atau tiga, ini industri yang paling penting dan pekerja-pekerja hotel dan resort juga adalah memberikan sumbangan yang penting kepada perkembangan ekonomi negara.

Di samping itu saya pun mendapati daripada 10 jenis pekerjaan berpendapatan tertinggi itu, nombor tujuh yang tertinggi juga daripada industri hotel dan *resort* iaitu Pengurus Hotel. Bagaimanakah situasi ini terjadi begitu kerana tenaga kerja di bidang hotel dan *resort*, sungguhpun saya bersetuju bukan kesemua pekerja di bidang ini mendapat gaji yang tinggi, tetapi apa pula pekerja-pekerja di bidang lain yang dianggap adalah lebih rendah selama ini. Misalnya, petani di luar bandar, peladang, penoreh getah, kakitangan kerajaan bawahan, pembantu kedai, pembantu gerai dan sebagainya. Adakah mereka sekarang menikmati gaji yang lebih tinggi? Saya fikir kesemua persoalan ini memerlukan satu jawapan yang baik. Dan menurut jawapan itu juga laporan tentang gaji ini dibekalkan oleh satu bancian yang disediakan oleh Persekutuan Majikan Malaysia yang bertajuk *Salary and Fringe Benefit Survey 1999*. Ini ialah terbaru. Mengapakah bancian ini dapat dibekalkan oleh Persekutuan Majikan Malaysia dan bukan dibekalkan oleh kementerian sendiri. Adakah laporan ini satu laporan yang tepat dan benar sekali.

Persoalan yang kedua yang ingin saya timbulkan di sini ialah Tuan Yang di-Pertua, dalam era ICT ini di banyak negara satu masalah baru sedang timbul iaitu jurang pendapatan antara pekerja-pekerja yang berpendapatan tinggi dan yang rendah telah menjadi lebih luas dan besar dan apakah kedudukan di Malaysia. Adakah serupa, yang sama ini juga berlaku di negara kita? Sebab dalam laporan yang dibekalkan kepada saya juga, yang tertinggi sekali pendapatan pekerja yang tertinggi sekali ialah mereka di bidang IT dan komunikasi, Ketua Eksekutif dan ini membayangkan kedudukan, apa yang berlaku di negara lain juga sedang berlaku di Malaysia. Macam mana jurang pendapatan di antara mereka yang mempunyai kemahiran dalam ICT dan mereka yang tidak dapat dibetulkan supaya memastikan jurang itu satu jurang yang minimum. Ini perkara yang kedua.

Perkara yang ketiga yang ingin saya timbulkan di sini ialah mengenai gaji minimum pekerja Malaysia. Sudah lama kerajaan atau Kementerian Sumber Manusia berjanji untuk membuatkan satu keputusan dan mengumumkan keputusan itu tetapi hingga sekarang masih tidak ada apa-apa perkembangan nampaknya dan juga macam mana janji semasa memancing undi dalam pilihan raya bahawa pekerja-pekerja estet yang menuntut gaji bulanan. Bilakah kerajaan akan memastikan ianya dilaksanakan kerana sejak tahun yang lepas, Kementerian Sumber Manusia sudah berjanji untuk mengimplementasikan gaji bulanan di estet-estet, tetapi sudah setahun lebih, janji ini belum dikotakan. Dan saya harap Kementerian Sumber Manusia tidak akan mengelakkan daripada memberi jawapan yang ikhlas dan jujur.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, ya Yang Berhormat. Belakang sekali ya. Kinabatangan, ya, ya. Tidak ramai yang hendak berucap. Terima kasih.

2.52 ptg.

Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin mengambil kesempatan ini dalam B.45 iaitu Butiran 20000, 020300, 040000 iaitu kemajuan guna tenaga rakyat, perkhidmatan pekerjaan, keselamatan dan sebagainya.

Terima kasih kerana diberi peluang. Ini berhubung dengan pengambilan pekerja-pekerja di bawah, digelar operator kilang khususnya belia-belie dari Sabah

yang hendak ditempatkan di kilang-kilang yang berada di Semenanjung Tanah Melayu iaitu seperti contohnya di Pulau Pinang, di Johor dan dua, tiga negeri di Semenanjung ini. Jadi perkara ini telah pun berlaku rasa saya sejak beberapa tahun yang lalu sehinggalah tahun-tahun ini masih berlarutan. Dan pada awalnya kita memang amat berbangga kerana belia-belia dari Sabah khususnya yang menganggur pada satu ketika boleh bekerja di negara sendiri walaupun sebagai operator kilang dan sebagainya.

Persoalannya Tuan Pengerusi, kita mendapat khabar berita ataupun melihat sendiri keadaan belia-belia yang pada mulanya diminta bekerja di kilang-kilang tersebut bertukar menjadi suasana pada saya amat menakutkan dan amat mengerikan. Justeru itu saya ingin bertanya kepada kementerian ini, sejak 1994 atau 1995, berapakah jumlah belia, beliawanis dari Sabah yang telah berhijrah untuk bekerja di kilang-kilang dan sehingga ke hari ini berapa ramai yang masih bekerja dan berapa ramai yang sudah berhenti termasuk berhenti sendiri.

Masalah ini saya ketengahkan Tuan Pengerusi, adalah kerana beberapa faktor yang pada hemat saya perlu ditangani bersama iaitu di mana ada belia-belia ini yang kononnya datang bekerja tetapi bekerja kadang-kadang satu minggu ada tiga hari, ada yang bertahan enam bulan. Mereka telah menjadi lepak di Kuala Lumpur, telah menjadi penagih dadah, telah menjadi penagih dan sebagainya, lepak di sana sini, boleh dikatakan telah menjadi sampah masyarakat di kota raya. Di kalangan perempuannya pula, ada yang telah menjadi pelacur. Ada yang menjadi pelacur atasan, ada yang menjadi perempuan simpanan. Perkara ini amat serius dan perlu diambil tahu oleh kementerian kerana kilang-kilang yang mengendalikan pengambilan operator kilang ini harus bertanggungjawab berhubung dengan keselamatan, dengan kebajikan dan juga berhubung dengan hala tuju pekerja kerana kontrak telah diberi dengan persetujuan daripada kementerian, Jabatan Tenaga Buruh sendiri.

Jadi, pada saya ibu bapa mereka yang berada jauh di Sabah mengharapkan anak mereka mendapat pekerjaan di sini tetapi rupa-rupanya anak mereka telah menjadi sampah masyarakat dan telah menjadi segolongan masyarakat yang hina di bawah pecutan perkembangan dalam lembah Kuala Lumpur ini.

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun tanya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan dari kawan saya dari Sabah. Sebenarnya Sabah dan Sarawak, wilayahnya begitu besar, hanya apabila kawan kita dari Semenanjung membuat peta untuk Malaysia, Semenanjung dibuatnya besar, Sabah dan Sarawak dibuatnya kecil. Jadi ini saya rasa sesuatu yang tidak begitu elok tetapi wilayahnya besar, Sabah dan Sarawak tetapi penduduk tidak begitu ramai tetapi tiap-tiap minggu, tiap-tiap bulan ada saja wakil-wakil dari syarikat-syarikat yang pergi ke Sabah dan Sarawak mencari mudamudi ataupun orang yang masih berumur muda untuk bekerja di kilang-kilang di sini. Jadi, akhirnya penduduk di Sabah dan Sarawak hanya orang tua yang masih tinggal. Bagaimana kalau kita minta kementerian ini bekerjasama dengan kementerian yang lain untuk menubuhkan industri-industri di Sabah dan Sarawak supaya orang yang masih muda ini tidak semua berhijrah ke sini hingga mengosongkan Sabah dan Sarawak.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Saya rasa ini cadangan yang paling baik. Walau bagaimanapun, had-had ada pada kementerian ini dan mereka tidak boleh memaksa pelabur-pelabur tempatan atau luar negara untuk membuka kilang di mana-mana negeri kerana bergantung kepada keupayaan kerajaan negeri itu sendiri menyediakan prasarana yang baik boleh meyakinkan pelabur-pelabur.

Itu pandangan saya, kalau boleh kita amat mengalu-alukan. Dalam masa yang sama saya meminta kementerian ini kalau boleh mengkaji pengambilan pekerja-pekerja operasi di kilang. Kalau belum dapat diselesaikan, diberhentikan kerana kalau ini berlaku maka kota raya Kuala Lumpur akan dipenuhi oleh belia-belia yang datang

daripada kampung yang telah menjadi masyarakat yang rasa saya sudah tidak berguna, sukar dipulihkan.

Kalau kementerian ingin tahu, saya boleh membawa kementerian ke tempat-tempat di mana belia-belie Sabah berlonggok. Mereka tidak mahu pulang kerana mereka telah leka dengan apa yang mereka ada pada hari ini sedangkan mereka adalah merupakan belia yang telah menjadi mangsa disebabkan ingin berhijrah untuk mencari pekerjaan.

Perkara ini memang terlalu serius dan saya meminta kementerian dapat mengesan dan seterusnya menangani masalah ini, kenal pasti kilang-kilang pada masa akan datang, kalau sudah betul-betul tidak boleh, kita minta supaya diberhentikan pengambilan penghijrahan pekerja-pekerja daripada Sabah ini. Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Tumpat

2.59 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut sama-sama membahaskan Kementerian Sumber Manusia B.45 dan P.45 dan saya akan rujuk kepada Butiran-butiran 00200 Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur, 00500 dan seterusnya ke bawah iaitu berkaitan dengan Institut-institut Latihan dan di muka selepasnya pun berkaitan dengan Institut-institut Latihan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita maklum mengikut pakar-pakar ekonomi, mereka mengatakan bahawa masa depan ekonomi sesebuah negara itu banyak bergantung kepada dua faktor besar. Faktor pertama ialah faktor infrastruktur yang ada dalam sesebuah negara dan faktor kedua ialah faktor sumber manusia yang ada dalam sesebuah negara itu. Oleh sebab itu maka kementerian ini adalah amat penting dalam menentukan masa depan negara kita ini.

Kita pula mendapat akhir-akhir ini terutamanya lebih kerap laporan-laporan walaupun dinafikan oleh pihak Kementerian Kewangan bahawa FDI pelaburan langsung ke negara kita daripada luar adalah amat berkurangan dan saya terbaca laporan-laporan yang terakhir yang mengatakan bahawa pelaburan FDI ini sudah menjadi begitu berkurangan akhir-akhir ini kerana mengikut analisisnya ialah bahawa negara kita dari segi ekonominya terperangkap di dalam dua keadaan.

Dari sudut *old economy*, dengan izin, iaitu ekonomi pembuatan (manufacturing), Malaysia sudah dianggap sebagai tidak lagi competitive kerana kos pengeluaran kita menjadi tinggi berbanding dengan negara-negara khususnya di Timur Asia ini yang lain-lainnya seperti China, Taiwan, Thailand dan lain-lainnya, dari sudut *old economy*.

Dari sudut *new economy* yang berkaitan dengan ICT ini, kita juga dianggap sebagai tidak menarik untuk pelaburan asing kerana kekurangan-kekurangan yang tertentu berbanding dengan sekali lagi negara-negara sekitar Asia Timur ini.

Oleh sebab itu, maka berkaitan dengan Butiran 00200 dan seterusnya institut-institut latihan, pekerjaan, perkhidmatan dan berbagai-bagai institut latihan di pelbagai negeri di dalam negara kita ini, saya ingin menyeru dan menyarankan kepada pihak Kementerian Sumber Manusia supaya memikirkan sekali lagi bentuk latihan apa yang kita beri di institut-institut latihan ini.

Adakah latihan-latihan ini hanya sekadar berbentuk yang sesuai dengan *old economy*, dengan izin, latihan menggunakan jentera, mesin dan sebagainya ataupun adakah kementerian sudah mula merobah penekanan dalam sudut latihan di institut-institut latihan ini yang mula memberikan penekanan kepada kemahiran dalam bidang-bidang ICT supaya anak-anak muda kita yang dilatih di institut-institut latihan ini akan dapat menguasai bidang-bidang dalam dunia ICT yang akan menjadikan mereka ini

pekerja-pekerja, buruh-buruh yang sesuai untuk mengambil bahagian dalam dunia *new economy* yang akan sudah tentu menjadi ekonomi yang utama di masa depan ini.

Kalau ini belum lagi merupakan persediaan yang dilakukan oleh pihak kementerian, maka saya ingin menyeru dan menyaran agar dengan segera kita tukar dan pinda cara-cara dan kandungan kurikulum latihan di semua institusi ini supaya memberi keutamaan kepada latihan dalam bidang ICT.

Keduanya, berkaitan dengan institut-institut latihan ini, saya juga ingin menanya kerana biasanya latihan-latihan ini diberikan keutamaan kepada anak-anak muda tetapi memandangkan bahawa kadar kesihatan masyarakat kita meningkat yang bermakna bahawa jangka masa hidup masyarakat kita pun meningkat, yang bermakna bahawa mungkin akan menjadi bertambah ramai pesara-pesara yang umurnya melebihi 55 tahun tetapi dari sudut kesihatannya sebenarnya masih mampu untuk bekerja dan masih mampu untuk menyumbang kepada ekonomi negara. Adakah juga institut-institut latihan ini dapat memberikan latihan untuk generasi yang pesara ini supaya mereka dapat dilatih semula untuk menjadikan mereka sumber tenaga manusia yang berguna untuk negara kita.

Kemudian, saya beralih kepada perkara 20000 Kemajuan Guna Tenaga Rakyat. Saya ingin membangkitkan dua perkara di sini, pertamanya ialah penggunaan pembantu-pembantu rumah daripada negara-negara asing terutamanya Indonesia dan Filipina. Kita tahu bahawa dasar ini masih berterusan walaupun makin hari makin diketatkan supaya seboleh-bolehnya kurang kita bawa pembantu-pembantu rumah daripada negara-negara asing dan ini saya fikir satu dasar yang perlu disokong.

Saya ingin bertanya di dalam kita mengurangkan pembawaan masuk pekerja-pekerja, pembantu-pembantu rumah asing ini, adakah kita di masa yang sama memberikan garis panduan, latihan, penerangan kepada ibu-ibu, suri rumah tangga ataupun wanita-wanita yang berkeluarga, ada anak tetapi bekerja di masa yang sama, pertamanya memberi latihan dan penerangan kepada mereka bagaimana boleh menguruskan rumah tangga tanpa pembantu asing ataupun kalau mempunyai beberapa orang pembantu asing dengan pembantu rumah yang berkurangan.

Latihan ini penting supaya masyarakat Malaysia mampu menyara hidup dan berkeluarga dan mempunyai anak-anak yang sihat dan sebagainya tanpa perlu kepada pembantu-pembantu rumah asing yang mungkin tidak dapat memberikan kebudayaan yang baik dan sesuai untuk masa depan masyarakat kita.

Keduanya ialah berkaitan dengan masalah yang ada dalam negara-negara lain. Saya secara khusus merujuk kepada wujudnya masalah buruh kanak-kanak di masyarakat lain, dalam negara lain. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada pengawasan berterusan dilakukan supaya memastikan bahawa anak-anak muda kita tidak terlibat dan tidak disalahgunakan oleh majikan-majikan yang menggunakan mereka, mengeksploitasi mereka sebagai buruh kanak-kanak. Kalau ada, saya pohon supaya tindakan berterusan diambil untuk mengawasi perkara ini.

Perkara yang ketiga yang ingin saya bangkitkan ialah Butiran 030100 Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Saya amat bimbang, akhir-akhir ini mungkin kerana tekanan politik, mungkin kerana ada laporan yang kerap kali diwujudkan dalam akhbar-akhbar berkaitan misalnya dengan kononnya guru-guru yang menghasut pelajar dalam bidang politik dan sebagainya, reaksi daripada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja seperti Encik Siva Subramaniam ataupun pemimpin CUEPACS dan Kesatuan Guru ini yang cenderung untuk menjawab kenyataan-kenyataan dan laporan-laporan ini dengan menyatakan bahawa ya, kami menyokong supaya tindakan diambil terhadap guru-guru yang bersikap begini.

Saya ingin menyeru kepada pihak kementerian supaya melatih pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja ini bahawa peranan dan tugas mereka walau apa sekalipun yang berlaku sebagai pemimpin Kesatuan Sekerja ialah untuk seolah-olah berlagak sebagai peguam kepada ahli-ahli Kesatuan Sekerja. Mereka tidak seharusnya begitu

cepat memberi reaksi, menyokong apa sahaja kononnya yang dilaporkan dalam akhbar dan dengan itu seolah-olah membiarkan ahli-ahli kesatuan ini dihukum dengan sewenang-wenangnya atas tuduhan yang mungkin tidak mempunyai asas yang kukuh itu.

Yang kita perlukan ialah pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang mengutamakan, yang mempertahankan atau memahami keadaan di sesuatu tempat kerja, di sekolah ataupun kementerian ataupun suasana am dalam masyarakat kita ini yang mungkin menimbulkan keadaan-keadaan yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar itu.

Keduanya saya ingin bertanya berkaitan dengan apa yang agak kuat dibangkitkan akhir-akhir ini berkaitan dengan pekerja iaitu Skim Anuiti KWSP. Saya baca dalam akhbar-akhbar KWSP membeli iklan-iklan satu muka penuh menjelaskan berkaitan dengan Skim Anuiti KWSP ini. Apa yang saya faham ialah ada kalangan pekerja yang agak bimbang bahawa sebelum ini jika berlaku apa-apa kemalangan atau kematian di masa kerja, mereka diberikan secara automatik ganjaran berjumlah RM30,000 oleh pihak KWSP tetapi di bawah Skim Anuiti ini, saya difahamkan bahawa syarat-syarat dan ganjaran-ganjaran itu dipinda dengan agak besar jumlahnya daripada RM30,000 turun hanya kepada RM2,000.

Oleh kerana KWSP sebagai tugas, tanggungjawab dan untuk menjayakan skim mereka, membeli iklan-iklan penuh muka dalam akhbar-akhbar ini, saya ingin menyarankan pihak Kementerian Sumber Manusia sebagai mewakili masyarakat pekerja seharusnya juga memberikan penerangan-penerangan ataupun memberikan penjelasan-penjelasan ataupun memperjuangkan kepentingan pekerja dalam bidang ini, seperti syarikat-syarikat awam apabila berlaku sesuatu cadangan pengambilalihan syarikat besar awam oleh sebuah syarikat awam yang satu lagi, ada laporan yang dikeluarkan oleh syarikat yang ingin mengambil alih syarikat yang lain tetapi ada pula syarikat itu terpaksa juga mengikut peraturannya mengupah suatu badan profesional, badan akauntan untuk memberi apa yang dipanggil laporan untuk pemegang saham minoriti supaya semua pihak akan diberikan penjelasan yang jelas tentang kedudukan mereka dalam apa-apa cadangan terutama sekali cadangan yang besar seperti ini.

Jadi kalau pihak KWSP membeli iklan satu muka untuk menjelaskan betapa skim mereka itu baik untuk pekerja, mungkin pihak Kementerian Sumber Manusia perlu pula membeli satu muka iklan, kalau itu terpaksa dilakukan, untuk menjelaskan pula dari sudut pandangan Kementerian Sumber Manusia ini implikasinya kepada pekerja-pekerja dan dengan itu memberi nasihat yang sesuai supaya tidak sesiapa pun teraniaya dalam suasana sekarang ini dan oleh itu tidak wujud perasaan bahawa mereka dieksplotasi oleh KWSP kerana KWSP menggunakan wangnya untuk tujuan menabung dan membantu syarikat-syarikat kroni dan sebagainya.

Ini kita tidak mahu berlaku dan dengan penjelasan yang mungkin dapat diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia dapat menyejukkan seperti sejujnya Dewan kita pada hari ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Larut.

3.10 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut): Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Sumber Manusia B.45 di bawah Butiran 20000, 050000 dan 040000.

Pertama sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan SOCSO ataupun PERKESO. Pertama sekali saya mengalu-alukanlah langkah kerajaan untuk mempercepatkan proses kelulusan permohonan dalam masa dua hari. Begitu pun, saya masih ragu-ragu apakah ini dapat dilaksanakan oleh pihak kementerian. Sistem yang akan digunakan adakah sama dengan apa yang digunakan oleh EPF dalam memproses permohonan yang diumumkan oleh pihak Kementerian Kewangan baru-baru ini.

Cuma dalam hubungan SOCSO saya ingin menyentuh berhubung dengan tindakan pihak kementerian tentang faedah-faedah SOSCO kepada badan-badan sukan, kerana masih banyak lagi badan-badan sukan sama ada bertaraf pro ataupun semi-pro yang tidak memahami kaedah berhubung dengan kebajikan PERKESO ini. Kerana kalau ianya dapat diperjelaskan dengan sedalam-dalamnya, saya rasa kebimbangan terhadap masa depan atlet akan terjamin. Sebagai contoh, sesetengah di kalangan anggota-anggota badan sukan merasakan kalau mereka mengalami kecederaan, kemalangan seolah-olah mereka tidak ada satu jaminan masa depan sedangkan setiap mereka yang mencarum dengan SOCSO mereka terlindung dengan bayaran pampasan yang dibuat. Ini saya ingin menyatakan kerana pengalaman saya sewaktu mengendalikan pasukan bola sepak. Ini kerana pemain-pemain yang telah menandatangani kontrak tetapi mereka mengalami kecederaan mereka yang mencarum dengan SOCSO akhirnya mereka mendapat satu jaminan masa depan dan bayarannya begitu baik sekali.

Jadi saya berharaplah pihak kementerian supaya perkara ini dapat diperhebahkan supaya lebih ramai lagi yang akan mendapat nikmat daripada pencaruman dalam SOCSO ini. Walaupun tadi di sebelah pagi Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pihak SOCSO mungkin menghadapi masalah untuk membuat penjelasan bayaran ke atas pencarum-pencarum SOCSO di masa yang akan datang.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan ibu-ibu tunggal. Tuan Pengerusi, saya juga menerima aduan ada di kalangan ibu-ibu tunggal yang muda bimbang untuk mendirikan rumah tangga. Ini pernah saya bawa dalam Mesyuarat Dewan Rakyat yang dahulu. Kerana mereka bimbang bayaran pampasan saguhati, ganti rugi oleh pihak SOCSO mungkin tidak diteruskan sekiranya ada di kalangan wanita yang mendapat faedah manfaat daripada bayaran SOCSO setelah suaminya meninggal, tetapi bimbang kalau mereka berkahwin mereka mungkin tidak akan dapat lagi keistimewaan daripada bayaran SOCSO itu. Jadi, saya minta supaya pihak kementerian kalau boleh diadakan satu kelonggaran untuk faedah yang dinikmati oleh ibu-ibu tunggal ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan tenaga pekerja mahir. Apabila kerajaan pada hari ini ingin melaksanakan dasar k-ekonomi kerana kita tahu kita masih ketinggalan dalam kepakaran tenaga pekerja jika dibandingkan dengan negara seperti India dan China. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian berhubung dalam masalah ini. Mungkin pihak kementerian boleh menggembelngkan lagi tenaga dengan institusi awam dan swasta supaya dapat menjayakan latihan yang lebih praktikal ke atas melahirkan tenaga-tenaga yang benar-benar mahir untuk kita melaksanakan program tersebut.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kebajikan pekerja yang mencarum termasuk berhubung dengan EPF. Saya berharap kepada pihak kementerian dapat menjalankan siasatan ke atas mana-mana syarikat pengurusan yang mana pekerja telah membuat pencaruman, tetapi akhirnya mereka masih belum lagi mendapat faedah tersebut. Termasuklah saya difahamkan syarikat-syarikat media dalam negara kita ini yang mana sepatutnya syarikat-syarikat media yang menjadi ejen penyebar maklumat sepatutnya memahami tanggungjawab ke atas segala wang pencaruman yang telah dipotong daripada pekerja-pekerja mereka dan perlulah faedah tersebut dinikmati balik oleh setiap pekerja mereka.

Akhir sekali, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan undang-undang ke atas gangguan seksual. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bagaimana dengan kedudukan bagi pegawai dan kakitangan yang bertugas dengan Kementerian Sumber Manusia itu sendiri, kerana saya difahamkan ada juga timbul kes-kes di mana ia melibatkan pegawai dan kakitangan kementerian. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, apakah tindakan yang telah diambil, adakah mencukupi setakat menukar mereka ini ataupun tindakan yang lebih tegas diambil termasuk dari segi pembuangan sebagai satu kes pengajaran di masa-masa yang akan datang.

Jadi saya rasa, Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang hendak saya sampaikan, saya menyokong perbincangan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Sandakan.

3.20 ptg.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam perbincangan bagi Maksud Bekalan 45, Kementerian Sumber Manusia. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di bawah Butiran 20000 Kemajuan Guna Tenaga Rakyat, 020200 Perkhidmatan Latihan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mempromosikan latihan pekerja-pekerja, penubuhan dan pentadbiran kumpulan wang oleh perbadanan. Saya percaya dengan akta yang sedia ada, taraf kualiti ilmu dan kemahiran semua pekerja dalam pelbagai sektor perindustrian dalam negara telah ditingkatkan. Pekerja-pekerja melalui program-program latihan akan menjadi lebih efisien dan produktif dalam pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, saya memahami bahawa pekerja-pekerja yang beroperasi bukan di Semenanjung Malaysia, akan dibenarkan melatih pekerja-pekerja secara setempat. Saya mengalu-alukan keputusan kerajaan atas kelulusan mereka untuk kesenangan dan penjimatan kos majikan-majikan. Walau bagaimanapun, terdapat tiga jenis skim bantuan kewangan di mana majikan-majikan berdaftar dapat menuntut kos mereka:-

- (i) Skim Bantuan Latihan (SBL), ini adalah skim yang luas di mana majikan-majikan berdaftar dapat menghantar cadangan latihan. Satu kelebihan skim ini ialah majikan-majikan berdaftar dapat mengendalikan sebarang program tanpa kelulusan sebagai program latihan terlulus (ATP).
- (ii) Pelan Latihan Tahunan (PLT). Ini adalah pelan latihan tahunan yang dihantar sekali setiap tahun oleh majikan-majikan berdaftar kepada HRDC.
- (iii) Skim program yang diluluskan (ATP). Ini adalah program latihan rasmi yang diluluskan di mana majikan-majikan berdaftar dapat menghantar pekerja-pekerja mereka untuk menjalani latihan.

Di bawah program syarikat pengurusan sumber manusia, ia adalah bertujuan meluluskan hasil kerja pekerja-pekerja kini, dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta menanam pendirian positif. Manfaat latihan dapat meningkatkan produktiviti, menambahkan kerja tentang perubahan teknologi dan dapat memotivasi pekerja-pekerja. Akhirnya, hasil daripada itu pekerja-pekerja terlatih dapat menggunakan kemahiran, ilmu dan pengalaman dalam menolong mencapai objektif-objektif perniagaan perbadanan pertubuhan.

Tuan Pengerusi, adalah mustahak bahawa pegawai-pegawai kerajaan berkenaan hendaklah mengadakan dialog atau seminar dengan majikan-majikan berdaftar, supaya dapat membuat mereka memahami syarat-syarat Akta yang sedia ada. Selain itu, persatuan majikan-majikan juga harus proaktif dan mengelolakan dialog atau seminar dengan ahli-ahlinya, dengan bantuan pegawai-pegawai kerajaan berkenaan untuk memastikan bahawa semua ahli-ahlinya memahami sepenuhnya implikasi akta tersebut.

Di Sabah, masih ada sebahagian majikan-majikan yang masih tidak sedar atau tidak menghiraukan tentang kewajipan mereka membayar levi dan melatih pekerja-pekerja mereka di bawah Akta HRDF yang diperkenalkan pada tahun 1992. Akibatnya, mereka dibawa ke mahkamah. Memandangkan keadaan ini adalah mustahak, bahawa kerajaan seharusnya menyiarkan secara meluas dalam media cetak

dan di televisyen, untuk menyedarkan majikan-majikan tentang kewajipan mereka terhadap akta tersebut.

Pada hari ini sebahagian majikan di Sabah masih tidak berminat dalam mengasuh dan melatih sumber tenaga kerja, untuk tujuan meningkatkan produktiviti. Kempen kesedaran yang penting dan signifikan dalam aspek-aspek ini adalah perlu dalam kerajaan. Remaja setempat juga tidak bersemangat bekerja di estet dan kilang-kilang, dengan alasan gaji rendah, susah kerja dan tempat bekerja jauh dari bandar walaupun majikan menawarkan mereka perumahan percuma, air dan elektrik, perubatan dan latihan dan lain-lain. Akibatnya, semua peluang pekerjaan diambil oleh pekerja-pekerja asing dari Indonesia dan Filipina. Kerajaan negeri hendaklah proaktif dalam mengeluarkan lebih banyak pekerja-pekerja mahir antara program latihan remaja, supaya dapat mengurangkan bilangan pekerja asing yang ramai di negeri yang juga menyebabkan masalah sosial dan keselamatan di Sabah.

Seharusnya kerajaan Sabah dan pihak swasta yang lain perlu menubuhkan pusat-pusat latihan dan memberi peluang kepada remaja mengikuti kos-kos kemahiran yang telah ditawarkan untuk meningkatkan kemahiran dan taraf jawatan mereka kepada tahap yang lebih tinggi. Di samping itu juga pemenuhan pusat latihan ini akan banyak membantu mempertingkatkan ekonomi negeri Sabah. Di Sandakan Sabah, kawasan saya sektor swasta seperti Serakat Sapi Plantation dan IGM adalah menyediakan latihan-latihan kemahiran untuk pekerja dan pelajar tempatan.

Manakala di Miri Sarawak, pusat latihan ISP juga akan memberikan sijil dalam bidang pertanian kepada lebih kurang 200 orang pelajarnya yang telah tamat belajar berbanding dengan Semenanjung Malaysia yang terdapat banyak pusat-pusat latihan yang menyediakan pelbagai kos-kos kemahiran kepada remaja untuk mengambil peluang-peluang yang sedia ada. Di samping itu juga, saya rasa penubuhan pusat latihan ini akan banyak membantu meningkatkan industri dan ekonomi negeri Sabah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah hendak habis dah.

Datuk Lau Ngan Siew: Ya, ya. Sikit lagi. Tuan Pengerusi, akhirnya saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas pengenalan Akta Pembangunan Sumber Manusia 2000 yang dikemukakan di Parlimen untuk tujuan mengutip levi untuk mempromosikan dan mempergiatkan latihan pekerja-pekerja. Saya percaya dengan kelulusan Akta ini, akan memberi kesan kepada seluruh pekerja di dalam sektor perindustrian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kuala Kedah.

3.28 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh 05000 – Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan. Ada pihak kesatuan pekerja-pekerja Esso Production Malaysia Incorporated menghantar memo kepada pihak kerajaan tentang perjanjian antara kesatuan sekerja dengan majikan mereka iaitu Esso Production tentang majikan ini gagal untuk memenuhi Akta Kerja 1955 di mana, kalau kita lihat iklan dalam akhbar, mereka yang bekerja di *offshore* iaitu, di luar pantai selalunya diiklankan di situ iaitu, mereka berpeluang mendapat 7 hari cuti dan 7 hari *off* tetapi pelaksanaannya tidak berlaku sedemikian rupa.

Mereka yang bekerja di *offshore* ini yang pergi 7 hari kemudian baru balik mesti dijelaskan kepada pekerja itu hak-hak mereka dan majikan mesti menunaikan hak-hak mereka dari segi bayaran *overtime*, *double pay*, *triple pay*, elaun makan, cuti dan cuti yang berganda *accumulative off day*. sebab bila bekerja *direct* 7 hari, dan semasa 7 hari itu semua dikira waktu bekerja sama ada mereka berehat pun dikira waktu bekerja, mereka tidur sepatutnya dikira waktu bekerja kerana mereka 7 hari berada di pelantar, maka bayaran kepada mereka mesti diikuti Akta yang dipersetujui.

Di sini pihak Petronas, pekerja-pekerja Petronas mengatakan bahawa mereka agak puas hati kerana Petronas mengikut Akta yang ada tetapi pekerja-pekerja Esso membuat sedikit *complaint* dan bantahan, memorandum tentang mereka tidak dilayan seperti yang dikehendaki dalam tawaran-tawaran yang diberi kepada mereka terutama yang bekerja seperti yang saya sebut tadi, 7 hari atau 10 hari di pesisiran. Kita harap pihak kementerian dapat melihat perkara ini dan saya yakin ada memorandum itu kepada pihak kementerian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soal *in-house training*. *In-house training* ini kita nampak majikan-majikan dalam negara kita agak cuai. Kilang-kilang ataupun majikan daripada British agak mengambil berat dalam perkara ini. Sebab itulah kita lihat syarikat-syarikat ICI dan anak-anak syarikatnya. Begitulah juga syarikat-syarikat lain kepunyaan British. Selalunya mereka agak ambil berat dalam *in-house training*. Sebab itulah kita lihat pekerja biasa mereka kadang-kadang bekerja di situ sampai 20 tahun sampai ke peringkat manager.

Mereka buat *In-house training* sama ada di negeri ini atau di bawa ke England. Walaupun begitu, kelemahan-kelemahan kepada mereka itu masih lagi ada. Begitulah juga sekarang ini majikan daripada Jepun mula mengikuti langkah ini iaitu, dengan membawa pekerja-pekerja kita membuat latihan di Jepun dan balik mereka boleh menjadi bahagian pengurusan iaitu manager dan sebagainya. Tetapi majikan-majikan daripada lain daripada Taiwankah daripada manakah agak kurang memberi tumpuan dalam *in-house training*. Yang mereka beri setiap tahun misalnya mereka hanya beri bawa pekerja melancong ke Bangkok, Haadyai ke Medan dan pekerja-pekerja kita seronok. Perkara-perkara ini tidak begitu perlu. Yang lebih perlu wang itu hendaklah diperuntukkan untuk latihan pekerja itu supaya mereka dapat naik pangkat dengan kemahiran yang dilatih oleh majikan mereka sendiri terutama sekali kita lihat kilang-kilang daripada Taiwan dan lain-lain negeri agak kurang menumpukan dalam *in-house training* ini.

Ini pada pengamatan saya daripada pergaulan dengan kesatuan-kesatuan sekerja memang perkara ini perlu pihak kementerian menegur kilang-kilang atau syarikat-syarikat seperti itu.

Tuan Pengerusi, pihak kementerian juga hendaklah menggalakkan supaya majikan-majikan ini memberi syer kepada pekerja-pekerja mereka dan supaya pekerja-pekerja itu yang bekerja, mereka menganggap majikan itu ataupun kilang tempat mereka bekerja itu hak mereka. Ini banyak berlaku di Jepun. Misalnya sebahagian daripada gaji mereka dipotong untuk dimasukkan sebagai syer. Di Malaysia perkara ini agak kurang berlaku.

Kalaulah mereka anggap kilang itu sebagai hak mereka dia ada sikap *self-belonging*, maka tidak akan berlaku pembaziran dan bertukar kerja. Dua, tiga tahun kerja di kilang ini pergi ke kilang sana, tetapi kalau pekerja itu ada syer dalam kilang itu, dia akan cuba bekerja sehingga tamat tempoh iaitu sampai pencen kerana dia akan dapat manfaat dan pekerja-pekerja itu juga tidak akan menuntut gaji yang berlebihan kerana itu adalah kilangnya ataupun dia ada syer dalam *factory* itu. Ini tidak digalakkan di Malaysia sebab itu kita lihat bila satu perkara berlaku, majikan itu mudah sahaja tutup kilang, tutup syarikat mereka dan balik ke negara mereka.

Mereka yang bekerja itu tidak ada hak apa-apa melainkan di dalam bayaran gaji yang terkandung dalam undang-undang buruh itu. Kita harap pada masa yang akan datang perkara ini perlu digalakkan supaya pekerja itu terasa hak mereka kilang itu dan mereka akan bekerja sampai tamat seperti yang berlaku banyak di kilang-kilang di negeri Jepun. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Tampin.

3.35 ptg.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk sesebuah syarikat mahupun negara menjadi maju dan cemerlang terlebih dahulu syarikat atau negara tersebut haruslah bijak menguruskan tenaga kerja dan ini tidak terkecuali dengan negara ini apatah lagi bilangan penduduk negara ini yang hanya lebih kurang 22 juta orang. Oleh yang demikian disebabkan tenaga kerja yang terbatas ini, sewajarnya Kementerian Sumber Manusia berhati-hati dalam pengurusan tenaga kerja yang ada di samping untuk mengendalikan latihan-latihan yang bakal diadakan.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan sehingga pertengahan tahun 2000, mengikut laporan Jabatan Tenaga Rakyat terdapat lebih 24,000 kekosongan jawatan yang belum diisi. Di sini kalau boleh saya minta kepada pihak kementerian dapat memperincikan lagi kekosongan-kekosongan jawatan ini dan di antaranya apakah yang menyebabkan berlakunya perkara ini dan di sektor manakah kekosongan ini berlaku? Di samping itu, sekiranya terdapat sektor-sektor yang banyak kekosongan dan melibatkan tenaga yang perlu yang mempunyai kemahiran, apakah tindakan Kementerian Sumber Manusia menangani isu berkenaan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan tahun lalu 1999, kekosongan jawatan profesional adalah lebih kurang 1,800 manakala siswazah yang berdaftar tidak memiliki atau mempunyai jawatan lebih kurang 15,000 orang. Di sini saya ingin bertanya bagaimana boleh berlaku 15,000 tenaga profesional yang tidak mempunyai jawatan sedangkan kalau kita lihat pada hari ini, di negara kita kita boleh lihat ramai tenaga-tenaga kerja asing *expatriate* dengan izin, yang berada di negara ini mendapat gaji dan kemudahan-kemudahan lain yang begitu lumayan walaupun di bidang-bidang yang agak mudah seperti perhotelan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan *expatriate* yang ada dalam negara ini, saya mintalah pihak kementerian Sumber Manusia bekerjasama dengan pihak imigresen serapat yang boleh bagi pihak imigresen ini pandangan agar jangan sebarang *expatriate* yang boleh datang bekerja di negara ini. Kadang kala takkanlah pengurusan sebuah hotel atau resort hendak benarkan sampai 10 orang Mat Salleh bekerja. Macam orang kita ini sudah tidak ada kemampuan lagi. Di masa yang sama saya mengharapkan pihak Kementerian Sumber Manusia boleh bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk merancang keperluan tenaga kerja profesional untuk jangka masa yang akan datang.

Seterusnya apakah kementerian Sumber Manusia memperincikan di sektor manakah 15,000 orang graduan tanpa kerja ini dikategorikan. Di masa yang sama saya mintalah pihak kementerian jangan sekadar mengatakan graduan ini sedang dilatih semula untuk digunakan di bidang-bidang lain. Kementerian perlu ingat seseorang graduan itu telah berbelanja puluhan ribu ringgit sama ada duit sendiri atau pinjaman dari pihak-pihak tertentu untuk mendapat segulung ijazah ini tetapi kemudiannya tidak diiktiraf ataupun dihargai atau tidak dapat membantu meningkatkan taraf hidup khasnya bagi mereka yang datang daripada keluarga yang kurang berada.

Di sini saya cadangkanlah kalau boleh pihak kerajaan sekiranya masih mahu melatih semula tenaga-tenaga profesional yang tidak bekerja ini, buatlah secara latihan sambil bekerja. Berilah mereka elaun yang seimbang lebih kurang RM500 sebulan seperti suatu masa dahulu ketika keadaan ekonomi gawat pada tahun 80-an yang mana kerajaan menyediakan skim kerja sementara yang memberi gaji lebih kurang RM400 sebulan kepada graduan-graduan. Setidak-tidaknya graduan-graduan ini yang tidak bekerja tidak lagi membebankan kewangan keluarga setelah bertahun-tahun di alam persekolahan dan di pusat pendidikan tinggi.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, graduan-graduan ini pun sudah dewasa dan tidak mahu lagilah untuk membebankan keluarga mereka. Saya cadangkan latihan ini tidak perlulah terlalu panjang, memadailah setahun dan di masa ini jugalah graduan-graduan ini boleh berfikir sama ada mereka akan terus bekerja atau mereka ingin menceburkan diri dalam perniagaan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, B.45 030300 - Mahkamah Perusahaan. Suatu ketika dahulu, kita terdengar bising diperkatakan tentang kes-kes yang tertangguh dengan Mahkamah Perusahaan sehingga mencapai hampir 1,500 kes dan kemudian saya difahamkan ada usaha-usaha pihak Kementerian Sumber Manusia untuk melantik pengerusi baru dengan kerjasama JPA untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tertangguh ini, cuma pada hari ini, saya mintalah pihak Kementerian Sumber Manusia memberi penerangan bagaimanakah kedudukan kes ini dan berapakah lagi bilangan kes-kes yang tertangguh. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar.

3.40 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi dalam masa sekarang kita masih mempunyai banyak buruh-buruh asing di negara kita satu di tempat-tempat buruh kasar di mana rakyat Malaysia tidak hendak menjadi pembantu rumah.

Saya ingin membincangkan persoalan ini di bawah 010000 - Pengurusan Kementerian. Jadi oleh kerana kita melihat banyak buruh asing ini di bawah pentadbiran kementerian dan masih mendatangkan banyak masalah seumpamanya pembantu rumah tangga yang pada suatu ketika dahulu iaitu tidak berapa lama dahulu hampir mendatangkan satu masalah di antara negara kita dengan negara jiran kerana adanya pembantu rumah tangga ini di negara kita dan mendapat layanan yang tidak begitu baik. Dan bahkan sampai sekarang pun masih juga menjadi satu rungutan di pihak negara jiran bahawa banyak pembantu rumah tangga ini menjadi tekanan dan kena dera oleh pihak majikan. Jadi pada suatu ketika dahulu saya bertanya dengan pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan jabatan buruh asing. Dan saya menyarankan supaya tidak ada rancangan saya melihat masih ada keperluan ini wujud dan keperluan ini saya percaya masih berterusan melainkan pada suatu ketika nanti apabila Malaysia boleh mengisi semua kekosongan di negara ini bukan sahaja daripada segi buruh kasarnya tetapi juga sebagai pembantu rumah daripada orang Malaysia itu sendiri. Tetapi pada masa ini saya belum melihat perkara ini boleh diisi di ladang-ladang kita, di tempat pembinaan perumahan kita dan di mana-mana tempat, sebagai pembantu rumah, ini boleh diisi oleh masyarakat Malaysia.

Jadi di bawah ini juga Tuan Pengerusi saya juga ingin menyentuh berhubung dengan pembantu rumah ini. Saya melihat banyak juga anak-anak kita yang tidak menyambungkan persekolahan mereka sampai ke universiti. Bahkan ada juga yang menjadi *drop out* sampai persekolahan Tingkatan Tiga. Jadi tidak kah baik kalau anak-anak ini dibantu dari segi latihan dan sebagainya. Kita mewujudkan satu institut untuk melatih pembantu rumah. Mungkin banyak, kalau dorongan ataupun motivasi diberi dan penjelasan diberi pembantu rumah ini boleh dilantik dan institut boleh diwujudkan. Dan kita boleh mengeluarkan pembantu-pembantu rumah bukan sahaja kepada negara kita tetapi mungkin kepada negara-negara berdekatan umpamanya Singapura dan bahkan di mana-mana sahaja yang perlukan pembantu rumah. Dahulu raja Thailand pun, *Anna and The King* itu Dato' Menteri daripada England *all the way* dengan izin, terbang ke Thailand menjadi pembantu raja mengasuh anak-anak raja itu. Jadi itu *Anna and The King* menjadi begitu *glamour* dia. Jadi *multimillion dollar industry* cerita sejarah *Anna and The King* ini.

Jadi saya melihat kalau industri ini boleh dibangunkan di Malaysia walaupun sebagai satu barang yang unik ataupun benda yang pertama kali orang lain buat tetapi boleh dibuat oleh kerana kita melihat beribu-ribu buruh asing datang ke Malaysia dan mengeluarkan sumber kewangan daripada negara ini ke sumber kewangan sistem negara lain oleh kerana kita menggaji pembantu rumah kepada negara asing. Jadi kalau kita latih *drop out* daripada sekolah-sekolah kita sendiri, kita pergi ke sekolah-sekolah memberi penjelasan kepada mereka ini siapa yang tidak hendak bersekolah tidak hendak menyambungkan persekolahannya lagi mungkin kita katakan, ada satu institut yang kita boleh lantik pembantu rumah. Mereka ini lebih selesa, lebih enak lagi duduk di rumah ada televisyen mungkin kalau majikan dia kaya dia duduk dalam rumah baik

cukup dengan *air-conditioned* dan sebagainya. Keadaan kehidupan mungkin baik dan juga mungkin kita memberi latihan kepada mereka dan hak-hak mereka kita akan beritahu kepada mereka. Dalam masa yang sama kalau kita tidak berjaya pun melatih sebagai pembantu rumah mungkin mereka ini akan jadi suri rumah tangga yang mengetahui apa masalah hak-hak sebagai pembantu rumah dan mereka menjadi manusia yang boleh berpengetahuan dan sedar hak-hak orang sebagai pembantu rumah.

Jadi Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak sentuh di bawah ini. Pada masa sekarang saya percaya banyak orang yang bekerja di tempat-tempat yang tertentu daripada *pensioner* daripada jabatan kerajaan atau daripada syarikat-syarikat swasta. Bahkan kalau kita lihat bukan saya mengatakan mencontohi tetapi kita melihat di Lapangan Terbang Singapura umpamanya banyak orang tua-tua dilantik menjadi *porter*, menjadi penolak kereta, menjaga tandas, mencuci tandas dan sebagainya. Ini boleh dibuat. Maknanya *pensioners* kita di peringkat bawahan daripada askar, polis dan sebagainya boleh menjagakan lapangan terbang dan tempat-tempat yang tertentu. Jadi mereka ini Tuan Pengerusi persoalannya saya di sini adalah undang-undang. Masa sekarang undang-undang kita iaitu Civil Law Act kita mengatakan iaitu kalau orang sudah mencapai umur 55 tahun mereka ini kalau dapat cedera, luka dan sebagainya dalam pekerjaan tidak mendapat bantuan ataupun sokongan daripada undang-undang kerana undang-undang kita yang dibuat ataupun dipinda mengikut pada tahun 1992 mengikut undang-undang British, latar belakang di England mereka ada *social welfare state*. Maknanya kalau orang itu pencen daripada kerajaan ada sahaja duit keluar lebih banyak daripada gaji yang diterima.

Jadi sekarang ini undang-undang ini telah menjadi satu batasan kepada kita. Kita *copy* undang-undang daripada England tidak melihat latar belakang ekonomi dan sosial mereka. Tetapi saya bertanya dengan kementerian, adakah bercadang meminta kepada kerajaan supaya Civil Law Act ini diubah, dipinda dengan melihat semula keadaan di Malaysia ini supaya orang tua-tua ini lebih 55 tahun ini boleh bekerja dan tidak mereka mati jadi mati anjing ataupun mati kucing ataupun mati ayam dan itik dan sebagainya kerana tidak ada bantuan ataupun sokongan daripada undang-undang.

Jadi Tuan Pengerusi saya juga ingin menyentuh.... ini sebenarnya tujuan saya hendak bercakap tadi. Di hadapan kita ada undang-undang yang akan dibawa ke Parlimen ini Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2000. Saya percaya undang-undang ini akan dibawa ke Parlimen ini dan akan diluluskan di Dewan ini. Tetapi Tuan Pengerusi sebelum kita bawa undang-undang ini, adakah telah berbincang dengan kerajaan Negeri Sarawak kerana saya berbincang dengan pihak pegawai kanan Negeri Sarawak termasuk Attorney General di Negeri Sarawak berhubung dengan undang-undang ini. Mereka mengatakan tidak senang hati sedikit oleh kerana soal levi kata dia. Sarawak mempunyai agenda-agenda pembangunan sumber manusia yang bersendirian atas keperluan Sarawak itu sendiri....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bincang pada masa rang undang-undang dibentangkan Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Elok bincang semasa rang undang-undang itu dibentangkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak Tuan Pengerusi, saya bukan rang undang-undang ini saya hendak bincang Tuan Pengerusi. Saya akan bincang rang undang-undang secara bertanya dengan kementerian sama ada boleh atau tidak undang-undang ini ditarik balik dahulu dan berbincang dengan pihak Sarawak dahulu dan apakah masalah Negeri Sarawak yang mengatakan undang-undang ini akan mendatangkan masalah. Kalau undang-undang ini dibawa ke Dewan Tuan Pengerusi saya berani seratus peratus undang-undang ini akan diteruskan berlandaskan apa yang ada di dalam ini. Kalau Undang-undang Akauntan dahulu boleh ditarik balik buat sementara supaya pihak kerajaan dan pihak akauntan boleh berbincang, saya tidak

melihat kenapa undang-undang tidak boleh ditarik balik buat sementara sampai bulan April umpamanya melihat dahulu apa kerajaan Sarawak mahu.

Ini kerana kita melihat juga Tuan Pengerusi kalau kita lihat di sini dalam institut pengajian tinggi ataupun ADEC (Pusat Latihan Kemahiran Teknologi Tinggi) hanya berada di Johor, Melaka, Kedah dan juga di Selangor dan tidak ada dibina di Sarawak. Berkemungkinan oleh kerana orang Sarawak hendak membina ADEC nya sendiri ataupun institut teknologi tinggi mereka sendiri dan kalau soal levi ini di *centralized* dan mereka tidak dapat menggunakan persoalan levi ini di Sarawak untuk itu nanti mungkin cadangan mereka hendak mengadakan institut kemahiran tinggi ini akan terbengkalai ataupun menemui jalan buntu.

Itulah sebabnya saya bukan hendak membincangkan rang undang-undang ini tetapi hendak meminta kepada kementerian sama ada boleh menarik dahulu rang undang-undang ini sampai ke bulan April, supaya kita boleh berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan bertanya mereka untuk penjelasan yang lanjut.

Jadi Tuan Pengerusi persoalan-persoalan lain tidak perlu saya sebutkan lagi tetapi saya mengulang apa yang saya sebut tadi iaitu persoalan secara serius ingin meminta supaya institut untuk pembantu rumah boleh ditubuhkan untuk melatih anak-anak yang *drop out*, banyak Tuan Pengerusi di seluruh negara ini, budak-budak yang lepas sekolah tidak mahu sambung sekolah atas sebab yang tertentu. Selepas itu bila dia melihat cara melepak dan merayau ke sana-sini tidak mendatangkan hasil mereka hendak bekerja tetapi pada ketika itu mereka telah terlambat. Tetapi kalau ini ada diwujudkan dengan sendirinya alternatif kepada mereka akan diwujudkan oleh kita. Mereka ini boleh menjadi pembantu rumah yang baik, sempurna dan terlatih kerana masyarakat kita pada masa sekarang Tuan Pengerusi ialah kebanyakan suami isteri pergi bekerja mendapat gaji yang besar dan lumayan mereka boleh menggaji tetapi orang gaji yang diambil di rumah ini, jadilah ibu bapa kepada anak mereka. Tetapi kalau orang gaji ini tidak dilatih tidak mengetahui cara makan yang sihat, cara mendidik yang sempurna, inilah contoh yang dituruti atau diikuti sebagai panduan kepada anak-anak ini bila membesar nanti bukan ibu bapa dia. Walaupun sempurna sekali ibu bapa dia, kalau contoh yang diterima daripada pendidik di rumah ini, pembantu rumah ini yang tidak sempurna ini itulah acuan yang diturut. Itulah semangat mengapa saya menyarankan supaya institut ini difikirkan dengan semasak-masaknya, sama ada patut ataupun tidak dibuat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dan jabatan pekerjaan buruh asing tadi kalau boleh difikirkan oleh kerana kita akan menjadi tuan rumah kepada buruh asing ini dengan seberapa masa yang lebih panjang daripada apa yang kita percaya pada masa ini.

Tuan Pengerusi dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh.

3.51 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030300 - Arbitrasi (Mahkamah Perusahaan), Butiran 030200 - Penderitaan dan Butiran 050100 - Pentadbiran Undang-undang dan Standard Perburuhan Semenanjung Malaysia.

Walaupun hal ehwal pekerja asing terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri tetapi suasana kerja dan kebajikan pekerja asing adalah terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia. Jadi adalah penting bagi Kementerian Sumber Manusia untuk mengambil perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh pekerja asing. Masalah pertama pemecatan pekerja asing. Memanglah senang bagi seseorang majikan untuk memecat pekerja asing. Majikan hanya perlu membuat satu

laporan polis mengenai seseorang pekerja asing telah melarikan diri selepas itu Jabatan Imigresen pun akan masukkan rekod bahawa seseorang pekerja asing itu adalah merupakan pendatang haram. Di kebanyakan kes majikan menahan pasport pekerja asing sehingga pekerja asing yang dipecat itu terpaksa menghadapi pembatalan permit kerja yang mana akan mengakibatkan dia tiada tempat perlindungan dan tidak dapat mencari rezeki pada akhirnya. Memanglah susah bagi seseorang pekerja asing untuk membuat aduan kepada Pejabat Buruh kerana pegawai selalu mengehendaki pekerja asing berkenaan menunjukkan pasport semasa mengisi borang aduannya untuk menunjukkan bahawa dia mempunyai permit kerja yang sah semasa membuat aduannya.

Bagi pekerja rumah pula adalah sedih bahawa Jabatan Buruh hanya mengendalikan masalah berkenaan dengan gaji yang tidak dibayar kerana mereka tidak dilindungi oleh Akta Kerja.

Masalah kedua adalah masalah pemegangan pasport oleh majikan. Mengikut Tenaganita iaitu sebuah NGO yang mengendalikan isu pekerja asing, kebanyakan pekerja asing terpaksa memberi bayaran kepada majikan mereka untuk pembaharuan permit kerja. Kalau tidak majikan akan memegang pasport mereka dan tidak memperbaharui permit kerja mereka. Kadang-kadang seseorang pekerja asing menyedari bahawa permit kerja mereka tidak dibaharui selepas beberapa tahun kemudian. Pada tahap itu majikan yang menahan pasport mereka sama ada mengendahkan perkara ini ataupun menghalau mereka daripada tempat kerja. Pekerja asing tersebut tidak mendapat apa-apa pampasan kerana beliau sekarang tidak mempunyai dokumen yang sah dan menghadapi risiko ditangkap, ditahan dan dihalau keluar dari negara ini kerana pasport mereka masih berada di tangan majikan mereka.

Masalah pasport ditahan oleh majikan juga menyebabkan seseorang pekerja asing yang teraniaya tidak dapat membuat laporan polis terhadap majikan yang menganiayainya kerana bila dia pergi ke balai polis, dia akan diminta menunjukkan sama ada pasport atau permit kerja. Dia akan ditahan oleh polis sekiranya dia gagal menunjukkan apa-apa dokumen tersebut. Selain daripada itu, pihak polis, pejabat buruh dan imigresen selalu mempercayai kata-kata majikan dan bukannya pekerja asing.

Masalah ketiga jaminan bank. Mengikut Tenaganita, majikan selalu mengambil RM500 sebagai jaminan bank daripada pekerja asing dan menyatakan bahawa majikan harus membayar kepada Jabatan Imigresen dan akan memulangkan wang itu kepada mereka sebelum mereka pulang ke negara asal mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan majikan tidak memulangkan RM500 kepada mereka. Selain itu kebanyakan majikan tidak memulangkan syarat yang termaktub dalam perjanjian dengan pekerja asing sehingga pekerja asing terpaksa membayar tiket kapal terbang untuk pulang ke tanah air mereka.

Masalah keempat – pendamaian di jabatan ataupun Mahkamah Buruh. Dari segi permintaan pampasan pula, apabila seseorang pekerja asing menfail kes mereka ke Jabatan Buruh ataupun mahkamah, pekerja asing selalu menghadapi masalah untuk mendapat surat daripada Jabatan Buruh dan mahkamah untuk mengeluarkan pas khas kepadanya supaya dia boleh duduk di Malaysia semasa perbicaraannya dijalankan. Selain itu, seseorang pekerja asing tidak dibenarkan bekerja semasa menunggu penghakiman mahkamah terhadap kes mereka. Sesuatu kes, kadang-kadang boleh berlangsung selama dua atau tiga tahun.

Macam mana seseorang pekerja asing dapat menyara dirinya semasa menunggu keputusan mahkamah. Tambahan pula, dia terpaksa membayar RM20 kepada Jabatan Imigresen setiap bulan untuk mendapat pas khasnya. Macam manakah seseorang pekerja asing mampu membayar wang tersebut? Selain itu, selepas seseorang pekerja asing menang dalam kesnya di mahkamah, dia selalu dipaksa untuk meninggalkan Malaysia dan tidak dibenarkan untuk mencari majikan yang baru dan meneruskan kerjanya di Malaysia. Ini memanglah tidak adil bagi pekerja asing kerana kemenangan dalam kesnya di mahkamah menunjukkan dia bukannya orang yang

bersalah. Selain itu, seseorang pekerja asing mendapat janji daripada majikannya bahawa dia boleh bekerja selama lima tahun di Malaysia.

Dari segi perbicaraan pula, seseorang pekerja asing terpaksa menunggu lama dan kadang-kadang selama enam bulan untuk mendapat keputusan mahkamah. Tempoh ini sepatutnya dipendekkan kerana ia merupakan tempoh yang merisaukan pekerja asing berkenaan. Saya berharap Kementerian Sumber Manusia akan mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah dan kepahitan yang dihadapi oleh pekerja asing tersebut kerana para buruh asing memang telah pun menyumbang kepada pembangunan negara dan mereka sepatutnya diberi layanan sebagai manusia yang bermaruah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau.

3.57 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Kementerian Sumber Manusia iaitu perkara B.45.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa pembangunan di negara kita bergantung kepada sejauh mana kemampuan rakyat di negara kita untuk mengeluarkan produktiviti diri masing-masing. Kita bersyukur kerana negara kita telah pun mengamalkan dasar untuk memberi pendidikan kepada semua pihak dan dengan dasar itu kita dapati ramai di antara rakyat di negara kita, sama ada lelaki dan wanita bekerja.

Tuan Pengerusi, untuk tujuan itu, saya ingin menyentuh perkara 010200 iaitu mengenai Pembantu Rumah. Pembantu rumah adalah merupakan individu yang amat penting. Walaupun dia tidak berada di hadapan masyarakat, tetapi dia adalah merupakan kumpulan di belakang masyarakat yang menentukan kejayaan sesebuah masyarakat. Kita dapati di negara kita, perhatian tidak begitu diberikan dengan serius kepada pembantu-pembantu rumah. Tugas pembantu rumah ini tidak dianggap sebagai tugas yang profesional. Pada hal, seorang pembantu rumah, dia perlu mempunyai pengetahuan bagaimana untuk menguruskan rumah tangga, bagaimana untuk menjaga makan minum sesebuah keluarga dan lebih-lebih lagi yang lebih penting ialah bagaimana untuk membesarkan anak-anak dalam sesebuah keluarga.

Kita tahu bahawa pembesaran anak-anak bukan sahaja bermula daripada mereka pergi ke sekolah tetapi ia bermula daripada janin lagi. Begitu juga dalam masa tumbesaran mereka sebagai bayi dan kanak-kanak di peringkat yang begitu awal akan mempengaruhi bagaimana sikap dan tindakan mereka apabila mereka menjadi dewasa. Oleh itu apa yang saya sebutkan tadi, soal pembantu rumah adalah soal yang amat penting. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi supaya pihak kerajaan memberikan perhatian kepada usaha-usaha untuk kita mempertingkatkan dan mewujudkan pembantu rumah yang boleh benar-benar memberikan sumbangan tenaga mereka dan benar-benar dapat membantu tuan-tuan keluarga yang mengambil mereka sebagai pekerja pembantu rumah.

Tuan Pengerusi, saya juga amat bersetuju dengan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi, supaya kerajaan. ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ..mewujudkan ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Shah Alam berdiri. Hendak beri jalan?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta saya habiskan dulu ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia bercakap lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:.....mewujudkan sebuah institusi latihan bagi pembantu rumah. Kita dapati di negara kita, kita telah menyediakan beberapa buah institut latihan kemahiran untuk perindustrian bagi mereka yang dapat menyumbangkan tenaga untuk meningkatkan pengeluaran negara dalam bidang industri tetapi kita harus ingat mereka yang bekerja di bidang industri ini mempunyai keluarga mereka di mana kalau mereka dapat mengeluarkan produktiviti bagi sesebuah industri, tetapi apa hal dengan keluarga dan anak-anak mereka di rumah.

Ini adalah merupakan satu asas keperluan kepada keluarga. Sebenarnya suatu masa dahulu apabila Yang Berhormat Datin Paduka Rahmah Osman pernah memegang jawatan Menteri Kabinet, cadangan ini pernah dikemukakan dan pernah diusahakan tetapi ia tenggelam oleh pembangunan zaman dan juga tidak ada perhatian daripada pihak kerajaan. Hari ini saya menyokong pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar tadi, supaya pihak kerajaan memberikan perhatian yang serius untuk kita melatih anak-anak kita dan anak-anak Malaysia untuk mereka mengisi jawatan sebagai pembantu rumah dan kita anggap jawatan pembantu rumah ini adalah sebagai jawatan profesional ataupun jawatan yang diberikan pengiktirafan sewajarnya oleh kerajaan dan juga oleh masyarakat.

Tuan Pengerusi, pembangunan sahsiah kanak-kanak adalah amat penting. Kita tidak mahu kita menjadi sebagai satu bangsa Malaysia yang berjaya hari ini tetapi kita menjadi rakyat Malaysia yang gagal pada masa yang akan datang kerana pendidikan anak-anak hari ini tidak kita berikan perhatian sewajarnya dan ramai anak kita, kita serahkan ke tangan pembantu-pembantu rumah daripada negara jiran. Kita tahu nilai hidup, cara pemikiran dan juga budaya mereka adalah berbeza daripada budaya kita. Saya mempunyai kebimbangan di sini di mana kita bimbang anak-anak yang dibesarkan nanti, mereka menjadi manusia yang tumbesar fizikalnya dapat kita lihat tetapi dari segi rohani dan jasmannya terbiar begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, di bawah kementerian ini, kita juga difahamkan bahawa ada peraturan yang telah pun dibuat oleh kementerian supaya pihak-pihak swasta mengadakan *nursery* di kilang-kilang dan juga di jabatan-jabatan kerajaan. Tetapi nampaknya, usaha-usaha ini tidak mendatangkan hasil yang begitu menggalakkan.

Sehingga hari ini di kalangan wanita-wanita yang bekerja, yang mempunyai anak-anak, jika mereka berkumpul sesama mereka, sering kali membincangkan masalah-masalah di mana mereka hendak menghantar anak-anak mereka untuk dijaga. Ini tidak melihat kepada konsep bagaimana pembesaran anak-anak itu sendiri. Cuma melihat keselamatan dan juga melihat kepada faktor, adakah mana-mana pihak yang dapat melihat anak-anak. Tidak melihat kepada usaha-usaha bagaimana psikologi, pendidikan dan juga penerapan budaya-budaya yang baik ini dapat diterapkan kepada anak-anak.

Jadi, dalam soal ini, kita melihat bahawa kita amat jauh ketinggalan ke belakang dan saya berharap kepada Kementerian Sumber Manusia untuk meneliti dan juga mengkaji serta menganalisa apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan, di mana usaha-usaha untuk mewujudkan *nursery* di kilang-kilang ini belum lagi dapat dilihat realitinya, walaupun ada insentif-insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan.

Saya sedar bahawa untuk mewujudkan *nursery*, satu-satu pihak itu terpaksa memohon kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mendapatkan lesen. Saya pernah diberitahu oleh mereka yang ingin mengusahakan *nursery* ini untuk mendapatkan lesen sahaja, mengambil masa yang begitu panjang. Saya tidak tahulah sama ada pihak kementerian tidak dapat memproses permohonan ini atau ada halangan-halangan yang tertentu kerana untuk mewujudkan *nursery*, sudah tentulah tempat di mana kanak-kanak ini akan dijaga oleh pihak-pihak yang ingin mewujudkan *nursery* perlu dilihat dari segi kesesuaian tempat dan

keselamatannya perlu mendapat kelulusan daripada bomba, Jabatan Kesihatan dan sebagainya.

Saya dimaklumkan bahawa dalam usaha-usaha mereka untuk mewujudkan *nursery* ini, jabatan-jabatan yang terlibat juga tidak meletakkan perkara ini sebagai satu *priority* kepada pihak-pihak yang perlu memberikan kelulusan. Jadi, dengan sebab itu, banyak halangan yang didapati dan saya juga percaya, kesungguhan tidak ada di semua pihak untuk mewujudkan *nursery* ini.

Oleh yang demikian, sebagaimana yang dicadangkan tadi, supaya kita mengadakan pusat latihan untuk melatih pembantu-pembantu rumah, di samping pusat latihan ini juga dapat mengeluarkan mereka yang mempunyai pendidikan dari segi membangunkan kanak-kanak, menjaga institusi keluarga, menjaga makan minum keluarga, tahu mengenai soal-soal *balance diet* dan sebagainya, supaya mereka ini juga dapat digunakan sebagai tenaga kerja di *nurseries* yang saya sebutkan tadi. Saya amat mengharapkan supaya soal penjagaan kanak-kanak ini dapat diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah perkara 20000 – Kemajuan Guna Tenaga Rakyat. Mereka yang memberikan sumbangan kepada pembangunan negara, sebahagian besarnya mereka bekerja dengan industri di bawah kementerian ini. Apabila mereka bekerja dengan industri, kita tahu bahawa keperluan tenaga mereka di industri memang begitu mendesak. Ada sesetengah mereka yang bekerja di industri ini terpaksa bekerja daripada pagi sampai ke petang. Ramai juga yang mengambil *overtime*. Kadang-kadang berjumpa dengan anak-anak dan keluarga cuma dalam masa yang begitu singkat.

Sebagai rakyat Malaysia, kita menghargai produktiviti yang mereka keluarkan untuk negara dan kita harus menghormati mereka sebagai rakyat yang memberikan sumbangan kepada negara. Dalam keadaan sedemikian, kadang-kadang kita melupakan golongan ini di mana kita melihat mereka sebagai individu yang mengeluarkan tenaga untuk menghasilkan pembangunan dalam negara kita sehingga mereka ditinggalkan dalam soal-soal lain. Misalnya, dari segi ketatanegaraan di negara kita, mereka terpinggir dari apa yang sebenarnya berlaku dalam negara kita. Apa dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan? Apa pembangunan yang dibuat oleh kerajaan? Kerana sepanjang masa, mereka berada di tempat mereka bertugas.

Saya pernah mengadakan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menganjurkan kursus-kursus motivasi kepada pekerja-pekerja kilang dengan kerjasama daripada pegawai-pegawai perhubungan awam industri-industri. Pegawai-pegawai perhubungan awam industri-industri yang terlibat menyatakan rasa syukur dan berterima kasih kepada MPKSM di mana kami menganjurkan program-program bersama-sama dengan pihak swasta di mana bukan sahaja dari segi pembangunan sahsiah ataupun dari segi meningkatkan produktiviti individu, kita tekankan tetapi kita membawa mereka sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat, mengetahui kemajuan dan juga pembangunan dalam negara kita supaya mereka benar-benar dapat menghayati pencapaian di negara kita, supaya mereka benar-benar dapat merasakan bahawa mereka bersama-sama dengan pembangunan dalam negara kita.

Saya merasakan ini amat penting kepada pihak kementerian kerana kita bimbang, Tuan Pengerusi, kita baru sahaja balik dari Lunas. Saya sebenarnya amat merasakan kebimbangan saya dengan apa yang berlaku di Lunas. Orang yang mengundi di Lunas bukan sahaja masyarakat biasa, masyarakat industri pun mengundi juga. Yang saya bimbang ialah keadaan yang tidak terkawal. Tuan Pengerusi, di Lunas, dua hari kita di sana, malam kita hendak mengundi sampai esoknya, Lunas bukan dikawal oleh polis dan bukan dikawal oleh orang-orang yang diamanahkan oleh kerajaan tetapi rakyat menjadi hakimlah agaknya. Mereka yang begitu ganas sikapnya, di luar daripada apa yang saya jangkakan.

Saya melihat manusia-manusia yang amat ganas yang dari segi *body language*, dengan izin, dan juga dari segi pendekatan mereka, menunjukkan mereka sanggup buat apa sahaja seolah-olah mereka merasakan bahawa negara kita dalam keadaan yang begitu perlu...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...diselamatkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, maklumat-maklumat yang kemungkinan mereka ini bertindak sedemikian kerana mereka merasakan bahawa negara kita akan menuju kepada kehancuran. Keadaan sekarang ini amat membingungkan sehingga sikap mereka itu di luar dugaan.

Jadi, saya bimbang, kumpulan industri yang sentiasa kita abaikan ini, mereka tidak bersama-sama dengan kita, tidak tahu pembangunan yang dibuat oleh kerajaan, akhirnya, apabila mereka dipengaruhi oleh mana-mana pihak, mereka akan hilang pertimbangan. Oleh yang demikian...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:...saya berharap kepada Kementerian Sumber Manusia supaya soal-soal kehidupan pekerja-pekerja ini yang seharusnya mereka juga dianggap sebagai anggota masyarakat Malaysia supaya mereka tidak ketinggalan dengan pembangunan dan juga dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan harus dimaklumkan dan disampaikan kepada mereka melalui pegawai-pegawai perhubungan awam syarikat masing-masing.

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Gelang Patah dahulu.

4.10 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Maksud B.45 dalam perkara Kemajuan Guna Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi, pihak kerajaan pada masa kini dalam era globalisasi kita patut menyediakan lebih banyak peluang untuk berkursus serta melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi kepada kakitangan-kakitangan kerajaan. Terdapat dua sebab utama pihak kerajaan harus berbuat demikian tanpa lengah.

Sebab pertama ialah pentadoiran ala kerajaan elektronik menuntut kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta cara pengurusan yang cekap daripada para kakitangan kerajaan.

Sebab yang kedua ialah pihak kerajaan juga mempunyai tanggungjawab moral untuk menyediakan kakitangannya menceburi sektor swasta memandangkan ala kerajaan tidak memerlukan bilangan kakitangan yang seramai masa sekarang. Apabila semakin banyak urusan kerajaan dilakukan melalui komputer kita boleh jangkakan ramai kerani serta pegawai di peringkat bawahan tidak lagi diperlukan. Kerajaan harus mencari jalan yang sesuai untuk mengurangkan bilangan kakitangan secara beransur-ansur dan membantu mereka yang terlibat melengkapkan diri sebelum bekerja dalam sektor swasta. Dalam sektor swasta saya harap pihak Kementerian Sumber Manusia dapat memberikan cadangan kepada pihak kerajaan supaya insentif diberikan kepada pihak swasta untuk usaha pembangunan sumber manusia secara berterusan.

Tuan Pengerusi, dalam Belanjawan tahun 2001, pihak kerajaan berusaha untuk menarik kepulauan ramai rakyat Malaysia yang berkemahiran, yang sedang bekerja di negara asing seperti ramai kerja di Silicon Valley di Amerika Syarikat supaya mereka balik ke negara kita untuk berkhidmat. Apakah kemahiran atau kepakaran yang dianggap kepakaran yang diperlukan? Saya harap pihak Kementerian Sumber Manusia dapat menerangkan. Salah satu sebab ramai rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran memilih untuk bekerja di negara asing adalah ijazah mereka tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Ini termasuklah mereka yang memiliki kepakaran yang memang diperlukan, misalnya kepakaran perubatan dan kepakaran teknologi maklumat. Justeru itu, ketika menentukan kepakaran yang diperlukan saya berharap pihak Kementerian Sumber Manusia dapat mengambil pendekatan yang liberal agar rakyat Malaysia yang bijak pandai tidak dipaksa untuk berkhidmat di bumi orang lain.

Tuan Pengerusi, pihak sektor swasta pula pun boleh membantu ajak pakar-pakar rakyat Malaysia pulang dengan tawaran gaji dan ganjaran setanding dengan yang mereka perolehi di luar negara dan bersama-sama dengan pihak kerajaan menyediakan pusat dan peluang penyelidikan bertaraf dunia untuk memanfaatkan kepakaran serta pengetahuan pakar-pakar yang akan pulang ke negara kita untuk berkhidmat.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 1 040000 - Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Kita sedia maklum bahawa pada masa kini tekanan kerja sangat berat. Oleh yang demikian, selain daripada pembangunan sumber manusia, syarikat-syarikat swasta juga patut digalakkan untuk mewujudkan sistem pengurusan sumber manusia yang cekap. Belanjawan kali ini telah membangkitkan isu rawatan untuk pesakit jiwa serta peruntukan untuk membina Hospital Psikiatri. Dalam era ekonomi kita boleh jangkakan semakin ramai pekerja akan menghadapi tekanan jiwa berikutan masalah kerja yang semakin kompleks dan mencabar.

Tekanan jiwa mempunyai beberapa tahap. Syarikat-syarikat swasta sebenarnya boleh mengupah doktor psikiatri sendiri atau mengadakan kemudahan kaunseling untuk membantu pekerja-pekerja masing-masing yang menghadapi tekanan jiwa pada peringkat permulaan. Besar kemungkinan mereka tidak perlu dimasukkan ke Hospital Psikiatri kerana tekanan kerja. Ini bermakna mereka akan dapat meneruskan kerja masing-masing serta terus menyumbangkan kemahiran mereka untuk kemajuan syarikat dan negara. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian Sumber Manusia agar dapat mencadangkan kepada pihak kerajaan mengkaji, memberikan insentif kepada syarikat-syarikat swasta agar mereka dapat turut memainkan peranan dalam membantu para pekerja yang menghadapi tekanan jiwa dan tekanan kerja.

Tuan Pengerusi, tentang bayaran PERKESO di sini saya ingin cadangkan kepada pihak PERKESO agar dapat mewujudkan *e-service* untuk mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan bayaran pampasan kepada pekerja-pekerja yang menimpa kemalangan. Saya harap pihak Kementerian Sumber Manusia dapat menerangkan tempoh bayaran wang pampasan terkini dan apakah usaha yang lebih berkesan untuk mempercepatkan bayaran pampasan kepada pencarum PERKESO yang terlibat dalam kemalangan di premis kerja atau semasa dalam perjalanan ke tempat kerja.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Bachok.

4.18 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, selamat berpuasa kepada muslimin dan muslimat sekalian. Mudah-mudahan dalam kita membincangkan di bawah Kementerian Sumber Manusia ini dapat kita mempertingkatkan gerak kerja

kita dalam bulan puasa Ramadan ini. Di bawah Butiran 010200 di atas tajuk Perancangan dan Penyelidikan Dasar.

Tuan Pengerusi, ada tiga perkara yang saya hendak bangkitkan di sini. Pertama, dari sudut perancangan jangka panjang kerajaan untuk memastikan pergantungan kepada pekerja asing ini dari sudut *timingnya* sehingga tahun berapakah Malaysia ini dari sudut pembangunan sektor ekonomi yang ada terus bergantung kepada pekerja asing dan dalam tempoh yang terdekat ini kita nampak tidak ada suatu perancangan jelas untuk kita mengurangkan pergantungan kepada sektor pekerja asing khususnya di sektor perkilangan, pembinaan dan perladangan.

Sehubungan dengan itu, saya cuba untuk membuat beberapa pandangan supaya pihak kerajaan mengambil beberapa insentif segera dalam memastikan galakan kepada pekerja tempatan yang terdiri daripada golongan yang kurang mahir ataupun separuh mahir dan golongan buruh yang mempunyai lebih tenaga kerana kita yakin dan percaya daripada maklumat yang ada pada hari ini betapa ramai lagi pekerja Malaysia yang tidak berminat untuk bekerja di sektor ekonomi tempatan tetapi masih lagi bekerja di Singapura dan di luar negara termasuklah di luar daripada rantau Asia Tenggara.

Sehubungan dengan itu, jika kerajaan boleh mewujudkan agensi pekerja asing bagi memudahkan dan menguruskan kemasukan serta pengagihan tenaga pekerja asing ke pelbagai sektor ini dalam pembangunan negara yang ada, apa salahnya kerajaan sendiri mengambil inisiatif menerusi Kementerian ini untuk mewujudkan satu agensi pekerja tempatan supaya lebih belia-belia kita yang masih menganggur di luar bandar boleh diurus dan diselia dengan baik untuk disalurkan ke pelbagai sektor yang mempunyai kekurangan pekerja seperti mana sektor perladangan, pembinaan dan sektor industri sendiri.

Yang keduanya ialah berhubung dengan apakah komitmen Kementerian Sumber Manusia itu sendiri dalam rancangan untuk mewujudkan satu pelan yang lebih khusus bagi melahirkan golongan *k-workers*, dengan izin, iaitu pekerja yang mempunyai pengetahuan yang lengkap bagi menjayakan matlamat negara bagi memasuki satu cabaran globalisasi ekonomi dan sumbangan yang seharusnya dilibatkan dengan lebih tinggi lagi golongan *k-workers* ini dalam usaha untuk mencapai matlamat kemajuan berteraskan kepada k-ekonomi.

Dalam hal ini, saya ingin mendapat kepastian daripada pihak Kementerian dari sudut komitmen, perancangan yang ada pada hari ini kerana kita nampak daripada perancangan dasar yang ada, masih lagi tidak mengubah suasana yang ada, masih lagi bergantung kepada institusi-institusi latihan perindustrian dan skim-skim latihan yang sedia ada ataupun yang masih bersifat tradisi. Sedangkan dalam usaha melahirkan *k-workers* ini, banyak aspek pembaharuan dari sudut teknologi, dari sudut pengetahuan itu sendiri dan juga dari sudut *expertise*, dengan izin, kepakaran untuk kita melihat supaya tenaga kerja yang ada mampu untuk menghadapi cabaran globalisasi dan matlamat menjayakan k-ekonomi itu sendiri.

Kemudian, yang ketiganya ialah berhubung dengan dasar *technology transfer* dan *expertise transfer* iaitu berhubung dengan usaha untuk memastikan pekerja tempatan mampu untuk bersama-sama dengan pekerja-pekerja asing yang datang ke negara kita bagi mendapat kedudukan, kebaikan dan juga peluang-peluang dalam sektor-sektor perindustrian, kilang-kilang yang dibuka oleh pihak pelabur-pelabur asing itu sendiri.

Apa yang saya terima dakwaan daripada beberapa tenaga pakar tempatan ialah berlakunya diskriminasi dalaman di peringkat kilang dan juga di peringkat organisasi pelabur asing itu sendiri yang datang melabur dan membuka kilang di tempat kita, dalam negara kita ini, mereka tidak diberi peluang untuk menikmati kenaikan pangkat, gaji yang lumayan dan mereka hanya diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran dalam negara dan luar negara termasuklah ke Amerika Syarikat dan United Kingdom di atas bidang-bidang kepakaran tertentu.

Sedangkan bila mereka ini balik dengan cukup kepakaran, tetapi peluang untuk menduduki tahap *supervisor*, mereka disekat-sekat, tambahan pula apabila didapati peluang itu masih didominasi oleh pihak-pihak pekerja asing. Oleh kerana itu, saya ingin tahu, sejauh manakah kerjasama pihak kementerian ini dengan pihak kementerian-kementerian yang berkaitan misalnya pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) itu sendiri dalam memastikan syarat ataupun dasar *technology transfer* ataupun dasar untuk memastikan pekerja kita menikmati kepakaran dari luar ini dinikmati dengan sepenuhnya supaya lebih ramai lagi tenaga pakar daripada tempatan kita dapat dilahirkan dalam usaha kita membawa masuk tenaga ataupun kepakaran dari luar menerusi program pelabur asing ini.

Kemudian di bawah Butiran 040000 – Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja. Di bawah butiran ini, saya ingin tahu ialah sejauh manakah kes-kes keselamatan dan kes-kes kesihatan di industri-industri ataupun di kilang-kilang mampu dipantau dan menjadi bidang kuasa kementerian ini supaya tahap pemakaian *standard* keselamatan dan kesihatan serta kesejahteraan pekerja yang bekerja di kilang-kilang ataupun di struktur industri itu sendiri. Realiti yang berlaku ialah sesetengah kilang khususnya yang agak terpinggir daripada pusat perindustrian ataupun yang berada di luar-luar bandar, di luar daripada zon perindustrian, di dapati tahap *standard* keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan yang diamalkan oleh pengusaha-pengusaha kilang ini adalah terlalu rendah.

Misalnya apa yang saya buat tinjauan daripada kes yang saya cuba rujuk ialah *standard* yang berlaku di kilang perabot kayu dan besi di mana pekerja itu begitu terdedah dengan ancaman-ancaman, bahaya-bahaya akibat daripada pemasangan dan pengurusan mesin atau jentera pemotong dan juga mesin-mesin *welding* didapati tidak dipasang dengan jaring yang boleh mengadang kemungkinan-kemungkinan kemalangan di kalangan pekerja. Oleh kerana itu ditambah pula dengan aspek pengurusan kilang itu sendiri yang tidak meletakkan tanda keselamatan ataupun papan notis, '*Utamakan Keselamatan*' ataupun '*Safety First*', dengan izin.

Begitu pula dari sudut kesihatan, apa yang saya dapat dari tinjauan itu, kita dapati bahawa masih ramai dan boleh dikatakan di kilang-kilang yang saya buat tinjauan di luar daripada zon perindustrian itu, mereka tidak mengamalkan asas-asas kesihatan yang *standard*, pekerja yang terdedah dengan habuk dan debu, tidak diarah atau tidak disyaratkan untuk memakai alat bantu pernafasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Pendek sangat ni. Saya rasa sebentar sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 10 minit sudah.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Begitu juga daripada

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat baca teks, saya tengok jam.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Oh, betul-betul.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beza, jauh.
[Ketawa]

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Sebab tadi Arau pun saya tengok 12 minit.
[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itulah.
[Ketawa]

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Demikian juga kilang padi, kilang pengawet tembakau dan kilang papan yang terletak di luar bandar. Pekerja mereka bukan setakat tidak dibekalkan dengan alat penapisan membantu pernafasan malah

mereka ini dapati pihak pekerja kilang tidak menyediakan doktor panel untuk mereka. Jadi, ini antara perkara-perkara yang perlu dipantau oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Kalau Tuan Pengerusi kata cukup, saya ucap terima kasih.

[Beberapa orang Ahli Yang Berhormat berdiri]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Sipitang. Minta maaf, lepas ini Timbalan Menteri menjawab. Sependek mungkin kalau boleh. Lepas ini Timbalan Menteri menjawab.

4.27 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pendek sahaja ini. Di bawah 20000 – Kemajuan Guna Tenaga Rakyat. Sesuai dengan objektif kementerian iaitu usaha mewujudkan dan mengekalkan kedudukan guna tenaga penuh di negara ini dan juga keutamaan diberi kepada warga-negara bagi semua peluang pekerjaan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi seperti rakan-rakan tadi menyatakan dan kita sering mendengar bahawa beberapa puluhan ribu jawatan masih kosong di negara ini, khususnya tadi daripada saudara Yang Berhormat bagi Tampin menyatakan bahawa 23 ribu buruh yang mahir diperlukan, 1,800 tenaga profesional dan juga beberapa puluh ribu lagi yang diperlukan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apa sebenarnya masalah yang kita hadapi ini. Apakah kementerian telah mengeluarkan buku laporan ataupun panduan yang menyatakan tentang kedudukan jawatan-jawatan kosong dan kategori-kategori jawatan kosong di seluruh negara. Atau, apakah kementerian ada menyediakan laman web, yang mana orang awam boleh meneliti dan mengkaji jawatan-jawatan apa yang kosong dan mereka boleh membuat persediaan untuk mengisi jawatan tersebut.

Yang menjadi masalahnya ialah di Jabatan Tenaga Rakyat, memang kita daftar nama tetapi pekerja ini selalunya menunggu sekian lama dan ada yang telah diberi jawatan, terima kasih kepada Jabatan Tenaga Rakyat tetapi ramai juga yang tidak dapat laporan ataupun *feedback*, dengan izin, yang mana sama ada mereka ini dapat jawatan atau tidak.

Saya mencadangkan supaya laporan mengenai dengan kekosongan jawatan di mana jawatan itu kosong, apa jenis, apa keperluan disediakan dan laporan ini hendaklah diupdate, dengan izin, mengikut tahun. Misalnya, pada tahun ini berapa jawatan yang kosong yang diperlukan dan ramalan tahun hadapan ataupun keperluan tahun hadapan berapa banyak jawatan kosong.

Saya selalu meneliti di setiap hari di akhbar-akhbar tempatan kita *New Straits Times, Berita Harian* memang ada ruangan kekosongan jawatan, tetapi itu tidak mencukupi kerana saya sering didatangi graduan-graduan ini yang menganggur dan juga ibu bapa yang memohon bertanya di manakah anak mereka ini boleh mendapat pekerjaan. Tentu sekali di sini ada kepincangan yang mana informasi kekosongan jawatan itu tidak dapat sampai kepada graduan ataupun kepada penganggur ataupun kepada ibu bapa sehingga mereka teraba-raba.

Saya ingat satu pendekatan baru hendaklah dikaji supaya perkara ini dapat diselesaikan dan menjamin semua graduan ataupun lulusan sekolah, maktab dan sebagainya yang masih belum ada pekerjaan dapat akses ataupun dapat masuk untuk melihat jawatan itu dan mengisi jawatan tersebut.

Tuan Pengerusi, di bawah 040000 - Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan. Saya mengambil kesempatan di sini untuk bertanya kepada kementerian apakah pendekatan kementerian pada masa ini mengenai dengan pekerja-pekerja asing ini. Pekerja-pekerja asing ini bila sudah diluluskan dia tidak lagi dikaji, dia tidak lagi diikuti, *follow up*, mereka bebas, kerana saya dapati orang-orang daripada kawasan saya bila saya datang ke Kuala Lumpur ada di sini.

Saya tahu ini pada mulanya adalah pekerja asing yang bekerja di kawasan saya. Pekerja-pekerja asing ini tidak disemak mengikut pengambilan awal mereka iaitu mereka bekerja sebagai buruh. Tetapi saya dapat tahu ada mereka yang bekerja di Semenanjung ini sudah menjadi supervisor, sudah menjadi technician, dan apakah ini tidak melanggar peraturan yang sepatutnya mereka perolehi.

Saya khuatir kerana ada majikan yang mengambil kesempatan, ada majikan yang tidak mengikut peraturan. Apabila mereka dapat orang-orang seperti ini, dalam permohonan awal adalah buruh, tetapi bila mereka sudah ambil melihat kecekapan dan kebolehan mereka ini, mereka naikkan pangkat kepada supervisor, kepada technician dan tentunya gaji yang dibayar oleh majikan ini rendah dibandingkan dengan gaji anak tempatan dan kecenderungan majikan ini ialah mengambil buruh asing untuk mengisi jawatan technician ataupun supervisor ini atau jawatan-jawatan lain dan ini menidakan peluang anak-anak tempatan kita lulusan IKM, lulusan UiTM dan sebagainya. Apakah ini telah dikaji dan saya minta kementerian membuat penelitian perkara ini supaya ini tidak berlaku.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, iaitu pekerja asing yang tidak diperiksa kesihatannya ini. Pekerja asing ini bergaul dengan pekerja tempatan. Misalnya, buruh ini tetapi kebanyakan, saya tahu pekerja asing ini tidak dititikberatkan pemeriksaan kesihatannya. Kita telah ada agensi FOMEMA yang membuat pemeriksaan ini. FOMEMA telah pun membuat kerja yang baik. Kalau boleh kita memastikan bahawa semua pekerja asing ini diperiksa kerana ini akan membahayakan kepada pekerja-pekerja tempatan yang mana mereka bergaul bersama pekerja asing ini. Pekerja asing inilah yang menjadi punca penyakit-penyakit seperti malaria, Tibi, kusta, kerana mereka ini datang dari negara-negara miskin yang tidak ada pemeriksaan kesihatan ataupun rawatan perubatan yang baik.

Jadi, apabila mereka datang ke negara kita mereka bebas bergaul, berpindah ke sana-sini dan tentu sekali ini akan membahayakan kesihatan rakyat kita dan juga menyusahkan Kementerian Kesihatan untuk mengawal penyakit ini. Jadi, saya mohonlah kepada kementerian untuk mengkaji perkara ini dan kita koordinasikan dengan agensi-agensi seperti Imigresen, Kesihatan supaya perkara ini dapat diatasi.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat berpuasa. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada 13 orang Ahli Yang Berhormat yang berbahas dalam peringkat Jawatankuasa, Kepala B.45 dan P.45.

Saya ingin merujuk kepada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Cheras menyatakan antara 10 pekerjaan terendah dan tertinggi. Sebenarnya memang betul bahawa kajian yang dibuat bukanlah kajian daripada Kementerian Sumber Manusia. Kajian tersebut adalah dari laporan yang diambil daripada Malaysian Employers Federation (MEF). Mengikut kata Yang Berhormat bahawa jika laporan itu betul seolah-olah majoriti daripada mereka yang menerima gaji yang terendah adalah di kalangan mereka yang bekerja di industri perhotelan.

Yang Berhormat perlu sedar bahawa MEF adalah salah satu persekutuan yang mempunyai ahli yang teramai lebih kurang 1.4 juta dan lebih daripada 400 majikan. Ia lebih besar daripada MTUC. Jadi, Yang Berhormat juga menyatakan kenapa tidak ada laporan daripada kementerian. Sebenarnya laporan kementerian dalam peringkat terakhir kerana untuk mengetahui pekerjaan yang terendah dari sudut gaji, ia memerlukan satu kajian yang sangat terperinci dan ia mengambil kira tentang kedudukan negeri-negeri.

Oleh itu, Kabinet sudah mengarahkan kementerian supaya kita dapat gambaran awal tentang struktur gaji, dengan adanya maklumat ini ianya ditaja oleh dana daripada Bank Dunia. Dengan adanya maklumat-maklumat yang terperinci ini saya yakin dan percaya kita akan dapat gambaran yang lebih terperinci bila kita ingin menyatakan kedudukan dan pendirian kita dalam struktur upah dan gaji.

Kerajaan tidak pernah menghalang atau tidak anti gaji minimum. Ini Yang Berhormat bagi Cheras kena faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cheras bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Dalam lain perkataan, selama ini kementerian memang tidak ada satu banciaan atau *finding* yang tepat mengenai struktur upah pekerja Malaysia. Ini satu perkara yang saya pandang serius kerana untuk merancangkan satu sistem penggajian yang progresif patut ada lebih awal lagi, bukan hingga sekarang barulah bertindak.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kena faham bahawa gaji adalah bergantung kepada keupayaan majikan untuk membayar dan persetujuan pekerja menerima gaji yang ditawarkan. Kalau mereka tidak setuju mereka boleh tak perlu terima gaji tersebut atau pekerjaan tersebut.

Seperkara lagi yang perlu Yang Berhormat faham adalah oleh kerana sistem gaji yang kita guna pakai adalah tertakluk kepada, dengan izin, *supply and demand*, dan sudah banyak kali negara kita bila kita buat kajian ia terhalang oleh kerana gangguan-gangguan seperti gangguan *recession* atau *down turn*. Ini sebenarnya akan menggugat fokus kita dalam menentukan arah tentu gaji. Jadi, dana yang kita dapat daripada Bank Dunia untuk mengkaji ini adalah kesan daripada *economic down turn* yang berlaku pada tahun 1997 dan 1998.

Saya yakin dan percaya saya sendiri pun sudah dapat maklumat awal tentang struktur gaji ini. Bila sudah selesai, Yang Berhormat, kita boleh adakan perbincangan mengenai struktur gaji dan keadaan gaji semasa, bukan sahaja 10 teratas atau 10 ke bawah, melibatkan semua sektor pekerjaan.

Yang Berhormat juga ada menyatakan bahawa antara mereka yang menerima gaji yang tertinggi adalah mereka yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam ICT, itu memang betul dan Malaysia memang tidak terkecuali, kita sudah pun menerima bahang daripada ekonomi yang bersifat digital atau k-ekonomi.

Jadi, Yang Berhormat juga rasa bimbang jika kita tidak lakukan perkara-perkara yang positif jurang mengenai gaji dan juga kemahiran yang ada hubung kait dengan ICT ini akan berterusan, ini saya akan cuba jawab dengan soalan yang dikaitkan oleh Yang Berhormat dari Bachok. Saya akan sentuh kemudian.

Ketiga, Yang Berhormat Cheras juga membangkitkan tentang gaji bulanan pekerja ladang. Seperti yang dinyatakan dalam soalan lisan pihak Universiti Malaya yang membuat kajian tersebut sudah pun selesai membuat cadangan-cadangan dan ini sudah pun dimaklumkan kepada dua sektor yang banyak memainkan peranan bagi memastikan gaji bulanan di kalangan pekerja-pekerja ladang menjadi realiti, iaitu kesatuan pekerja-pekerja ladang MAPA dan juga kesatuan pengusaha ladang. Jadi, buat masa ini kita menjadi referee, kita biarkan mereka berbincang dan kita beri masa yang cukup untuk mereka berbincang dengan cadangan yang diputuskan oleh Universiti Malaya.

Yang Berhormat Kinabatangan melahirkan rasa takut beliau dengan penglibatan pekerja-pekerja industri yang pada asalnya dijanjikan untuk bekerja di negeri-negeri di Semenanjung, Johor, Penang dan Lembah Klang tetapi beliau dapati bahawa ramai mereka ini terjebak dalam pekerjaan-pekerjaan yang tidak baik atau tidak bersesuaian dengan tata susila masyarakat Malaysia.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa pengambilan belia-belua dari Sabah ini untuk bekerja sebagai Operator di sektor industri adalah dibuat melalui pelbagai cara, cara pertama melalui kerjasama Jabatan Tenaga Rakyat iaitu sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia atau ada juga cara-cara lain, ia mungkin diurus sendiri oleh majikan di mana majikan datang sendiri ke kampung atau ke bandar-bandar di Sabah mahupun Sarawak, mencari sendiri pekerja-pekerja yang sesuai untuk diserapkan dalam tenaga masyarakat industri atau ia boleh diuruskan oleh agensi persendirian yang datang sendiri.

Jadi, mana-mana yang di bawah Kementerian Sumber Manusia, melalui Jabatan Tenaga Rakyat, itu kita boleh kawal, tetapi kalau ia melalui syarikat atau majikan itu sendiri atau agensi-agensi persendirian, ini di luar bidang kawalan Kementerian Sumber Manusia dan kita tidak ada undang-undang khas untuk menyekat pengambilan pekerja-pekerja ini.

Mengenai kegiatan pekerja-pekerja dari Sabah yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini, ia juga bukan merupakan satu tanggungjawab khusus pihak Kementerian Sumber Manusia. Pegawai-pegawai di Jabatan Buruh hanya kita boleh menjalankan pemeriksaan ke tempat-tempat pekerjaan ini dan jika terdapat mereka yang dari Sabah bekerja dan tidak dapat perlindungan atau kebajikan mereka terabai, mereka boleh sentiasa mendapat perlindungan dan berjumpa dengan pegawai-pegawai buruh yang berdekatan.

Yang Berhormat dari Tumpat melahirkan rasa bimbang beliau, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat mengatakan bahawa kekuatan sesuatu bangsa tidak bergantung semata-mata kepada hasil-mahsul, ini dinyatakan dengan terang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu beliau membentangkan Wawasan 2020 pada Februari 1991, waktu itu Yang Berhormat Tumpat bersama-sama dengan kitalah.
[Ketawa]

Biar saya quote apa kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*The strength of a nation doesn't depend what is below the foot, but actually what lies between that years.*"

Jadi, kekuatan sumber manusia ini memang sudah jadi fenomena biasa yang semua orang tahu bahawa kekuatan sumber manusialah yang boleh mengubah corak dan budaya sesuatu bangsa.

Yang Berhormat ingin tahu sama ada latihan-latihan yang disediakan di Institut Latihan Perindustrian mahupun di institut yang lebih tinggi sedikit, yang kita panggil Ad-Tech Advanced Technology Centre, Pusat Teknologi Tinggi. Sebenarnya dahulu ekonomi Malaysia berasaskan kepada komoditi, lepas komoditi kepada pembuatan, sekarang kita pergi ke digital ekonomi. Tetapi kalau kita lihat secara overview semua ketiga-tiga perkara ini wujud pada satu ketika, walaupun kita dalam ekonomi pembuatan, kita masih tidak tinggalkan ekonomi yang berasaskan kepada komoditi.

Begitu juga dengan k-ekonomi, kita tidak boleh tinggalkan terus ekonomi yang berasaskan kepada pembuatan. Maka kursus-kursus yang kita sediakan adalah ke arah lebih menekankan kepada usaha-usaha untuk memberi latihan dan kemudahan serta kemahiran kepada ICT, sebab kita masih lagi bergantung kepada machinery, tetapi mesin yang ada sekarang adalah mesin yang beroperasi melalui operasi komputer.

Jadi, mereka yang dahulunya hanya setakat membuat meningkatkan kemahiran mereka dalam mesin ini, tidak ada tambahan value added, unsur-unsur

komputer, tetapi sekarang kita tambahkan bukan sahaja mereka ini mahir dalam mesin, tetapi juga mereka didedahkan dalam bidang kemahiran yang berkait rapat dengan ICT.

Umpamanya, saya beri contoh, untuk kursus Teknologi Sijil Pemesinan, 12 bulan, mereka ini didedahkan kepada CNC machine yang komputer motivated cara pergerakannya semua ditentukan oleh komputer. Setakat ini kita punya student machine ratio is 1:1, jadi pelatih mempunyai masa yang begitu lama untuk mereka didedahkan dengan teknologi-teknologi yang mencambahkan kreativiti dan inovasi.

Jadi sebab itu mereka yang dilatih di bawah Sijil Teknologi Pemesinan (CNC) ini, bulan November, majikan sudah tunggu dekat kita punya ILP untuk mereka ditawarkan kerja. Yang Berhormat bagi Tumpat, mahal lah dia orang punya gaji, lebih mahal daripada saya mula-mula jadi bomoh cucuk dulu. Antara RM1,500 ke RM1,600. Yang ini teknologi pemesinan dan dengan adanya ATEC ini kita akan mempertingkatkan lagi daripada sijil ke diploma dan juga *advance diploma*.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga ingin bertanya bahawa bolehkah kita *continuos relearning*. Kita di ILP sedang cuba berbincang dengan lebih mendalam dengan mereka yang berada di industri supaya bagaimana kemudahan-kemudahan yang ada di ILP digunakannya oleh masyarakat. Bukan sahaja masyarakat industri tetapi masyarakat kampung. Umpamanya pusat sumber ada 50 biji komputer di *lab*, jadi kita hendak buka juga makmal komputer ini kepada orang kampung supaya mereka boleh digunakan dan sejak kita tubuhkan ini, memang kita galakan *modular courses*, kursus-kursus pendek untuk menggalakkan pekerja terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam bidang-bidang yang sejajar dengan k-ekonomi.

Yang Berhormat bagi Tumpat, Yang Berhormat bagi Arau, Yang Berhormat bagi Batang Lupar [*Memandang kepada Y.B bagi Batang Lupar*] Dia khusyuk dan tawaduk [*Ketawa*] Beliau juga membangkitkan tentang pembantu rumah asing. Saya ingat Yang Berhormat bagi Seputeh pun membangkitkan pembantu rumah asing sama ada perlu atau tidak dimestikan mengikut peraturan supaya mereka ini diberi latihan atau orientasi supaya mereka ini dapat didedahkan kepada adat dan tatasusila masyarakat Malaysia.

Sebenarnya sebelum kebanyakan pembantu rumah asing ini, pembantu-pembantu rumah yang datang ke negara kita, yang datang dari Sri Lanka, Indonesia, Filipina melalui agen-agen yang diiktiraf oleh kerajaan, biasanya memang ada satu bentuk latihan orientasi. Mereka yang tidak didedahkan ini barangkali dan besar kemungkinan adalah terdiri daripada mereka iaitu pembantu rumah asing yang menyeludup masuk sini atau dia datang sendiri atas inisiatif majikan. Jadi kita belum lagi berhajat untuk mengadakan *compulsory* maknanya mesti ada wujudnya latihan orientasi kepada pembantu rumah asing ini tetapi dalam percambahan fikiran yang saya sendiri jadi pengerusinya di mana kita lakukan *brain storming* ini dengan izin, kerana dalam waktu itu dalam *mass media* cetak heboh mengatakan bahawa terlalu banyak kes-kes majikan mendera pembantu rumah asing atas asas mereka ini tidak mengetahui adat dan susila rakyat Malaysia.

Jadi mengenai latihan dan orientasi itu adalah sebahagian daripada perkara yang dicadangkan oleh persatuan agar walaupun mereka sudah ada bentuk latihan di negara masing-masing tetapi apabila dia datang sini, mungkin diadakan lima hari kursus penerangan kepada pembantu asing, ini yang kita sedang kaji.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa buruh kanak-kanak. Buruh kanak-kanak tidak ada lagi di Malaysia ini. Malaysia ini bebas daripada buruh kanak-kanak tetapi kalau agaknya Yang Berhormat dari kecil dahulu ada jual kuih, itu bukan buruh, itu kita tolong. Budaya kitalah.

Ini mengenai perbuatan peniimpin persatuan perkhidmatan kakitangan awam menyokong tindakan Kementerian Pendidikan terhadap guru-guru yang bermasalah khususnya Presiden CUEPACS. Ini hak dialah Yang Berhormat, Yang Berhormat

selalu kata demokraskan? Sebenarnya, kalau kita lihat pun Presiden CUEPACS ini ada juga dia tidak setuju dengan kerajaan, cuma yang tidak setuju dengan kerajaan itu, dia tidak keluar. Yang setuju, pembangkang nampak [Ketawa] Jadi ini mencerminkan bahawa hak dia sebagai Presiden kepada satu persatuan yang menjaga kepentingan ahli-ahlinya. Jadi kita biarkanlah Yang Berhormat dia dengan persatuan sekerja, kita dalam politik.

Yang Berhormat bagi Larut, hari ini surat khabar *New Straits Times* ada menyatakan tiga hari sebenarnya Yang Berhormat, bukan dua hari memproses bayaran pampasan. Ini kurang daripada RM30 ribu boleh selesai dalam tiga hari. Itu komitmen yang serius daripada Yang Berhormat Menteri saya dan kita yakin kita boleh buat perkara tersebut dengan syarat. Mereka yang menerima kemalangan ini, bila dia tuntutan bayaran pampasan ini, dia mesti cukup lengkap dan kita akan proses secepat mungkin dalam masa tiga hari tetapi kalau tidak lengkap, jangan marah kementerianlah.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa betapa gembiranya pemain-pemain bola sepak terutamanya pemain bola sepak Perak, dua tahun berturut-turut jadi johan. Mengenai perlindungan dan faedah yang mereka perolehi bila mereka ini menjadi pencarum PERKESO.

Jadi usaha akan terus dibuat bukan sahaja kepada pemain-pemain bola sepak tetapi atlet-atlet yang dinyatakan dalam kontrak pekerjaan mereka itu yang menyatakan mereka adalah pekerja. Maka dengan sendirinya mereka ini diberi perlindungan jika gaji dan upah mereka kurang daripada RM2000 tetapi kalau lebih, ini terpulang kepada majikan dan pekerja itu sendiri secara elektif.

Ini mengenai ibu tunggal yang mendapat faedah atau pampasan SOCSO atau ibu tunggal ini dapat pencen penakat. Setakat ini kita belum ada lagi ura-ura untuk mengubah, jadi kalau ibu tunggal ini menerima faedah SOCSO kemudian dia jatuh cinta dan ingin berumah tangga dengan sendirinya faedah-faedah..

Puan Chong Eng: Terima kasih, mengapa setelah Yang Berhormat dari pihak Barisan Nasional yang menimbulkan masalah ini, mengapa pihak Barisan Nasional masih tidak ingin mengkaji semula tentang polisi ini kerana kalau sekiranya si suami yang dapat pencen isteri yang meninggal dunia itu, dia kahwin lagi, dia masih mendapat pencen. Bukankah Barisan Nasional selalu mengatakan bahawa selalu menghormati kepada kedudukan wanita, tetapi di sini kita nampak polisi ini tidak menganggap bahawa wanita ini sama dengan lelaki, atau isteri sama dengan si suami, apakah sebabnya. Harap boleh jelaskan, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Ini orang yang menerima pampasan daripada SOCSO, kerana kalau lelaki pun dia malang, dia tidak boleh macam-macam Yang Berhormat. Jadi kalau dia hendak kahwin dua pun tidak boleh, faham tidak saya cakap.

Puan Chong Eng: Bagaimana dengan pencennya.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yalah lelakilah Yang Berhormat cakap tadi, kalau lelaki dia terima daripada SOCSO ini, dia boleh kahwin satu lagi.

Puan Chong Eng: Apa sebabnya.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Memanglah dia boleh kahwin dan

Puan Chong Eng: Kerana kalau ini..

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Faedah SOCSO itu, duduklah saya tengah bercakap ini. [Disampuk] Yalah saya tengah hendak bercakaplah ini. Jadi ia pada masa ini dasarnya, kita boleh kaji balik, kerana di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam pun sedangkan ibu tunggal yang sihat, yang mendapat pencen, yang kematian suami juga akan hilang faedah-faedah pencen bukan sahaja pencen SOCSO jika ia berumah tangga. Sebab kita beranggapan bahawa bila dia berumah tangga dia mempunyai suami yang boleh menjaga kepentingan masa depan, itu asas dia. Tetapi

kalau ada statistik yang mengatakan bila dia kahwin suami dia tinggal dia dan dia hilang pencen, ini kita boleh kaji semula.

Puan Chong Eng: Satu lagi boleh, yang soalan di sini mengapa lelaki yang mempunyai isteri-isteri, kalau isteri-isterinya meninggal dunia, kalau isteri-isterinya ada pencen dia pun dapat pencen, jikalau dia kahwin lagipun dia akan mendapat pencen, pencen isteri-isterinya. Tetapi hanya yang terbaliknyanya isteri hanya dapat satu pencen kalau dia kahwin lagi mengapa tidak boleh dia menikmati apa yang ditinggalkan oleh bekas suaminya kepadanya, apakah sebabnya, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat kita kaji baliklah [*Ketawa*]. Tidak banyak pun statistik, tunjukkanlah statistik itu, ini satu sahaja contoh, tidak bolehlah kita hendak jadikan..

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [*Bangun*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat bagi Tambun dan Larut.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Tambunlah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kepada Timbalan Menteri, kes SOCSO yang dimaksudkan, adakah SOCSO yang diterima oleh wanita tersebut. Jadi kalau dia kahwin yang itu patut boleh dipanjangkan. Yang Berhormat maksudkan SOCSO yang diterima oleh sebab kematian suami, yang mana sepatutnya suami dia punya tetapi oleh kerana dia sudah mati jadi pergi kepada isteri dan apabila isteri ini kahwin, SOCSO itu tidak lagi menjadi miliknya. Serupa macam pencen, kalau pencen milik dia sendiri, jadi dia kahwin pun boleh di panjangkan, betul macam itukah. Tetapi kalau pencen yang diterima daripada suaminya tidak boleh dipanjangkan kalau dia kahwin lain, betul atau tidak?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau dia terima faedah SOCSO itu adalah suami yang meninggal dunia dan meninggalkan isteri yang kemudiannya menjadi ibu tunggal, maka hak untuk faedah SOCSO itu akan diterima oleh ibu tunggal itu. Jika dia kahwin dengan sendirinya faedah yang diterimanya daripada faedah suami dia tadi itu akan terputus.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, saya inginkan penjelasan. Ibu tunggal yang masih bekerja, adakah dia juga turut mendapatkan manfaat yang sama. Maknanya dia boleh menerima dua sumber, itu satu. Kedua kalau suami mendapat ganjaran kemalangan isteri, pencen SOCSO tadi bagaimanakah pula kedudukan kalau dia berkahwin. Itu hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Tadi saya minta yang isteri, sekarang yang suami.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau suami, dikenakan menjalani ujian dependency test. Jadi kalau ibu tunggal itu dia boleh bekerja dan dia boleh terus menerima pencen suaminya. Faham ya Yang Berhormat. Kemudian....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Nerus.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: [*Ketawa*]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini pembela ibu tunggal ini, saya pun macam itu juga.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya rasa tertarik juga bab kematian suami dan kematian isteri ini. Dari satu segi rasanya tidak adil juga kalau isteri yang kematian suami apabila dia kahwin lain, pencen suami yang pertamanya batal. Ini dari suatu segi menakutkan si perempuan itu untuk kahwin lain, terutama kalau sekiranya lelaki yang baru, yang dia jatuh hati itu gajinya lebih kecil. Maknanya kalaulah yang kedua itu meninggal pula pencen siapa yang dia terima,

sudah pasti pencen suami yang kedua tadi, yang jauh lebih rendah. Jadi maknanya apakah salahnya kalau dikekalkan pencen yang pertama kerana itu merupakan haknya semasa dia berkhidmat dengan suaminya yang pertama. Inilah yang dilakukan di negeri Terengganu sekarang, kalau perempuan kahwin lain dia tidak gugur pencen suami pertamanya.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Kuala Nerus. Ini Yang Berhormat bagi Larut bertanyakan dengan kedudukan kes gangguan seksual yang dilaporkan berlaku di Jabatan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat pergi kepada yang itu, masih lagi yang ini, saya hendak tanya bagaimanakah kementerian boleh memastikan bahawa si isteri ibu tunggal tadi tidak berkahwin. Kalau katakanlah mereka berkahwin senyap-senyap di luar pada Malaysia, ke Siam misalnya, ini serius, saya minta sedikit penjelasan apa tindakan daripada kementerian dalam hal ini. Kerana kadang-kadang kita tidak tahu kalau tidak ada siapa yang mengaku dia berkahwin. Adakah dengan mengharapkan laporan daripada orang ramai atau sebagainya. Saya minta penjelasan sedikit. Bagaimana pihak kementerian boleh tahu perkara ini.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat ini bergantung kepada teras kepercayaan. Kalau saya percaya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat pun boleh percaya dekat saya. Kalau kita hendak check semua ibu-ibu tunggal ini, saya ingat kalau ada kes-kes spesifik berlaku sila refer kepada kita untuk kita ambil perhatian.

Puan Chong Eng: Penjelasan

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya ingat kalau kita bincang fasal ini tidak habis Tuan Pengerusi, sila duduk. Gangguan seksual yang dilaporkan berlaku di jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia, kementerian memang memandang berat dan serius terhadap kejadian-kejadian gangguan seksual di tempat kerja, apatah lagi ianya berlaku di kementerian sendiri dan kes tersebut adalah dalam tindakan kementerian dan pihak polis. Kita sedang menunggu – mekanisme dalaman kita sudah buat dan kita sedang menunggu laporan dan siasatan daripada jabatan polis. Ini satu kes sahaja Yang Berhormat, kebetulan berlaku di Ipoh.

Yang Berhormat bagi Sandakan banyak membincangkan tentang keperluan pekerja-pekerja untuk didedahkan pekerja-pekerja kepada sumber latihan dan kemahiran khususnya dalam Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, promosi-promosi kesedaran ini memang kita adakan di seluruh negeri Sabah dan untuk tahun 1999 sahaja kita mengadakan 25 bengkel dan sekarang ini, kita sudah adakan 27 bengkel untuk tahun 2000 untuk memberi promosi dan kesedaran kepada majikan-majikan yang berada di Sabah dan kita ada pejabat HRDC di Sabah. Selain daripada iklan di media cetak dan elektronik, kita juga mengadakan siaran-siaran siaraya melalui radio di negeri-negeri termasuk di Sabah dan Sarawak. Jadi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sandakan.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menyatakan secara spesifik tentang pekerja-pekerja Esso yang bekerja di *offshore* dan *onshore* yang tidak dapat layanan setimpal daripada majikan dan melanggar Akta Pekerjaan 1955.

Kita sudah rujuk untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, perjanjian bersama di antara pekerja dengan majikan telah wujud dan maklumat yang saya dapat, perjanjian bersama telah dimeterai di antara majikan dengan kesatuan sekerja dan mengikut perhubungan perusahaan, jika mana-mana pihak rasa yang ia tidak diberi layanan yang setimpal, mengikut yang tertera dalam perjanjian bersama, *collective agreement*, dengan izin. maka mana-mana badan ini boleh merujuk terus kepada Mahkamah Perusahaan untuk mahkamah menentukan keputusannya jika mana-

mana artikel dalam perjanjian tersebut tidak dipatuhi. Jadi, saya yakin dan saya percaya pegawai-pegawai di Jabatan Perhubungan Perusahaan telah pun menangani isu ini.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang rasa kesedaran di kalangan majikan-majikan terutama daripada Britain dan juga Jepun yang menyedari tentang *in-house training*, tidak majikan daripada Taiwan tetapi yang paling kita takut ialah majikan kita sendiri kerana untuk tahun ini sahaja kita menjalankan promosi yang hebat, kita bekerjasama dengan Persatuan IKS dan juga persatuan pengilang-pengilang bumiputera untuk kita mempergiatkan lagi usaha untuk melatih *in-house training* dengan menggunakan levi yang kita kutip daripada MPSM.

Setakat ini, saya sedar kenyataan Yang Berhormat itu memang benar dan tepat bahawa *relearning culture*, dengan izin, di kalangan majikan-majikan Jepun, Amerika dan British memang tinggi berbanding dengan majikan lain. Saya akan sentuh dengan secara mendalam waktu membentangkan Akta Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia 2000.

Yang Berhormat bagi Tampin menyatakan bahawa risaunya tentang 24,000 yang wujud kekosongan. Ingin saya maklumkan, kekosongan yang wujud untuk tahun lepas sebanyak 24,000 tidak dapat diisi kerana kebanyakan jawatan-jawatan ini adalah jawatan-jawatan yang tidak dapat menangkap imaginasi dan minat golongan muda. Contohnya pertanian, pembinaan dan perkilangan dan melaporkan kekosongan ini tidak menjadi kemestian dan majikan-majikan tidak perlu melaporkan kekosongan kepada jabatan. Walau bagaimanapun, kita di Kementerian melalui Jabatan Tenaga Rakyat, saya rasa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tampin dan juga Yang Berhormat bagi Sipitang ini dapat saya rumuskan dengan adanya *Electronic Labour Exchange* (ELX) mula beroperasi pada tahun hadapan.

Buat masa ini, kekosongan yang berlaku adalah dibuat secara manual. Sebagai contoh, orang kata penganggur daripada Tampin mungkin tahu kekosongan hanya berlaku di Tampin atau Seremban, dia tidak tahu apa yang berlaku di Tumpat ataupun yang berlaku kekosongan di Kuala Kedah. Sama juga di Kuala Kedah mungkin tidak tahu apa bentuk kekosongan pekerjaan yang ada di Mersing, tempat saya. Tetapi dengan adanya ELX ini, *match matching* ini akan dilakukan secara elektronik dan peminat pekerjaan ini boleh *enter the website*, dengan izin, dan bukan sahaja dalam negara dan juga di luar negara dan dia mengetahui apa jenis kekosongan, apa minat dia dan semua ini akan dicerakinkan secara elektronik.

Dengan ini kita akan lebih mudah mengetahui pergerakan buruh seluruh negara. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tampin dan Sipitang kerana begitu prihatin dengan siswazah menganggur. Bila dia menganggur baru dia pergi dekat kitalah, bila dia dapat kerja, dia tidak jumpa pun kita. Siswazah yang menganggur ini.....[Disampuk]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita sebenarnya menerima... nanti sekejap, sikit lagi. Kita sebenarnya menerima *end product*. Sebelum itu ia di bawah Kementerian Pendidikan, cuma kebetulan dia ada hubung kait dengan Kementerian Sumber Manusia kerana salah satu jabatan yang memberikan perkhidmatan untuk *match making* di antara pekerjaan dengan siswazah yang berminat untuk bekerja dan sesuai dengan bidang yang diambil. Sebagai contoh, hasil pertemuan saya dengan ramai siswazah yang menganggur, antara perkara yang mereka nyatakan adalah mereka ini mempunyai tahap yang rendah dalam berkomunikasi terutamanya dalam bahasa Inggeris.

Jadi, Kementerian Sumber Manusia *respond* kepada ini dan mengadakan *crash programme* untuk meningkatkan keupayaan bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Kita jangkakan sekurang-kurangnya 1,000 atau 2,000 yang akan datang ke tempat kita untuk mempertingkatkan tetapi akhirnya hanya setakat 20

orang yang datang. Kita tidak tahu kenapa 20 orang sahaja yang datang. Mungkin yang lain itu, sebenarnya sudah bekerja..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sipitang

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat. Ini satu berita baiklah kepada graduan-graduan kita, kepada lulusan universiti, maktab dan juga lulusan sekolah. Tetapi, sejauh manakah kalau sudah ada ELX ini, sejauh manakah ia boleh sampai ke daerah-daerah di luar bandar. Apakah mekanisme dan apakah ia akan dibekalkan satu papan tanda besar di Jabatan Tenaga Rakyat ataupun di pejabat daerah ataupun di universiti. Saya ingat ini penting. Lagi satu Yang Berhormat ia juga penting kepada universiti kalau boleh sediakan supaya jawatan-jawatan kosong di seluruh negara ini bidang apa, berapa setahun, tahun depan ataupun tiga tahun akan datang diperlukan, supaya pelajar ini boleh memilih jurusan yang mereka akan cari. Sekarang ini banyak pelajar dia terabara, masuk universiti ikut hobi dan juga ikut kesukaan tidak mengikut keperluan negara sebab itu mungkin..., itu yang *mismatching* itu tadi. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sampai mana ya? Adakah sampai dekat Sipitang. Okay. Fasa Pertama kita hendak letakkan *hardware* kita di pejabat-pejabat di Jabatan Tenaga Rakyat. Saya tidak ingat sudah berapa banyak. Tetapi pusingan kedua akan kita letakkan di pejabat pos maknanya kalau berurusan di pejabat pos setakat ini kita belum lagi ada ura-ura untuk mengenakan bentuk *charge service* kepada pencari-pencari kerja. Saya ingat sebagai kerajaan yang prihatin sementara ini kita tidak akan dikenakan apa-apa bayaran. Maknanya Fasa Kedua dia akan sampai ke Sipitang. Saya pasti di Sipitang ada tiga pejabat pos sebab saya sama dengan Yang Berhormat, jadi *director* pilihan raya dahulu. Itu satulah.

Dan soalan kedua tadi apa Yang Berhormat? [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sipitang*] Yang Berhormat bagi Sipitang soalan kedua tadi? Ada dua soalan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Soalan kedua tadi saya ingin supaya disediakan kekosongan jawatan itu berapa, mengikut kategori. Misalnya doktornya berapa diperlukan. Tetapi dalam masa tiga empat tahun akan datang, *projection*, keperluan supaya pelajar ini bila masuk universiti dia boleh memilih jawatan apa dia hendak. Dia tahu ada kekosongan jawatan di situ jadi dia boleh..., dia kata doktor perlu banyak baru dia boleh pilih. Tetapi ini juga kalau boleh kita bagi ke universiti ataupun di mana mereka ingin belajar.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Faham Yang Berhormat. Saya ingat itu sebahagian daripada *software* yang memang ada dalam..., kita belanjakan RM24 juta Yang Berhormat. Jadi memang ada dalam *software* itu.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang dia hendak sangat tadi adalah supaya ditubuhkan institut latihan pembantu rumah, disokong kuat oleh Arau, saya pun bersetuju kita akan kaji. Ini mempunyai satu implikasi yang besar apatah lagi pembantu-pembantu rumah inilah yang mendidik anak-anak untuk sepuluh tahun, dua puluh tahun, tiga puluh tahun akan datang. Dan saya tengok juga, mana-mana negara yang bergantung kepada buruh asing ini dan hidup atas dasar imigran macam Amerika sampai sekarang pun dia terus menerus bergantung kepada buruh asing. Jadi soalan Yang Berhormat bagi Bachok sampai mana kita hendak bebas daripada buruh asing, ini satu persoalan yang sukar dijawab. Jadi sama ada perlu atau tidak jabatan buruh asing ini, perlu ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Bangun*]

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Shah Alam, kalau sambung lagi ...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Boleh balik sikit. Balik sikit.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Pengerusi.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi sekejap. Tadi fasal cadangan dari Yang Berhormat bagi Batang Lepar ini sebabnya saya bangkit saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Arau tetapi dia tidak bagi laluan. *Zero-one ya, next time* tidak bagi. [Ketawa]. Saya menyambut baik. Saya pun sokong Yang Berhormat bagi Arau tadi supaya institut latihan pembantu rumah ini diwujudkan. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada *positive respond* kepada masalah ini. Tetapi saya fikir bahawa pembantu rumah ini selalu di *associate* dengan pembantu rumah asing seperti Philippines, Indonesia dan *market forces* ini yang akan menentukan kerana dari segi gaji RM350 tentulah kalau latihan institut yang akan dikemukakan tentulah bayarannya yang *local* ini akan jadi lebih tinggi RM650 kah atau RM700. Tetapi kalau kerajaan mempunyai iltizam yang kuat tidak hendak bergantung dengan pembantu rumah dari luar boleh atau tidak kementerian mengambil satu langkah drastik supaya mengharamkan pembantu rumah luar ini, daripada negara asing ini. Jadi bila ada keperluan itu terpaksa hendak *source* dalam negeri maka secara keperluan dia akan timbul tetapi dia punya polisi itu *you have to deter* yang dekat luar ini.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Tetapi sebenarnya pembantu rumah yang dilatih di Malaysia dua tahun, tiga tahun kemudian mereka ini ada kemahiran dan latihan dan ada banyak pengalaman bila mereka pergi ke Hong Kong mereka dengan sendirinya diberi satu pengiktirafan yang tinggi, gaji mereka sudah terlalu tinggi. Dan Malaysia setakat ini merupakan satu *training ground* walaupun tidak ada institusi tetapi cara mereka bekerja ini adalah sebahagian daripada proses latihan. Cuma Yang Berhormat bagi Batang Lepar ini mencadangkan supaya kita buat secara teratur dengan adanya institusi. Kita akan ambil maklum cadangan yang baik.

Yang Berhormat bagi Seputeh juga melahirkan masalah pekerja-pekerja terutamanya pekerja asing, apatah lagi pekerja asing ini datang tanpa izin. Sebenarnya undang-undang perburuhan tidak membezakan pekerja asing atau pekerja tempatan dengan syarat mereka adalah pekerja asing yang sah. Ada dokumen-dokumen yang tertentu yang mengesahkan dia adalah seorang pekerja. Jadi kalau ada kes-kes yang *isolated* dengan izin, yang perlu diambil perhatian mengenai perkara-perkara seperti kebajikan mereka, kita akan ambil perhatian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sikit sahaja. Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh habis dalam ...

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Dua minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Dua minit boleh? Jadi tuntutan gaji di mahkamah buruh ini kita akan ambil perhatian.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, cadangan daripada Yang Berhormat bagi Arau itu saya sudah ambil kira.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah mengatakan bahawa rancangan menggalakkan pekerja Malaysia kembali. Sebenarnya jawatankuasa khas telah pun ditubuhkan untuk mengkaji perkara tersebut dan dipengerusikan oleh kementerian kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Bachok...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya tidak beri saya hendak habis dahulu soalan Yang Berhormat bagi Bachok.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Dalam mewujudkan prasarana *k-workers* ini, pelan tindakan yang kita jalankan, pertama latihan dalam bidang berkaitan komputer dan teknologi maklumat layak mendapat bantuan kewangan seratus peratus. Dan setakat ini sehingga 30 September kita sudah belanjakan RM109 juta untuk bidang IT. Majikan juga layak menerima geran latihan untuk membeli komputer peribadi yang kita bagi dan jumlah sebanyak RM14 juta telah kita belanjakan dan kita juga akan melaksanakan skim perintisan persediaan teknologi maklumat yang berjalan selama lima bulan di peringkat awal dan tahun depan kita akan gunakan dana awal sebanyak RM5 juta untuk melatih *k-workers* ini.

Kita juga membangunkan skim perintisan teknologi maklumat dalam *multimedia programming, designer authoring* dan kita juga sejak bulan Oktober kita membenarkan e-latihan juga mendapat bantuan kewangan. Maknanya berlatih melalui Internet dengan kriteria-kriteria yang kita luluskan dan mereka ini layak mendapat bantuan seratus peratus.

Jadi Yang Berhormat bagi Seputeh pun sudah balik, Yang Berhormat Tuan Pengerusi dengan ini saya akhiri perbahasan saya. Mana yang tidak sempat itu kita akan ambil perhatian dan Kementerian Sumber Manusia akan terus memastikan yang kekuatan sumber manusia negara merupakan kekuatan sumber manusia bertaraf dunia.

Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM217,050,400 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM217,050,400 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM874,145,950 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM874,145,950 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 4 Disember.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang